

Jilid II
Bil. 6



Hari Rabu
17hb Mei, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 679]

USUL²:

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran
Meshuarat [Ruangan 764]**

**Uchapan Terima Kasah kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 732]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 17hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AJSHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

Yang Berhormat DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S., K.M.N. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C., (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).

- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEPEREKSAAN PERCHUBAAN KERANI²—KEGAGALAN

1. **Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan sebab² besar-nya bilangan kegagalan dalam Peperiksaan Perchubaaan untuk kerani² tetap dalam mana hanya 39 orang sahaja yang lulus dari jumlah 838 orang chalun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu barangkali memikirkan kapada Peperiksaan Kerani² Am Dalam Perchubaaan yang telah di-adakan dalam bulan Julai, 1971 di-mana 838 orang chalun telah mengambil Peperiksaan itu di-Selangor. Dalam Peperiksaan itu Pegawai² Kerani ini di-kehendaki mengambil dua kertas peperiksaan ia-itu :-

KERTAS I: Peratoran Kerja Pejabat
DAN KERTAS II: Peratoran Kewangan Permulaan.

Markah lulus bagi tiap² kertas ini ia-lah 50% dan chalun² mesti-lah lulus kedua² kertas I & II dalam satu peperiksaan untuk lulus peperiksaan tersebut.

Di-dalam peperiksaan bulan Julai itu 407 orang chalun telah lulus Kertas I, tetapi hanya 46 chalun sahaja telah lulus Kertas II. Dalam pada itu 71 chalun telah tidak hadir dalam peperiksaan tersebut. Dengan demikian bilangan yang tidak lulus dalam peperiksaan tersebut ada-lah besar sedikit.

Untuk mengatasi masa'alah kegagalan yang besar ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuat keputusan bahawa mulai daripada peperiksaan bulan Julai 1971 itu, chalun² tidak perlu lagi lulus kedua² Kertas I dan II dalam satu peperiksaan sahaja. Chalun² yang lulus mana² satu kertas akan di-kechualikan daripada mengambil kertas yang ia telah lulus dalam peperiksaan yang akan datang, dan dengan ini ia boleh menumpukan masa kapada kertas yang ia telah gagal sahaja. Dalam pada itu kemen-

terian² dan juga Jabatan² ada-lah juga di-galakkan mengadakan kelas² bimbingan bagi Pegawai² Kerani itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa beberapa orang chalun² yang mengambil peperiksaan tersebut telah gagal. Ada yang gagal dalam Kertas I—Manual of Office Procedure atau mereka gagal dalam peperiksaan Kertas II—Peratoran Kewangan Permulaan. Saya hendak bertanya di-antara sebab² mereka yang gagal dalam peperiksaan tersebut, ada-kah taraf peperiksaan itu pada tahun yang lalu begitu tinggi, oleh sebab itu begitu ramai chalun² telah gagal dalam peperiksaan tersebut?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir taraf peperiksaan itu terlalu tinggi. Saya fikir satu daripada sebab-nya ia-lah mereka itu tidak begitu mengambil berat di-atas peperiksaan² ini. Jadi, harus juga barangkali di-sebabkan kita berkehendakkan mereka itu lulus kedua² bahagian, Bahagian I dan Bahagian II, ini barangkali memberatkan sedikit mereka. Kita telah ringankan, ia-itu mereka boleh, jikalau lulus Kertas Peperiksaan I tidak payah ambil Bahagian I, hanya menumpukan masa kapada Bahagian II dan begitu juga kita harap akan di-adakan kelas² latehan supaya di-beri peluang yang lebeh luas untuk mereka itu mendapatkan latehan². Saya tidak bersetuju, ia-itu peperiksaan² ini di-rendahkan mutu-nya kerana ini akan melemahkan kedudukan pegawai² ini, yang kita kehendaki sentiasa chekap dan menjalankan tugas mereka itu dengan sempurna.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan kebiasaan-nya tiap² tahun berapa peratus chalun² lulus dalam peperiksaan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat angka-nya (figure) tetapi itu tidak-lah ada menyentoh kedudukan tahun ini—tahun lepas. Oleh sebab barangkali tahun yang lalu banyak yang lulus tidak berma'ana peperiksaan tahun 1971 bilangan-nya kurang yang lulus dan ini tidak berma'ana peperiksaan tahun 1971 itu lebeh tinggi mutu-nya daripada tahun 1970 atau 1969. Saya fikir orang selalu mengatakan peperiksaan

ini tinggi mutu-nya ia-lah menjadi sebab yang mereka itu gagal dalam peperiksaan dan seperti saya kata tadi, kita telah mengambil langkah yang chukup untuk timbang rasa kepada mereka supaya mereka itu boleh lulus dalam peperiksaan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar Persatuan Kerani² telah membantah oleh sebab chalun² yang tidak lulus, atau gagal dalam peperiksaan itu terlampau tinggi—bilangan-nya tinggi. Oleh sebab itu, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu kepada Dewan ini mereka (chalun²) yang mengambil peperiksaan itu ada-kah semua-nya bodoh belaka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak katakan mereka itu bodoh, tetapi mereka tidak lulus peperiksaan, barangkali mereka itu ta'berusaha bagi menyediakan preparation untuk mengambil peperiksaan ini. Jadi mustahak-lah mereka itu menumpukan masa yang lebeh untuk mendapatkan kejayaan dalam peperiksaan itu. Jadi, selalu biasa-nya bila kita tidak lulus peperiksaan itu kita kata standard atau darjah-nya terlampau tinggi. Pada kebiasaan-nya mestilah berusaha lebeh sedikit untuk hendak mendapatkan kelulusan di-dalam peperiksaan itu.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Could the Honourable Prime Minister please indicate whether the clerks who have failed in this examination would be given another opportunity to sit for the examination once again?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, dia boleh mengambil peperiksaan lagi dan kita telah beri pula keistimewaan ia-itu kalau dia tidak lulus Bahagian I dan dia tidak lulus bahagian II, dia tidak payah ambil lagi Bahagian I dan boleh ambil Bahagian II sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana menteri telah menerangkan kerani² yang gagal di-dalam peperiksaan itu boleh di-beri lebeh latehan supaya mereka boleh mengambil peperiksaan sa-mula dan mereka boleh lulus. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri apa-kah langkah lain yang Kerajaan akan ambil supaya kegagalan kerani² ini di-dalam peperiksaan di-masa akan datang tidak boleh begitu tinggi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, langkah yang lain ia-lah kita menggalakkan supaya di-adakan kelas² supaya mereka itu boleh berlatih dan belajar dengan lebeh masa sedikit, jadi sa-lain daripada itu tidak ada yang kita boleh buat. Kalau mereka itu tidak berusaha, tidak lulus di-dalam peperiksaan itu tidak ada apa yang kita boleh buat. Mereka itu mesti-lah berusaha supaya mereka itu boleh lulus dalam peperiksaan² yang di-tentukan.

RA'AYAT MALAYSIA (SARAWAK) DI-JABATAN² PERSEKUTUAN

2. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan bilangan ra'ayat Malaysia dari Sarawak yang sedang bekerja di-berbagai² Kementerian dan Jabatan Persekutuan di-Kuala Lumpur dan di-luar negeri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada lima orang ra'ayat Malaysia dari Sarawak yang bekerja di-Kementerian²/Jabatan² Persekutuan di-Malaysia Barat dan juga di-luar negeri.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah tindakan atau pun satu usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berchadang supaya ra'ayat daripada Malaysia Timor atau pun Sarawak dapat masok bekerja di-dalam Kementerian² dan di-Kedutaan² luar negeri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberi beberapa galakan dan yang akhir sa-kali Kerajaan telah bersetuju hendak menurunkan kelayakan ia-itu kelulusan General Degree kepada pegawai² Sabah dan Sarawak yang hendak masok berkhidmat dalam MCS atau Perkhidmatan Luar negeri. Di-Malaysia Barat kita kehendaki kelulusan Honours Degree. Di-Malaysia Timor kita membenarkan General Degree bagi sementara untuk hendak menggalakkan mereka itu masok dalam Perkhidmatan Awam.

PERAYERAN WILAYAH MALAYSIA— PENGISHTIHARAN

3. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) tarikh Kerajaan Malaysia membuat pengishtiharan kepada dunia bahawa perayeran wilayah-nya ia-lah sa-jumlah 12 batu dari pantai-nya;
- (b) bilangan negara yang mengiktiraf tuntutan kita;
- (c) mengapa-kah Russia yang mengaku bersahabat dengan kita, tidak mengaku bahawa Selat Melaka ada-lah kepunyaan Malaysia; dan
- (d) sama ada Kerajaan berchadang membuat bantahan di-Bangsa² Bersatu terhadap kapal² selam Russia yang berpangkalan di-Lautan Hindi kerana pengkalan seperti ini ada kaitan-nya dengan tuntutan Russia bahawa Selat Melaka ada-lah perayeran antarabangsa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ahli Yang Berhormat itu tentu sedia ma'alum bahawa menurut Ordinan Kuasa² Perlu Dharurat No. 7 tahun 1969, yang di-siarkan pada 10hb Ogos, 1969, Malaysia telah melebarkan had kawasan perayeran-nya dari 3 batu menjadi 12 batu.
- (b) Bilangan negara² yang mengiktirafkan tuntutan kita ia-lah negara² yang juga menuntut had perayeran wilayah-nya sa-hingga 12 batu atau lebih seperti negara² Indonesia, Thailand, Nigeria dan negara² Latin Amerika.
- (c) Mereka menentang tuntutan kita kerana mereka mahu Selat Melaka ini dianggap sa-bagai Selat Antarabangsa yang mana akan menjamin kebebasan pelayaran tanpa di-kawal oleh negara² berdekatan atau "coastal states".
- (d) Kita tidak mempunyai ma'alumat mengenai wujud-nya pengkalan kapal selam Russia di-Lautan Hindi dan mengenai Lautan Hindi itu akan digunakan sa-bagai pengkalan angkatan laut negara² besar. Kita telah pun menyatakan pendirian kita di-persidangan Bangsa² Bersatu baharu² ini di-mana kita telah menyokong tegas satu usul yang mengishtiharkan Lautan Hindi itu sa-bagai kawasan keamanan dan bebas daripada pergolakan.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Could the Honourable Prime Minister tell us what is the reason for Malaysia's pre-emptive claim to the Straits of Malacca before the United Nations Law of the Seas Conference which meets some time next year?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan dahulu ia-itu sa-bagai negara yang membangun, kita mustahak-lah mengaku hak² kita, jadi kita fikir 12 batu perayeran atau territorial limit itu ada-lah berpatutan, sebab Indonesia pun berkehendakkan 12 batu, begitu juga Thailand dan negara² jiran kita. Jadi, kalau kita hanya-lah menghadkan 3 batu, tentu-lah kita akan rugi dalam hal ini.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Sir, in view of the fact that the Straits of Malacca has become a cold war issue, would the Government consider soft pedalling the claim until at least the United Nations Conference on the Law of the Seas has met some time next year?

Perdana Menteri: Saya fikir itu tidak ada apa yang hendak di-jadikan heboh atas perkara ini, hanya-lah Ahli Yang Berhormat sahaja. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat pehak Pembangkang ini menyokong maritime powers bukan hendak menyokong negara yang kecil sa-macam kita ini (*Tepok*). Negara yang kecil seperti kita mesti-lah kata orang puteh assert our sovereignty. We cannot follow the policy of Maritime powers.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh-nya kedaulatan Malaysia berkenaan dengan Selat Melaka. Tetapi saya terperanjat apabila saya baca mengenai People's Republic of China menyokong Kerajaan Malaysia manakala Kerajaan Russia dan Jepun menentang Kerajaan Malaysia, oleh sebab ini-lah saya terperanjat dan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, apa soalan-nya?

Tuan Goh Hock Guan: Tidak ada apa² soalan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Chuma terperanjat sahaja! (*Ketawa*)

FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW— PENGHARAMAN

4. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab² pengharaman atas pengeluaran "Far Eastern Economic Review" (Tinjauan Ekonomi Timor Jauh) bertarikh 6hb Februari, 1972.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, majallah mingguan "The Far Eastern Economic Review" keluaran 5hb Februari, 1972 telah diharamkan kemasokan-nya mengikut Seksyen 9 (b) (ii) "Control of Imported Publications Ordinance" oleh kerana majallah keluaran tarikh itu ada mengandungi renchana² yang di-anggap prasangka terhadap keselamatan dan perpaduan kaum di-negeri ini.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, can the Honourable Minister explain to this House what were the articles which were prejudicial to the security of this country, and if this magazine had been allowed to be improved, how far it would have affected our society?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat itu menyoalkan atas "Far Eastern Economic Review" yang kata dia bertarikh 6hb Februari. Saya telah menjawab sebab² kenapa "Far Eastern Economic Review" keluaran tarikh yang tersebut itu di-haramkan. Jadi saya tidak tahu, apa sebab dia hendak tahu, mengapa artikel² itu di-haramkan. Kalau benda itu telah di-haramkan, artikel² itu pun haram juga.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, may I know from the Honourable Minister how this decision was arrived at to ban this magazine. Was it the decision of the Honourable Minister himself or was it based on recommendations by other departments? As we have always said in this House many times and the Government has also agreed that we will protect the freedom of the Press, will the Minister give an assurance that the Government will maintain its declaration on the freedom of the Press and, at the same time, explain how this magazine was banned, whether the Minister himself took the decision on his own or was it recommended by other relevant authorities.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya di-beri kuasa oleh undang² yang tetap bagaimana saya akan mengharamkan publication² yang di-fikirkan merosakkan negeri ini dan saya menggunakan kuasa itu.

Tuan V. David: Sir, from reading the magazine, we do not find anything that is prejudicial to this country and in fact it was sold in Singapore.

Tuan Yang di-Pertua: What is the question?

Tuan V. David: Well, I am coming to the question, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: You need not bother to explain why you came to that decision. Get on with your supplementary question.

Tuan V. David: The supplementary question, Sir, is whether it is the policy of the Government to ban all magazines and periodicals which write anything against the interest of the Alliance Party?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Jikalau apa yang di-tuduh oleh Ahli Yang Berhormat itu betul, dia pun tidak boleh ada di-sini dan parti-nya pun tidak boleh bergerak dalam negeri ini.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, bukan-kah keluaran "Far Eastern Review" yang di-sebutkan itu mengandungi satu renchana yang mengenai keadaan keselamatan di-Sarawak yang burok di-masa itu dan renchana itu ada satu argument bahawa apa yang di-katakan everything is under control is not necessarily true. Dan juga argument di-dalam renchana itu telah di-buktikan. Kemudian daripada itu, beberapa minggu yang lepas apabila dalam peristiwa yang mendukachitakan di-mana anggota² security forces kita di-korbankan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya tidak tahu apa soalan-nya. Itu chuma kenyataan sahaja, saya mendengar sahaja kenyataan-nya itu, tidak tahu apa soalan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Will you get on with the question and not get so involved, please?

Tuan Fan Yew Teng: (*Dengan izin*) Is it not true that this issue of the *Far Eastern Economic Review* contained an article regarding the worsening security situation in Sarawak which brought forth the argument that the Government's claim that everything was under control in Sarawak was not true, which was actually substantiated subsequently by the incident in Sarawak a few weeks later in which unfortunately a good number of the members of our Security Forces were killed?

Tuan Yang di-Pertua: What is the supplementary question?

Tuan Fan Yew Teng: I just want to know whether it is true that the article was about the security problem in Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: I can't follow it myself.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the supplementary question I would like to ask the Honourable Minister is this, whether the reason for his banning this particular issue of the *Far Eastern Economic Review*. . . .

Tuan Yang di-Pertua: If you require two Members to ask a single question, I am afraid you have got to give a chance to some other people.

Tuan Goh Hock Guan: It is a different question, Sir. The question that I would like to ask Honourable Deputy Prime Minister is whether the banning of this issue of the *Review* has been prompted by the fact that there was one account about Sarawak which is too factual to be palatable to the Government?

Tun Dr Ismail Al-Haj: (*Dengan izin*) I have given the reason why I banned that particular issue of the publication concerned.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, could the Deputy Prime Minister please tell the House whether it is the policy of the Government to ban all publications both at home and overseas which are basically prejudicial to the interest of the Alliance Party and permit the publication of articles which are in favour of the Alliance Party, like the latest issue of the *Review* which claims that Malaysia has now recovered fully after the May 13th riots?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Jika di-perbuat bagaimana yang di-tuduh itu, Ahli Yang Berhormat tidak-lah ada buku² yang boleh dibaca dalam negeri ini. Chuma boleh menegok sex film sahaja.

Tuan Goh Hock Guan: Jikalau kita menegok filem sex itu ia-lah oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi peluang kepada kita untuk menegok filem sex itu. Terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: If you have to get the permission of the House in order to have a look at the sex films, I do not think much of your supplementary question. (*Ketawa*)

KAWASAN MERBAHAYA MALAYSIA/THAI

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar kawasan² sempadan Malaysia/Negeri Thai itu tersangat merbahaya oleh kerana aktiviti² pengganas² kominis di-sana sa-bagaimana yang terbukti baru² ini dengan terjumpa-nya banyak barang² makanan sa-waktu melancharkan "Operasi Sedar".

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar bahawa kawasan sempadan Malaysia/Thai merbahaya, tetapi mengatakan "tersangat merbahaya" tidak-lah benar, kerana kegiatan² pengganas kominis di-kawasan tersebut dapat di-kawal dengan ada-nya beberapa operasi menentang pengganas kominis di-lancharkan di-situ.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan ada-nya aktiviti² pengganas kominis di-sempadan sana, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberitahu berapa ramai-kah agaknya ada kominis² atau pun pengganas² kominis di-sempadan kawasan di-sana dan apa-kah aktiviti² yang lebeh positif lagi supaya dapat kita buat atau pun Kementerian ini buat supaya dapat menghapuskan pengganas² itu dengan segera-nya.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada membaca surat khabar, ada mendengar

kenyataan dalam Dewan ini, tentu dia tahu ia-itu kita anggarakan di-antara 1,000 dengan 1,500, berapa kali telah di-sebutkan. Ini-lah yang memakan masa Dewan ini.

Dan yang kedua, segala chara² telah dijalankan bagaimana yang saya katakan ia-itu anchaman kominis ini kita dapat pertahankan, tetapi hendak menghapuskan-nya memakan masa. Itu pun telah beberapa kali di-ulangkan juga dalam Dewan ini dan juga di-siarkan oleh surat² khabar.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, would the Honourable the Deputy Prime Minister kindly give an estimate of the time by which the problems posed by the insurgency in the Malaysia/Thai border could be successfully overcome in view of the fact that we have been engaged in this irregular warfare for the last 30 years? Would the Deputy Prime Minister kindly give that estimate?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Dia tahu Bahasa Kebangsaan, dan dia mendengar jawapan saya tadi. Dia tahu saya sudah jawab apa yang di-tanyakan-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana keadaan sempadan Malaysia dan Negeri Thai ada-lah tidak begitu aman, walau pun tidak tersangat merbahaya, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan Pasokan² Kawalan dengan memberi senjata sa-kurang²-nya senapang patah kepada mereka, dan jikalau tidak, kenapa?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saperti Ahli Yang Berhormat ketahuī ia-itu Pasokan Kawalan memang-lah ada yang terdiri satu daripada anggota Pasokan Keselamatan negara kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada soalan saya tadi ia-lah ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan Pasokan Kawalan sukarela yang lain daripada Pasokan Kawalan Polis Hutan atau pun Tentera saperti yang di-buat di-Sarawak dimana senapang² patah atau pun lebeh daripada itu di-beri untuk mereka mengawal kampung²-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Senapang patah macham mana?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sa-kurang²-nya senapang patah.

Tuan Yang di-Pertua: Apa guna senapang yang sudah patah itu? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Senapang patah itu sa-kurang²-nya untuk diberikan, atau pun kalau yang lebeh baik ada-lah lebeh baik. Ada-kah Kerajaan hendak berbuat begitu sa-bagaimana yang di-buat oleh Ketua Menteri Sarawak, di-Sarawak dan jika tidak kenapa?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itu mengikut-lah keadaan di-tempat² itu, sa-bagaimana juga dalam lapangan politik, ada ramai orang Melayu sukakan UMNO, lebeh daripada PAS, begitu juga kita hendak melawan kominis ini, mengikut tempat²-nya, masa-nya serta keadaan-nya.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya beruchap dalam bahasa Inggeris dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak mahu menjawab soalan saya. Sekarang boleh-lah saya bertanya di-dalam bahasa Malaysia. Saya minta Timbalan Perdana Menteri menerangkan boleh-kah dia memberitahu Dewan ini, bila-kah masa-nya Kerajaan boleh beri satu estimate ia-itu bila-kah masalah keselamatan di-sempadan Malaysia-Thai ini boleh di-atasi.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya sudah jawab soalan ini tadi. Jadi ta' payah-lah saya ulang. Kalau dia ta' perchaya nanti dia boleh bacha dalam Penyata Rasmi dan boleh dibangkitkan lagi soalan itu. Saya sudah jawab tadi.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya bertanya satu soalan lain di-antara akibat hasil² yang di-dapati oleh Operation Sedar ini, ada-kah lain² hasil yang Kerajaan telah dapat sa-lain daripada food supply sahaja?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya kata, bila kita berperang dengan-nya hendak mengatasi subersif ini, ada maklumat² yang kita dapat tetapi tidak boleh di-beritahu sa-hingga sampai masa-nya. Banyak faedah² yang di-dapati daripada Operation itu, apabila sampai masa-nya akan di-beritahu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-dalam Operation Sedar ini, berapa orang-kah yang menyokong kominis dalam kawasan Operation Sedar ini telah di-tangkap dan apa-kah yang telah di-buat kapada orang² yang telah di-tangkap itu?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itu soalan lain.

TAN CHIN BAT—BUANG NEGERI

6. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan

- (a) ka-negeri mana-kah beliau berchadang hendak membuang Tan Chin Bat yang sedang menunggu hukuman pembuangan negeri di-penjara Seremban; dan
- (b) ada-kah mengikut undang² memerintah pembuangan negeri terhadap sa-saorang yang lahir di-negeri ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tan Chin Bat akan di-buang ka-negeri pilihan-nya.
- (b) Ya, jika sa-saorang itu bukan warga-negara Malaysia.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Suppose the People's Republic of China does not accept this gentleman, what will happen to him? Will the Malaysian Government accept him if he returns back?

Tuan Yang di-Pertua: That is a supposition; I would not accept that.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerangkan bahawa sa-saorang yang di-lahirkan di-tanah ayer kita, tetapi malang-nya tidak mempunyai surat beranak, dan oleh hal yang demikian ia tiada warganegara, boleh-kah di-buang dari negeri ini?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itu masalah bukan warganegara.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, macham mana Kerajaan boleh membuang orang² yang bukan warganegara negeri ini, kalau mereka di-

peranakan di-Malaysia dan bukan di-lain negeri, sa-lain daripada membuang mereka itu di-dalam laut atau lautan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan hendak tahu atau soal hendak mengusek² sahaja? (*Ketawa*)

Tuan Fan Yew Teng: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, how can the Government exile people who are born here and not in any other country except perhaps into the ocean or somewhere else? How can the Government exile such people?

Tuan Yang di-Pertua: By throwing him into the ocean! (*Ketawa*) He has already answered the question.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Would the Honourable Deputy Prime Minister give an undertaking to this House that no banishment would be made of any person who is born in this country? Secondly, before a non-citizen of this country is deported, would the Government ensure that the receiving country, in this case the People's Republic of China, is prepared to accept the particular subject? Otherwise he may have to be dumped into the ocean!

Tun Dr Ismail Al-Haj: I can give no undertaking at all.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tidak-kah Kerajaan boleh mengambil satu tindakan yang tegas?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ta' berapa dengar.

Tuan Hashim bin Gera: Tidak-kah boleh Kerajaan mengambil satu tindakan yang tegas kapada ra'ayat negeri ini yang chuba membantu kominis dan merosakkan negara, hendak di-buang ka-negeri China tetapi Negeri China ta' mahu terima, terus sahaja di-jel orang itu sampai mati. (*Ketawa*) Boleh atau tidak? Soal-nya boleh atau tidak orang itu di-jel sampai mati?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tetapi siapa hendak tanggung dia makan?

Tuan V. David: Sir, is it a fact that many of the banishees were deliberately prevented from applying for citizenship while they were kept in prison?

Tun Dr Ismail Al-Haj: It is not a fact.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister aware that his refusal to enunciate the Government's policy, or to give an undertaking to the questions which I posed just now, contravenes the United Nations Charter on Human Rights?

Tun Dr Ismail Al-Haj: I enunciated the policy which happens not to agree with his view. So I have enunciated the policy, but it is not my business to convince him at all.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, just now the Minister of Home Affairs, in reply to a question from a colleague of mine when he asked whether those.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ta' berapa dengar, lebeh baik berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, sebab saya boleh dengar dengan lebeh jelas sadikit.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengenai orang² tahanan yang di-buang dari negeri ini, boleh-kah mereka menjadi warganegara pada hari ini. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apa-kah tindakan yang Kerajaan telah ambil atau akan di-ambil untuk menolong mereka menjadi warganegara di-tanah ayer kita.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Satu daripada syarat² yang di-kehendaki untuk menjadi warganegara ia-lah kelakuan. Kalau mereka hendak di-buang negeri, tentu-lah kelakuannya ta' baik dan kalau tidak, ta' kan hendak di-buang negeri. Jadi bagaimana soal hendak memberi kera'ayatan ini timbul.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan mesti bertolak-ansor saperti dahulu hendak di-gantong beberapa orang oleh kerana sain² orang ramai banyak, kemudian Kerajaan terpaksa tolak-ansor. Jikalau perkara ini macham ini, ia-itu Kerajaan akan bertolak-ansor ta' payah buang negeri orang ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya tidak ingat yang Kerajaan ada bertolak-ansor atas soal dasar atau soal prinsip kerana soal

kewarganegaraan ini ada terchatet di-dalam Perlembagaan, bagaimana Kerajaan hendak bertolak-ansor.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Negara kita tidak ada berkata mana² orang yang hendak di-lahirkan di-sini boleh di-hantar ka-luar negeri, kalau kita hendak buang dia ka-luar negeri. Bagaimana Kerajaan mengambil satu dasar buang orang² ini sebab tidak ada menyebutkan dalam Perlembagaan kita.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Yang saya kata dalam Perlembagaan kita, kalau Ahli Yang Berhormat itu bacha, ia-itu sa-sorang itu di-lahirkan di-sini tidak berma'ana yang mereka itu menjadi ra'ayat negeri ini, tidak semua-nya. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu membacha Perlembagaan berkenaan dengan bab kera'ayatan, boleh-lah saya jawab, kalau tidak, ini soal hendak membacha Perlembagaan, hendak saya mengajar di-sini, itu bukan tujuan saya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang itu kena tahanan, bagaimana dia boleh minta kera'ayatan? Ada-kah Kerajaan akan menolong orang ini minta kera'ayatan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa ini soal yang di-dalam bahasa Inggeris-nya fictitious, sahaja hendak memanjang²kan dan bukan betul² hendak bertanya untuk mengambil tahu. Saya ta' boleh benarkan.

Tuan Goh Hock Guan: Is the Deputy Prime Minister prepared to consider the setting up of an independent Commission of Inquiry to look into this whole question of detainees and banishment in order to redress the injustice which is now being perpetrated?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Why should I delegate my power to Opposition Parties. Let them come into office and take the power from me first. (*Ketawa*)

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, when I asked that question I was not thinking of the Deputy Prime Minister appointing me or my colleagues to look into the matter. I was going to suggest the appointment of

independent Judges in this country and perhaps even Senators from the Alliance Party, as Senator Athi Nahappan who did an excellent job in the Commission of Inquiry into Local Councils Elections, impartial people to look into this matter.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya? Hendak menghabiskan masa sahaja. Saya ta' mengizinkan dan saya ta' berapa suka macham ini—hendak membuang masa sahaja.

SUROHANJAYA PENYIASAT BEBAS— MENUBOHKAN

7. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau bersedia menubuhkan suatu Surohanjaya Penyiasat bebas yang mempunyai kuasa luas bagi mengkaji seluruh sistem pelajaran. Surohanjaya itu hendaklah menyelidik dalam bidang² yang berikut dan membuat shor² yang perlu:

- (a) untuk menyelidik aliran² pelajaran sekarang dalam Sekolah² Rendah dan Menengah bagi membolehkan dan menyesuaikan kemajuan negara dan perkembangan-nya dengan mengingatkan masyarakat yang berbilang bangsa;
- (b) membuat shor² yang membolehkan kanak² negara ini mendapat taraf pelajaran yang tertinggi yang akan di-hargai dan di-iktirafkan dalam mana² bahagian dunia juga, dan menghasilkan satu jenerasi yang mempunyai pelajaran yang tidak kurang mutu-nya daripada pelajaran yang di-perolehi oleh penuntut² di-negeri² lain; dan
- (c) untuk menyusun dan mengeshorkan satu dasar pelajaran yang akan menyakinkan dan memberi jaminan kepada ra'ayat negara ini bahawa tidak ada tindasan atau bahaya kepada berbagai bahasa yang di-pusakai oleh berbagai bangsa dalam negara ini dengan chara membatasi-nya kepada semangat Perlembagaan kita.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran kita ada-lah di-gubal berdasarkan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib yang telah di-luluskan oleh Majlis Undangan Federal berkenaan dengan Penyata Razak dan yang di-luluskan oleh Parlimen ini berkenaan dengan Penyata Rahman Talib.

Perlaksanaan shor² di-dalam penyata² itu telah di-buat dengan teliti-nya. Oleh yang demikian, ada-lah tidak mustahak bagi Surohanjaya Penyiasat di-tubuhkan untuk mengkaji sistem dan masalah² lain berkenaan dengan pelajaran.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa Penyata Razak dan Rahman Talib telah di-laksanakan dengan teliti. Oleh yang demikian, ta' payah-lah kami mengadakan atau membentok sa-buah Surohanjaya untuk mengkaji pelajaran di-tanah ayer kita. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tidak-kah sudah sampai masa-nya oleh sebab ada beberapa kesulitan, masa'aloh yang sekarang timbul masa-nya sudah sampai untuk mengadakan atau mengeluarkan satu penyata lagi yang bernama Penyata Hussein, untuk mengikut kehendak² ra'ayat di-negara kita.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini saya sendiri ta' ada nampak ia-itu mustahak bagi sistem pelajaran kita di-selideki sa-mula, tetapi kalau memandangkan kepada butir² di-dalam soalan ini saya kadang² khuatir apa yang sa-benar-nya maksud Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat itu, ada-kah sama ada Ahli Yang Berhormat itu menchari jalan dengan sa-chara berpusing² hendak membangkitkan masa'aloh bahasa bagaimana yang di-sebutkan di-dalam soalan (c)—nya itu yang kita sudah terangkan bahawa masa'aloh bahasa itu sudah di-tetapkan dasar-nya dan kita tidak hendak menimbangkan benda itu lagi dan tidak hendak membangkitkan masa'aloh bahasa, sama ada di-Dewan ini atau di-luar Dewan ini. Jika Ahli Yang Berhormat itu berniat demikian, saya menasehatkan supaya Ahli Yang Berhormat itu berjimat chermat dengan chara jalan mendatangkan soalan² yang membangkitkan masa'aloh pokok, ia-itu dasar berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan.

Tuan V. David: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, is it not a fact that my argument of discontentment in education is further strengthened by many responsible people in this country sending their children abroad even for secondary education, as quite a number have sent their children to Singapore and a number from the ruling party, who do not accept the system here, have sent their

children abroad? So, at least from this point of view, will the Government reexamine the whole educational structure and appoint an independent Commission to go into every aspect of education, so that the entire population of the country will be satisfied with the educational system?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: (*Dengan izin*) I do not see the logic of the Honourable Member's arguments. The fact that a few hundred people have sent their children abroad is not because of any defect in the system of education. The question was posed by the Honourable Member next to him with regard to the Ministers. Some Ministers sending their children abroad does not necessarily mean that it is because we have no confidence in the system of our education here. Now, the fact that a few hundred children, not only children of Ministers but also children of other Members of Parliament here, including Members of the Opposition Parties who have got their children abroad—we do not grumble over it—but the Honourable Member must remember that there are two million others who are using our system here—the fact that a few hundred children go to England or abroad elsewhere does not necessarily mean that our system is defective. I do not see the logic of that argument.

Dr Tan Chee Khoo: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Education aware—I want to assure him that I do not want to raise the question of Bahasa Malaysia—for example, that in this question of drop-outs which is a very important one, his Ministry is only now taking care of the drop-outs at the primary school level, at the secondary school level and even at the Form VI level. The problem of the content of education is a very important thing that is continually changing all the time. The problem as to whether we should have so many—we have now five Universities and perhaps we may have more—whether it is in the interests of the State to have so many Universities having so many people right at the top and a few lower down with the diploma qualification, whether the direction in which education is taking is the right one—these are vital problems for the country in the 1970's. Since conditions which might have been suitable in the 1950's and 1960's are no longer valid today, will the

Honourable Minister, in view of what I have stated, consider that there is a case for a review and for good measure I would like to call it the "Hussein Onn Report"?

Tuan Yang di-Pertua: I still would like to know the question.

Dr Tan Chee Khoo: The question that I would like to ask the Honourable Minister, in view of the problems that I have stated of drop-outs, of the content of education, whether we should have that many universities.

Tuan Yang di-Pertua: Can't you get on to the question straight away without a long speech?

Dr Tan Chee Khoo: In view of these problems, the time has now come for the Honourable Minister or the Government to hold another Commission of Enquiry to find out whether the system of education as it exists today is suitable for this country in the 1970's.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah terangkan, sa-takat ini bagi pihak Kerajaan tidak-lah di-fikirkan mustahak mengadakan penyasatan tersebut.

SEKOLAH MENENGAH BENGKOR

8. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 246 orang murid Sekolah Menengah Rendah Kerajaan, Benger bersama² dengan 9 orang guru, sa-hingga sekarang ini masih lagi menggunakan Bilek² Darjah yang dipinjamkan dari Sekolah Rendah Kerajaan Benger di sebelah petang, jika ya, bila-kah sa-buah bangunan sekolah akan di-bena di-suatu kawasan sa-luas 24 ekar yang telah pun di-untukkan bagi maksud ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Mengikut perenggan 17, laporan "Inter-governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sabah ada-lah di-bawah kawalan kerajaan negeri. Oleh yang demikian, saya akan menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini hanya dalam

kontek peruntukan yang di-chadangkan untuk Sabah dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Kerajaan mempunyai chadangan untuk membina sa-buah sekolah menengah di-Bengkong tetapi oleh kerana beberapa ranchangan lain yang lebih segera dan mustahak di-laksanakan dalam ranchangan pembinaan sekolah menengah di-Sabah maka ada-lah tidak mungkin untuk membina sekolah sumpama itu di-Bengkong, dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua.

SEKOLAH PERTUKANGAN DI-KENINGAU

9. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran sama ada beliau berchadang hendak menubuhkan sa-buah sekolah pertukangan di-Keningau, jika ya, bila.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sa-buah sekolah vokeshenal terdapat di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Kerja pembinaan-nya akan bermula dalam tahun 1974 sa-kira-nya wang peruntukan yang berjumlah \$1.7 itu di-perolehi.

PENUNTUT² SABAH BELAJAR KA-INDONESIA

10. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa penuntut² dari Sabah tidak di-hantar belajar ka-Indonesia seperti penuntut² dari Malaysia Barat.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan ini, kerana Dasar Pelajaran dan Sistem Pentadbiran Pelajaran di-Sabah ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri mengikut Perenggan 17, Laporan Inter-Governmental Committee, 1962.

PENUMPANG² KA-KOTA KINABALU/ KUCHING

11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Perhubungan ada-kah beliau sedar bahawa orang ramai dan juga pelanchong² terpaksa membuat tempahan sa-minggu terlebih dahulu atau lebih untuk mendapatkan tiket² kapal-terbang untuk pergi ka-kota Kinabalu dan ka-Kuching, dan jika ya, mengapa.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar. Bilangan penumpang² ka-Kota Kota Kinabalu dan ka-Kuching ada-lah bertambah. Sa-laras dengan tambahan ini MSA telah juga menambahkan kebolehan-nya atau capacity kedua² tempat itu. Sunggoh pun begitu tambahan² termasuk tempahan daripada luar negeri bertambah lebih banyak dari masa ka-samasa. Mithal-nya tempahan² atau pun booking yang di-buat dari Amerika, Jepun, Eropah dan Australia yang biasa-nya merupakan tempahan atau kumpulan (block booking). Dengan ada-nya tempahan² tambahan ini kadang² di-dapati sukar hendak mendapati tiket² kedua² tempat juga tempahan itu di-buat berdekatan dengan hari penerbangan. Oleh kerana ini, maka timbul-lah amalan membuat tempahan sa-minggu atau lebih dahulu daripada hari penerbangan. Kadang² ada terdapat tempat² kosong di-dalam kapal terbang ka-Kota Kinabalu atau ka-Kuching. Ada beberapa banyak sebab² yang membawa kepada kejadian ini dan di-antara lain² ia-lah:

- (1) penumpang² yang sa-telah mendapat tiket tidak melakukan penerbangan-nya dengan kapal terbang itu dan dia tidak pula memberitahu shariat penerbangan terlebih dahulu;
- (2) kadang-kala kapal-terbang yang membawa penumpang yang akan menyambungkan penerbangan-nya dengan kapal terbang ka-Kota Kinabalu atau ka-Kuching tiba lewat masa sa-hingga penumpang² itu terlepas daripada mendapatkan kapal terbang ka-Kota Kinabalu atau pun ka-Kuching;
- (3) kadang-kala kapal-terbang yang di-jadualkan perkhidmatan gagal dengan sebab teknikal atau pun enjin-nya rosak dengan serta-merta terpaksa di-tukarkan dengan kapal-terbang yang boleh memuat lebih daripada kapal-terbang yang di-jadualkan itu. Oleh kerana hal² ini penumpang² yang ingin membuat penerbangan dengan kapal-terbang itu tidak mendapat tiket²-nya.

Penerbangan ka-Kuching dan Kota Kinabalu ada-lah penerbangan yang jauh sunggoh pun kedua² bandar atau kota itu dalam Malaysia, tetapi oleh sebab jarak-nya jauh dan lama penerbangan-nya maka perkhidmatan penerbangan itu sama-lah juga seperti perkhidmatan penerbangan negara sa-rantau atau regional air service.

Kuala Lumpur ka-Kota Kinabalu ada-lah lebeh jauh daripada Kuala Lumpur ka-Bangkok atau ka-Jakarta. Ada-lah menjadi kelaziman bahawa penempahan tiket² kapal-terbang ka-Bangkok atau Jakarta atau Medan di-buat sa-minggu atau lebeh dahulu dari hari penerbangan. Saya telah mengarahkan Pengurus Sharikat Penerbangan MSA, Malaysia Barat, supaya mengkaji dengan lebeh mendalam perkara di-atas supaya dapat mengatasi masalah² yang timbul dan dengan itu memenohkan kehendak² orang awam seperti menambah lagi kebolehan atau capacity dan mendendakan penumpang² yang membuat tempahan tetapi tidak dapat membuat penerbangan umpama-nya tidak mengembalikan wang harga tiket kepada penumpang² yang membuat tempahan, tetapi tidak membuat perhubungan atau kensel dalam waktu yang di-tentukan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat tahu daripada Area Manager di-Kuala Lumpur, jualan² tiket atau tempat kapal terbang untuk ka-Kota Kinabalu atau pun ka-Kuching ada-lah di-kongkong oleh MSA Singapura—betul atau tidak? Oleh kerana pada 22hb Mach, 1972, saya minta hendak pergi ka-Kuching tetapi kata-nya tidak ada tiket, tetapi sampai di-Singapura ada 22 kerusi kosong dalam kapal-terbang yang pergi ka-Kota Kinabalu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini barangkali tidak faham international operation of booking through telex. Umpama-nya ibu pejabat yang sekarang ini, yang international-nya di-Singapura umpama-nya, mereka booking dari Eropah, dari London, dari Amerika, dia terus pergi Singapura dan control di-sana; dia release, jika ada. Ahli yang Berhormat ini barangkali apabila sampai ka-Singapura yang booking daripada London atau pun Eropah, dia sudah release, dia kata yang datang hanya 10 orang sahaja, dan yang 10 lagi tidak datang. Sebab urusan itu ada di-sana, bukan di-kontrol dan kita sama² mahu mendapatkan banyak hasil didalam penerbangan ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak tahu maka saya bertanya; kalau saya tahu, saya tidak bertanya (*Ketawa*). Jadi bukan-nya saya dapat tiket itu di-Singapura, saya dapat

daripada sini, sudah bergaduh dengan Manager, dia beri tiket itu, jadi sampai di-Singapura, apabila hendak balek, saya dapati ada 22 kosong; bukan booking; chek-lah betul² pada 22hb Mach, 1972 itu, boleh jadi barangkali alasan² sahaja.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu sa-bagai Ahli Parlimen, sa-bagai dia sendiri, kalau ada apa², berhubung-lah kapada Manager MSA atau kapada Kementerian saya. Kita akan tolongkan; kita hendak menolong orang ramai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Sa-bagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi bahawa sa-sunggoh-nya Kerajaan telah mengarahkan kapada Manager M.S.A. di-Kuala Lumpur untuk melichinkan perjalanan² yang di-kehendaki oleh penumpang². Saya ingin mendapat penjelasan sedikit ia-itu nampak-nya arahan itu di-beri hanya kapada MSA. Jadi bila-kah MAS kita hendak berjalan untuk memerlukan kehendak² penumpang².

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soal MAS soal yang lain. Kita harap sa-bberapa segera MAS boleh dapat di-operationkan sa-bberapa segera. Kita harap tunggu-lah, sabar dahulu!

MEMBANTU PENIAGA² KECIL

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian ini sedar bahawa peruntukan sa-banyak \$100,000 kapada Sharikat² Kerjasama untuk membantu peniaga² kecil ada-lah tiada menchukopi dan jika sedar, nyatakan sama ada Kementerian ini bersedia memberi peruntukan tambahan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak ada peruntukan khas untuk membantu peniaga² kecil melalui Sharikat² Kerjasama. Peruntukan sa-banyak \$100,000 yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu ia-lah pinjaman yang dipohonkan daripada Perbendaharaan oleh

Selangor Petty Traders and Hawkers Co-operative Society untuk menjalankan ranchangan²-nya. Kementerian ini sedia menerima permohonan² pinjaman Sharikat² Kerjasama untuk membantu peniaga² kecil yang menjadi ahli Sharikat² Kerjasama supaya di-kemukakan kepada Perbendaharaan untuk di-timbangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah betul bahawa peniaga² kecil kita ini di-kecualikan daripada chukai dan tanpa chagaran sa-bagai perubahan amalan sistem bank yang ada sekarang.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Saya tidak dapat menjelaskan sama ada yang di-kecualikan dari chukai atau tidak, tetapi sa-kira-nya permohonan itu di-buat atas nama pertubuhan sharikat kerjasama dan permohonan itu pula tidak terlalu banyak jumlah-nya, tidak perlukan chagaran di-berikan pertimbangan berat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 13 hingga 57 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PERUSAHAAN MOTOKAR ASIA— SHARIKAT FORD MOTORS

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apa-kah hasil chadangan yang telah di-kemukakan oleh Henry Ford dalam Persidangan Menteri² Luar ASEAN supaya di-dirikan Perusahaan Motokar Asia dan sama ada pelaksanaan chadangan ini menunaikan apa yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-bagai hasrat supaya Asia mengambil pedoman dari rebolusi perindustrian Barat.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Chadangan yang telah di-kemukakan oleh Sharikat Ford Motors dari Amerika Sharikat ada-lah berkaitan dengan suatu ranchangan complementasi di-dalam bidang perusahaan membuat bahagian² kereta motor dan di-dalam bidang perusahaan kereta motor di-antara negara² ASEAN. Ranchangan² complementasi tersebut mengandungi suatu tujuan untuk mengujudkan satu unit perusahaan kereta² motor

di-rantau ini di-mana tiap² negeri yang mengambil bahagian akan membuat beberapa bahagian² kereta motor yang di-tentukan untuk keperluan rantau ini dan di-mana juga tiap² negeri akan memasang kereta² motor dari bahagian² yang di-perbuat di-kawasan ini.

Konsep Ranchangan Complementasi Ford tersebut pada permulaan-nya di-anggap akan mengujudkan penubohan kegiatan pemasangan kereta motor yang akan di-kendalikan oleh Ford sendiri di-negeri² yang akan mengambil bahagian. Ini akan pula mengujudkan suatu pasaran untuk bahagian² kereta motor yang akan di-perbuat di-kawasan ini dan seterusnya akan mengujudkan kerjasama di-antara negara² yang mengambil bahagian di-dalam bidang pengeluaran bahagian² kereta motor tersebut. Berikutan dengan kegiatan pemasangan kereta motor akan terdapat kemudian-nya penubohan kilang² membuat kereta motor untuk keperluan di-dalam dan luar negeri.

Oleh kerana konsep ini ia-lah suatu konsep yang baru di-dalam bidang perusahaan membuat kereta² motor di-rantau ini, Ranchangan Complementasi Ford tersebut telah pun mendapat penelitian yang sewajar-nya dan telah juga di-perbincangkan di-antara negara² ASEAN. Beberapa² meshuarat telah pun di-adakan di-antara negara² ASEAN untuk memperbincangkan chara² untuk melaksanakan ranchangan tersebut sa-chara berkesan. Walau bagaimana pun keputusan yang muktamat terhadap perkara ini maseh belum dapat di-chapai lagi di-antara negara² ASEAN pada masa ini.

Ada-lah di-anggap bahawa pelaksanaan ranchangan tersebut dari segi negara² ASEAN akan mempercepatkan lagi perkembangan di-dalam bidang perusahaan kereta motor dan perusahaan membuat bahagian² kereta motor dan juga perusahaan yang berkaitan di-wilayah ini. Ini bermakna bahawa tiap² negeri yang mengambil bahagian akan dapat menjimatkan perbelanjaan wang tukaran asing dan mereka juga dapat menambahkan pendapatan wang tukaran asing melalui eksepot bahagian² kereta motor ka-lain² negeri. Ada-lah di-jangka bahawa teknologi yang di-perolehi dari negara² yang lebih maju di-dalam bidang ini akan meninggikan lagi kemahiran perindustrian pekerja² di-rantau ini.

Berkaitan dengan perkara ini, sukachita saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat terhadap pengumuman rasmi yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya pada 12hb April, 1972 di-mana telah dinyatakan yang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengkaji sa-mula kedudukan perusahaan kereta motor pada masa ini. Salah satu dripada sebab² pengkajian sa-mula ini ia-lah untuk mengetahui jikalau Malaysia boleh mengambil bahagian di-dalam Rancangan Complementasi ini. Dalam hal ini, perbincangan² telah di-mulakan di-antara pegawai² Kementerian saya dan pemasang² kereta motor di-Malaysia untuk mendapat pandangan mereka terhadap rancangan ini dan juga pandangan mereka terhadap perkembangan di-dalam perusahaan kereta motor di-negara ini pada keseluruhannya. Kajian sa-mula ini masih berjalan lagi sekarang.

MEMBASMI KEMISKINAN DI-LUAR BANDAR

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar 70% orang Melayu yang tinggal di-luar bandar ada-lah miskin dan memandang kapada rancangan² pembangunan Kerajaan nyatakan bila-kah keadaan ini dapat di-basmikan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tidak ada angka yang tepat mengenai peratus orang miskin itu. Harus lebih daripada 70%. Ada-lah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan membasmi kemiskinan di-kalangan ra'ayat luar bandar terutama sekali orang² Melayu dalam tempoh yang sa-sengkat²-nya. Dasar² dan rancangan² dalam Rancangan Malaysia Kedua ada-lah di-rangka bagi mencapai matlamat tersebut.

JURURAWAT PULANG DARI ENGLAND—LANTEKAN

15. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jururawat² yang pulang dari England kini berkhidmat dengan Kerajaan sa-chara kontrek, tempoh tertentu dalam mana mereka mesti membarui kontrek² mereka dan sama ada Menteri yang berkenaan berchadang meletakkan mereka ka-perjawatan tetap.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Belum ada sa-orang pun jururawat yang kembali dari England telah di-lantek oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam sa-chara kontrek. Ketua Setia Usaha Kementerian Kesihatan hanya telah di-beri perwakilan kuasa dari Surohanjaya itu untuk melantek jururawat sementara berdasarkan sa-bulan ka-sabulan bagi perkhidmatan sa-lama tempoh tidak lebih dari satu tahun dengan syarat chalon hendak-lah:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak lebih dari 35 tahun; dan
- (c) Telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

BUKU² TEKS PERCHUMA—MURID² BUMIPUTRA

16. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi pelajaran perchuma dan buku teks perchuma kapada murid² bumiputra di-Tingkatan VI.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak perlu. Semua murid bumiputra di-tingkatan enam aliran Bahasa Malaysia ada-lah mendapat pelajaran perchuma selain daripada mendapat biasiswa. Murid² bumiputra di-sekolah² jenis kebangsaan juga boleh memohon kemudahan² seperti ini. Oleh yang demikian, ada-lah di-fikir tidak perlu mengadakan buku² teks perchuma. Walau bagaimanapun kemiskinan tidak-lah menjadi alasan untuk menyekat sa-saorang kanak² itu mendapat pelajaran.

JURURAWAT² DI-HOSPITAL—KEKURANGAN

17. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) berapa bilangan jururawat² di-tiap² Hospital Besar atau Hospital Daerah di-Malaysia Barat;
- (ii) sebab² kekurangan jururawat²; dan
- (iii) bila-kah masalah ini dapat di-atasi.

Tuan Lee Siok Yew:

- (i) Bilangan jururawat² di-tiap² Hospital Besar atau Hospital Daerah di-Malaysia Barat ada-lah seperti berikut:

	Hospital ²	Bilangan Jururawat
PERLIS		
1. Hospital Besar, Kangar	...	21

	Hospital ¹	Bilangan Jururawat
KEDAH		
1. Hospital Besar, Alor Star ...	...	61
2. Hospital Daerah, Sg. Patani ...	...	23
3. Hospital Daerah, Kulim ...	...	12
4. Hospital Daerah, Baling ...	...	3
5. Hospital Daerah, P. Langkawi ...	...	2
		101
PULAU PINANG		
1. Hospital Besar, P. Pinang ...	...	131
2. Hospital Bersalin, P. Pinang ...	...	15
3. Hospital Daerah, Butterworth ...	...	10
4. Hospital Daerah, Sg. Bakap ...	...	10
5. Hospital Daerah, Balik Pulau ...	...	3
6. Hospital Daerah, Bkt. Mertajam ...	...	24
		193
PERAK		
1. Hospital Besar, Ipoh ...	...	126
2. Hospital Daerah, Taiping ...	...	47
3. Hospital Daerah, Parit Buntar ...	...	6
4. Hospital Daerah, Kuala Kangsar ...	...	16
5. Hospital Daerah, Batu Gajah ...	...	29
6. Hospital Daerah, Kampar ...	...	8
7. Hospital Daerah, Tapah ...	...	15
8. Hospital Daerah, Telok Anson ...	...	17
9. Hospital Daerah, Lumut ...	...	12
10. Hospital Daerah, Tg. Malim ...	...	8
11. Hospital Daerah, Grik ...	...	4
		288
SELANGOR		
1. Hospital Daerah, Kelang ...	...	37
2. Hospital Daerah, Kajang ...	...	8
3. Hospital Daerah, K. Kubu Bahru ...	...	10
4. Hospital Daerah, Tg. Karang ...	...	8
		63
KUALA LUMPUR		
1. Hospital Besar, Kuala Lumpur ...	...	238
2. Hospital Bersalin, Kuala Lumpur ...	...	33
		271
NEGRI SEMBILAN		
1. Hospital Besar, Seremban ...	...	100
2. Hospital Daerah, Kuala Pilah ...	...	26
3. Hospital Daerah, Tampin ...	...	10
4. Hospital Daerah, Port Dickson ...	...	10
5. Hospital Daerah, Johol ...	...	8
		154

	Hospital ¹	Bilangan Jururawat
MELAKA		
1. Hospital Besar, Melaka ...	...	70
2. Hospital Daerah, Alor Gajah ...	...	11
		81
JOHOR		
1. Hospital Besar, Johor Bahru ...	...	85
2. Hospital Daerah, Muar ...	...	24
3. Hospital Daerah, Batu Pahat ...	...	15
4. Hospital Daerah, Segamat ...	...	9
5. Hospital Daerah, Pontian ...	...	6
6. Hospital Daerah, Tangkak ...	...	2
7. Hospital Daerah, Kota Tinggi ...	...	4
8. Hospital Daerah, Mersing ...	...	2
9. Hospital Daerah, Kluang ...	...	22
		169
PAHANG		
1. Hospital Besar, Kuantan ...	...	26
2. Hospital Daerah, Raub ...	...	11
3. Hospital Daerah, Bentong ...	...	9
4. Hospital Daerah, Mentakab ...	...	15
5. Hospital Daerah, Pekan ...	...	9
6. Hospital Daerah, Kuala Lipis ...	...	11
		81
TRENGGANU		
1. Hospital Besar, K. Trengganu ...	...	28
2. Hospital Daerah, Kemaman ...	...	8
3. Hospital Daerah, Dungun ...	...	6
4. Hospital Daerah, Besut ...	...	7
		49
KELANTAN		
1. Hospital Besar, Kota Bahru ...	...	61
2. Hospital Daerah, Kuala Krai ...	...	5
		66
Hospital Bahagia, Ulu Kinta ...	...	33
Hospital Permai, Johor Bahru ...	...	29
Pusat Mengawal Kusta Negara, Sg. Buloh ...	...	10
Pusat Tibi Negara, Kuala Lumpur ...	...	22

(ii) Kekurangan Jururawat² ada-lah disebabkan oleh:

(a) Taraf dan mutu rawatan pesakit yang tinggi menyebabkan keperluan kepada jururawat² terlateh telah bertambah.

(b) Bertambah-nya bilangan kelinik persendirian, hospital dan rumah

jururawat di-mana tempat² ini telah mengambil jururawat kita untuk berkhidmat.

- (c) Ada jururawat² yang telah keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka.
- (d) Sa-tengah-nya berhenti atas sebab perkahwinan.
- (iii) Kekurangan² jururawat terdapat di-seluruh dunia. Kedudukan yang ada di-sini, bukan-lah satu perkara yang luar biasa. Kita akan dapat mengurangkan masalah² ini dengan ranchangan latehan yang di-perluaskan ini.

PENGUASA PERUBATAN—HOSPITAL BESAR IPOH

18. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Ipoh ketiadaan Penguasa Perubatan sejak enam bulan yang lalu atau lebih awal daripada itu dan jika sedar nyatakan sama ada jawatan yang kosong itu akan di-penohi.

Tuan Lee Siok Yew: Saya sedar bahawa jawatan Penguasa Perubatan, Hospital Besar Ipoh telah tidak di-isikan oleh sa-orang Pegawai Perubatan. Walau bagaimana pun, pada masa ini tugas² Penguasa Perubatan ini di-jalankan oleh sa-orang Pakar Perunding. Ini ada-lah sa-aliran dengan aliran baru pentadbiran yang akan di-lancarkan oleh Kementerian saya di-semua hospital² besar di-negara ini.

HOSPITAL BESAR IPOH—KEKURANGAN DOKTOR

19. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada 18 orang sahaja doktor² pelateh di-Hospital Besar Ipoh dan jika sedar apa-kah langkah² yang Kementerian beliau sedang ambil untuk menambah bilangan itu.

Tuan Lee Siok Yew: Saya sedar bahawa hanya ada 18 orang doktor² pelateh di-Hospital Besar, Ipoh oleh kerana tidak ada doktor² pelateh untuk di-hantar ka-sana. Walau bagaimana pun mulai daripada bulan Mei, 28 jawatan² doktor² pelateh di-Hospital Besar, Ipoh akan di-penohkan.

RANCHANGAN PENANAMAN TEBU—JAMINAN PENGELUARAN HASIL

20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada ranchangan penanaman tebu yang hendak di-mulakan akan dapat mengeluarkan gula yang berlebihan untuk menghadapi keperluan negeri ini; jika ya, nyatakan apa Kerajaan berchadang hendak buat dengan gula yang berlebihan ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-takat ini ada 3 projek menanam tebu dan menapis gula yang telah di-beri kelulusan dan 2 projek lagi sedang di-dalam perancangan. Ada-lah di-harap, projek² tersebut akan berjalan penoh di-dalam tahun 1977, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 300,000 tan gula setahun. Kalau di-hitong dari kadar bertambah-nya penggunaan gula sa-banyak 5% sa-tahun, keperluan negara di-dalam tahun 1977 ia-lah 486,000 tan. Keperluan gula bagi tahun 1973 hingga 1977 ia-lah seperti berikut:

1973	...	400,000	tan
1974	...	420,000	„
1975	...	441,000	„
1976	...	463,000	„
1977	...	486,000	„

Pengeluaran gula dari projek² menanam tebu dan menapis gula bagi tahun² yang sama ada-lah di-jangka seperti berikut:

1973	...	50,000	tan
1974	...	130,000	„
1975	...	210,000	„
1976	...	255,000	„
1977	...	300,000	„

Jadi projek² menanam tebu dan menapis gula yang ada ini tidak-lah dapat menampung keperluan negara bagi beberapa tahun yang akan datang.

Sementara itu pengeluaran dari 2 buah kilang penapis yang ada sekarang ia-lah 330,000 tan sa-tahun. Ada-lah di-jangka kilang² tersebut tidak akan menambahkan daya pengeluaran mereka memandangkan kapada pelaksanaan projek² menanam dan menapis gula tempatan. Memandangkan kemungkinan pengurangan impot gula mentah, kilang menapis sekarang telah menyedari hakikat-nya dan telah mula untuk menanam tebu mereka sendiri.

Jikalau di-kira pengeluaran² kedua² kilang menapis yang ada sekarang dan pengeluaran² dari projek menanam tebu dan menapis gula, jumlah pengeluaran ada-lah berlebihan dari keperluan negara mulai daripada tahun 1975.

Memandangkan daripada bertambah-nya permintaan gula di-pasaran dunia, Malaysia mungkin mengeksport gula² yang berlebihan itu.

KELAS TINGKATAN VI—SARAWAK

21. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah² menengah dengan kelas² S.T.P. di-Sarawak; dan
- (b) berapa lagi sekolah² akan mengadakan kelas² S.T.P. dan di-mana-kah letak-nya sekolah² itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dasar Pelajaran dan sistem Pentadbiran Pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri mengikut perenggan 17, Laporan "Inter-Governmental Committee 1962". Tetapi bagi ma'aloman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan² itu ada-lah seperti berikut:

- (a) 9.
- (b) Pada tahun hadapan sa-buah lagi sekolah di-jangka akan mengadakan Tingkatan Enam di-Bahagian Pertama. Sa-lain daripada itu, Kelas² tambahan, di-mana perlu, akan di-pertimbangkan di-sekolah² yang sudah mempunyai Tingkatan Enam.

GURU SISWAZAH—KEKURANGAN DI-SABAH

22. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan memulakan satu ranchangan untuk memaksa siswazah² yang baru lulus dari Universiti Malaya bertugas sa-bagai guru untuk memenuhi kekurangan guru², terutama di-Sarawak.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kemungkinan-nya sedang di-pertimbangkan.

KILANG GULA—PEMBENAAN DI-SABAH

23. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan membena

sa-buah kilang gula di-Sarawak bagi memenuhi kehendak² pasaran Malaysia Timor sa-tara dengan dasar Kerajaan menggalakkan pertabaran perusahaan² di-kawasan² yang kurang maju seperti Sarawak.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tidak ada hajat Kerajaan hendak membena kilang gula di-mana² negeri di-Malaysia.

KAJIAN PENUBOHAN PERUSAHAAN DI-SARAWAK

24. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbang memulakan suatu kajian kemungkinan untuk mengadakan perusahaan² yang sesuai di-kawasan² luar bandar di-Sarawak.

Tuan Mohamed Khir Johari: Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, dengan bantuan Pertubuhan Kemajuan Perusahaan Bangsa² Bersatu (UNIDO), telah menjalankan satu kajian berkenaan dengan kemungkinan penubohan perusahaan² di-Sarawak dan satu Laporan yang lengkap akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak apabila selesai kelak.

MUTU MAKANAN DI-HOSPITAL

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada langkah² telah di-ambil untuk menentukan bahawa makanan untuk orang² sakit di-hospital² ada-lah lebeh lazat dan berzat lagi.

Tuan Lee Siok Yew: Mutu zat makanan yang di-berikan kepada pesakit² di-hospital telah di-uruskan oleh pakar². Langkah² untuk menyediakan makanan yang lazat telah di-ambil untuk memperbaiki mutu makanan. Latehan dan bekalan tukang² masak di-sediakan untuk memperbaiki mutu makanan².

MENGHAPUSKAN BAYARAN PAKSAAN—RAWATAN PERUBATAN

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada kemiskinan ra'ayat, bilakah bayaran yang di-kenakan untuk pesakit luar akan di-hapuskan.

Tuan Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan tidak ada mendesak bayaran paksaan (compulsory payment). Rawatan perubatan perchuma telah di-adakan bagi pesakit² yang tidak mampu membayar.

PERJANJIAN SEWA BELI—KADAR BUNGA YANG TINGGI

27. Tuan Lee Seck Fun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada orang² yang membeli barang² dengan ansuran terpaksa membayar kadar bunga yang lebih tinggi daripada kadar yang di-tetapkan di-dalam Akta Sewa Beli.

Tuan Mohamed Khir Johari: Di-bawah Akta Sewa Beli, 1967, kadar faedah yang dikenakan bagi satu² pembelian sewaan adalah di-hadkan kepada kadar 10% sa-tahun. Oleh itu orang ramai perlu-lah memastikan ia-itu kadar faedah yang di-kenakan di-dalam satu² perjanjian sewa beli yang di-buat itu tidak melebihi daripada angka ini.

PEMBORONG BUMIPUTRA—WAKIL BORONG PERNAS

28. Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada PERNAS pada masa ini telah memberikan peluang² kepada mana² sharikat bumiputra mengambil sa-suatu perniagaan borong; jika ya, berikan nama sharikat² yang telah di-berikan hak memborong itu mengikut negeri.

Tuan Mohamed Khir Johari: Pada dasarnya PERNAS Trading Sdn. Bhd melantek Perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri atau sa-buah badan perniagaan yang ditubuhkan oleh-nya untuk menjadi wakil² borong barang² PERNAS bagi peringkat negeri kechuali negeri Selangor, di-mana PERNAS Trading Sdn. Berhad sedang menjalankan perlantekan wakil² borong barang² PERNAS kerana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor tidak menjalankan kegiatan perniagaan borong. Badan² yang telah dilantek di-tiap² negeri ada-lah seperti berikut:

- (i) Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Perlis Berhad, Perlis.
- (ii) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang.
- (iii) Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Kedah.

(iv) Pernida Berhad, Perak.

(v) Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan.

(vi) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Melaka, Melaka.

(vii) Sergam Berhad, Johor.

(viii) Skt. Permodalan & Perusahaan Pahang Sdn. Bhd, Pahang.

(ix) Skt. Babena (Sdn.) Bhd, Trengganu.

(x) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Kelantan.

(xi) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Sabah, Sabah.

(xii) Sarawak Development Finance Corporation, Sarawak.

Bagi Negeri Selangor PERNAS akan melantek sa-banyak 33 peniaga² Bumiputra sa-bagai peniaga² borong seperti berikut:

- (i) Skt. Pemborong & Perniagaan Rimba, Kuala Lumpur.
- (ii) Skt. S.U.R.I., Kuala Lumpur.
- (iii) Skt. Putra Jaya, Kuala Lumpur.
- (iv) Skt. Perdagangan Raya Antarabangsa, Kuala Lumpur.
- (v) Skt. Tropika, Kuala Lumpur.
- (vi) Skt. Eskay Traders, Kuala Lumpur.
- (vii) Skt. Perusahaan & Perdagangan, Kuala Lumpur.
- (viii) Skt. K. S. Ebrahim Sdn. Berhad, Kuala Lumpur.
- (ix) Dato' Tajuddin bin Haji Ahmad, Kuala Lumpur.
- (x) Skt. Gunongsamudra Sdn. Berhad, Kuala Lumpur.
- (xi) Skt. Abdullah Piruz, Kuala Lumpur.
- (xii) Pejuang Setia Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- (xiii) Skt. Adillan, Kuala Lumpur.
- (xiv) Sheik Osman bin Ibrahim, Kuala Lumpur.
- (xv) Skt. Perwani M'sia Sdn. Berhad.
- (xvi) Mohd. Harun bin Yop, Kuala Lumpur.
- (xvii) Skt. Jayasama, Kuala Lumpur.
- (xviii) Sarda (M) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- (xix) Pergawati Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- (xx) Sharikat Mahsuri, Kuala Lumpur.
- (xxi) Sharikat Yusmar, Kuala Lumpur.

- (xxii) Skt. Bekerjasama² Jimat Chermat & Penanam Modal Keb. M'sia Barat Dgn. Tgn. Berhad, Kuala Lumpur.
- (xxiii) Perusahaan M. C. Marahakim Kuala Lumpur.
- (xxiv) Perkis (Perusahaan Kimia & Saintifik) (M) Sdn. Bhd, K.L.
- (xxv) Skt. Perniagaan Kemajuan, Kuala Lumpur.
- (xxvi) Skt. Alimalihan, Kuala Lumpur.
- (xxvii) Omar Letric Contractor, Kuala Lumpur.
- (xxviii) Skt. Osha Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- (xxix) T. Mohd. Tahir bin T. Bahdar Shah (Skt. Musba'alam) K.L.
- (xxx) Skt. Anida Enterprises, Kuala Lumpur.
- (xxxi) Skt. Nash Mahsuri, Kuala Lumpur.
- (xxxii) Muhibbah Batu Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- (xxxiii) Duncan, Gilbey & Matherson (M'sia) Sdn. Bhd, K.L.

PERNAS maseh lagi menerima permohonan dari peniaga² Bumiputra di-negeri Selangor dan ada kemungkinan beberapa buah sharikat Bumiputra lagi akan di-lantek menjadi peniaga borong.

ALLIED MANUFACTURING CO.— PEMBERHENTIAN PEKERJA²

29. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kementerian-nya telah champor-tangan di-dalam soal pemberhentian (retrenchment) 170 pekerja² di-Allied Manufacturing Co. Berhad, Petaling Jaya, jika ya, nyatakan keputusan champor-tangan tersebut.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): 136 pekerja² The Allied Manufacturing Sdn. Bhd, Petaling Jaya, telah mengadakan mogok haram pada 9hb Mach, 1972. Pegawai² Kementerian saya telah champor-tangan dalam pertelingkahan itu dengan tujuan untuk mendapatkan penyelesaian. Walau bagaimana pun, Lembaga Pengarah Sharikat telah memutuskan untuk menutup kilang tersebut dan pindah ka-Johor Bahru. Berikutan dengan keputusan Sharikat itu untuk menutup perniagaan-nya di-Petaling Jaya, saya telah

masuk champor sa-chara peribadi dan Sharikat itu bersetuju untuk menawarkan bayaran² berikut sa-bagai bayaran perpisahan:

- (i) Pekerja dengan perkhidmatan kurang dari sa-tahun ... 1 minggu gaji
- (ii) Pekerja² 1-2 tahun perkhidmatan ... 2 minggu gaji
- (iii) Pekerja² 2-3 tahun perkhidmatan ... 3 minggu gaji
- (iv) Pekerja² dengan lebih dari 3 tahun perkhidmatan ... 1 bulan

Pepak majikan juga bersetuju untuk menawarkan pekerjaan kepada pekerja² yang sanggup bekerja di-Johor Bahru. Pada 4-5-72, kechuali 4 orang pekerja, semua pekerja lain telah menerima bayaran perpisahan yang di-tawarkan oleh majikan.

ZUELLIG FEEDMILLS CO.— PEMBERHENTIAN PEKERJA²

30. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kementerian-nya telah champor-tangan di-dalam soal pemberhentian 120 pekerja² di-Zuellig Feedmills Co. Berhad, Petaling Jaya, jika ya, nyatakan keputusan champor-tangan tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Di-Zuellig Feedmills Sdn. Berhad di-Petaling Jaya, kira² 120 orang pekerja di-kilang tersebut telah di-gaji oleh sa-orang kontraktor. Kontraktor tersebut, pada 31hb Mach, 1972, telah memberi notis penamatan kerja kepada semua pekerja² akibat beliau telah hilang kontrak pada sharikat itu. Sharikat itu telah menggunakan lain kontraktor dari Pulau Pinang. Walau bagaimana pun, kontraktor itu hanya sanggup menggaji 70 pekerja sahaja. Berikutan dengan champor-tangan pegawai² Kementerian saya, Sharikat Zuellig Feedmills telah bersetuju untuk menggaji pekerja terus menerus, tidak melalui kontraktor tersebut. Berikutan dari keputusan ini Sharikat itu untuk menggaji 104 daripada 120 orang pekerja² yang asal pada 8-4-72 dengan 16 kekosongan untuk mengambil 16 pekerja yang lain. 104 pekerja itu di-gajikan berasaskan lama masa berkhidmat. Mereka yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang lama akan di-berikan keutamaan.

TANAMAN MODAL ASING DI-MALAYSIA

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah modal² asing yang di-tanam di-Malaysia Barat.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Jumlah modal² asing yang di-laborkan dalam sharikat² perintis di-Malaysia Barat sa-hingga bulan Disember, 1971 ia-lah lebih kurang \$395 juta.

IJAZAH UNIVERSITI NANYANG DAN FORMOSA

32. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak yang berkuasa yang menjalankan suatu kajian tentang ijazah² Universiti² Nanyang dan Formosa, telah membuat keputusan untuk mengiktirafkan ijazah² yang tersebut di-atas.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Belum lagi.

IJAZAH UNIVERSITI—MENILAI

33. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa lama masa dan berapa banyak bahan² yang di-perlukan untuk menilai ijazah sa-sabua Universiti dengan tujuan hendak mengiktirafkan-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Proses pengkajian ijazah sa-sabua Universiti dengan tujuan mengiktirafkan-nya ada-lah memakan masa yang lama oleh kerana kesukaran yang selalu di-alami ketika mengumpul butir² dan maklumat² yang cukup mengenai kelayakan² yang hendak di-kaji itu.

PERMIT MENDULANG BIJEH— SHARAT²

34. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan permit untuk mendulang bijeh yang telah di-keluarkan hingga sekarang;
- (b) mengapa-kah perlu di-kenakan syarat umur 18-40 apabila mengeluarkan permit² kepada pemegang² yang mana permit-nya telah di-batalkan beberapa tahun yang lalu; dan

(c) sama ada Kerajaan akan melonggarkan syarat ini apabila mengeluarkan permit² kepada bekas² pemegang permit.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Sa-hingga 30-4-72 jumlah bilangan Pas Melanda atau Mendulang yang telah di-keluarkan ia-lah 22,431.
- (b) Pembatalan Pas² Melanda telah dibuat lebih kurang 20 tahun yang lampau. Syarat tersebut di-kenakan untuk menjaga keselamatan pelanda².
- (c) Oleh sebab kepentingan syarat tersebut, Kerajaan tidak dapat melonggarkan-nya samasekali, tetapi akan menimbangkan kes² yang mendesak.

KESELAMATAN LALULINTAS PERKAPALAN DI-SELAT MELAKA

35. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada kemajuan telah di-chapai di-dalam persiapan di-antara Malaysia, Singapura, Indonesia dan Jepun untuk menentukan keselamatan "navigation for super-tankers" dan kapal² besar yang lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom, kajian hydrographic (hydrographic survey) di-Selat Melaka yang di-lancarkan oleh Malaysia, Indonesia, Singapura dan Jepun bagi menentukan keselamatan lalu-lintas perkapalan di-Selat tersebut maseh lagi berjalan dan satu laporan lengkap akan di-sediakan mengenai survey tersebut sebaik sahaja ia-nya selesai.

Ada-lah menjadi dasar Kerajaan meninggikan lagi taraf keselamatan pelayaran di-Selat Melaka dan ini berma'ana ada kemungkinan kapal² minyak yang terlalu besar tidak di-benarkan melalui Selat ini jika selepas kajian di-dapati keadaan Selat itu tidak membenarkan mengikut taraf keselamatan pelayaran yang akan di-tetapkan. Ini tidak berma'ana Kerajaan akan menghalang hak pelayaran tulin (innocent passage).

BAHASA MALAYSIA—KEGAGALAN PEPEREKSaan S.P.M.

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid² yang gagal dalam peperiksaan S.P.M. dalam tahun 1970 dan 1971 kerana mereka tidak

lulus Bahasa Malaysia walau pun mereka mendapat kepujian atau kepujian tinggi di dalam mata² pelajaran yang lain.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak dapat memberi angka yang saheh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menjelaskan setakat mana beliau maksudkan dengan "mereka yang mendapat kepujian atau kepujian tinggi". Walau bagaimana pun bilangan murid yang gagal dalam Bahasa Malaysia dalam tahun 1970 ia-lah 7,357 dan tahun 1971, 6,578. Bilangan ini termasuklah mereka² yang mendapat kepujian atau kepujian tinggi dalam mata² pelajaran lain.

BANTUAN KETENTERAAN AMERIKA SHARIKAT

37. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Amerika Sharikat maseh lagi memberi bantuan tentera kapada Malaysia dan, jika ya, nyatakan jumlah dan jenis bantuan² yang telah di-beri hingga hari ini.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Sejak tahun 1965, bantuan yang di-berikan oleh Amerika Sharikat ada-lah semata² dalam bentuk Latehan ketenteraan bagi anggota² Tentera Darat Malaysia di-Pusat² Latehan Tentera di-negeri itu. Bantuan Latehan ini ada-lah di-berikan di-bawah Rancangan Bantuan Ketenteraan Amerika Sharikat.

Jumlah yang di-belanjakan oleh Kerajaan Amerika Sharikat untuk rancangan bantuan ini ada-lah terlalu kecil dan tidak pernah di-nilai dari segi jumlah wang-nya tetapi sebakel-nya nilai bantuan itu mesti-lah di-pandang dari segi persafahaman dan kerjasama yang rapat antara kedua² negeri itu.

Jumlah anggota² Tentera Darat Malaysia yang telah di-hantar menjalani latehan di-bawah rancangan tersebut itu ada-lah seperti berikut:

1965	...	...	12
1966	...	...	32
1967	...	...	40
1968	...	...	47
1969	...	...	42
1970	...	...	50
1971	...	...	33

Pada 1hb Julai, 1971, satu perjanjian telah di-tandatangani dengan mana Kerajaan Amerika Sharikat bersetuju meminjamkan Kapal Pendarat Tank-nya U.S.S. Hunterdon County kapada Kerajaan Malaysia sa-lama 5 tahun tanpa apa² bayaran.

Selain daripada bantuan² yang tersebut di-atas itu, ada dua Peratoran Pinjaman telah di-buat dengan Kerajaan Amerika Sharikat dengan mana Kerajaan Amerika bersetuju untuk memberikan kapada Kerajaan Malaysia pinjaman² bernilai ASS4 juta dan ASS2.17 juta untuk membeli alat kelengkapan, barang² dan perkhidmatan dari negeri itu.

KEMUDAHAN TALIPON—KAWASAN PERUMAHAN PULAU PINANG

38. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

- (i) penduduk² lebih dari 160 buah rumah di-Mukim 1, Telok Bahang, Pulau Pinang;
- (ii) penduduk² lebih dari 300 buah rumah di-Ladang Pepper, Off Jalan Mount Erskine, Pulau Pinang; dan
- (iii) penduduk² lebih dari 150 buah rumah di-Happy Valley, Hya Keat Estate, Ayer Itam, Pulau Pinang, tidak mempunyai kemudahan² pondok talipon dan sama ada Kementerian-nya akan mendirikan sa-buah pondok talipon di-setiap tempat yang di-sebutkan itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar di-atas hal ini. Jabatan Talikom sudah pun menyiasat permintaan pondok² talipon orang ramai dari ketiga² kawasan yang tersebut dan kedudukan perkara² itu ada-lah seperti berikut:

- (i) sa-buah pondok talipon akan di-dirikan di-Ladang Pepper dalam masa dua bulan lagi;
- (ii) tidak-lah ekonomi pada waktu ini bagi mendirikan pondok² talipon di-Telok Bahang dan Happy Valley. Sunggoh pun begitu permintaan kedua² kawasan ini di-semak semula dari masa ka-semasa oleh Jabatan Talikom.

BAHASA MALAYSIA (M.C.E.)— SEBAB² KEGAGALAN

39. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab² terdapat-nya kadar kegagalan yang tinggi di-kalangan murid² yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di-dalam Bahasa Malaysia tahun lepas, walau pun mereka mendapat keputusan yang sangat baik dalam mata² pelajaran yang lain, dan apa-kah langkah² Kementerian-nya berchadang hendak ambil bagi memperbaiki kedudukan ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pada keseluruhan-nya kegagalan murid² yang mengambil Kertas Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan M.C.E. di-sebabkan oleh sikap murid² sendiri yang tidak mahu mengambil berat di-dalam mata pelajaran ini. Mereka lebih menitik berat dan meminati mata-pelajaran² lain. Guru² Besar telah di-arah supaya menasehatkan murid² tentang mustahak-nya kelulusan dalam Bahasa Malaysia, seperti juga dengan mata² pelajaran lain.

PEMBERIAN TANAH KAPADA PENDUDOK² KAMPONG BARU

40. Tuan Chan Fu King minta Menteri Tugas² Khas menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan semua Kerajaan² Negeri supaya memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah di-Kampung² Baru memandangkan kapada permintaan² untuk tanah seperti yang beliau dapati sa-masa lawatan beliau ka-Kampung² Baru.

Menteri Tugas² Khas (Dr Lim Keng Yaik): Yang Berhormat Wakil Kawasan Telok Anson ada-lah di-jemput mengambil ingatan bahawa mengikut Perlembagaan pengeluaran milek tanah ada-lah di-dalam bidang kuasa Kerajaan² Negeri. Oleh itu tidak-lah wajar bagi sa-sorang Menteri Kabinet mengarahkan Kerajaan² Negeri untuk memberi milek tanah kapada sa-siapa. Sunggoh pun demikian, Kerajaan² Negeri telah pun di-pinta menimbangkan pemberian milek tanah kapada pendudok² Kampong Baru yang tidak mempunyai tanah.

PEMOTONGAN BEKALAN AYER— ABDUL HAMID BIN SHAFIE

41. Dr A. Soorian minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar akan kes berikut—

“Enche’ Abdul Hamid bin Shafie, pemegang Kad Pengenalan No. 1649661 yang tinggal di-No. 2 Malay Bazaar, Batu 4, Si-Rusa, Port Dickson telah mendapati bekalan ayer-nya di-potong, kerana konon-nya ia tidak membayar bil² ayer dari tempoh 1962. Ia boleh menunjukkan bil ayer-nya untuk bulan Julai, 1971. Di-dalam bil ini tidak pun di-sebutkan tentang tunggakan”;

(b) jika sedar, mengapa ia di-kehendaki membayar untuk sa-suatu yang telah pun di-bayar walau pun ia tidak lagi menyimpan bil² dari tahun 1962 ka-atas sa-bagai bukti; dan

(c) langkah² yang telah di-ambil mengenai perkara ini.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato’ Haji Abdul Ghani Gilong): Saya suka-lah memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa bekalan ayer baik dari segi kewangan, penyenggaraan dan perjalanan ada-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah mengarahkan untuk menyiasat perkara yang tuan sebutkan itu dan saya mendapati ada-lah seperti berikut:

(a) Pungutan bayaran bil ayer di-kawasan Bandar Port Dickson pada mula-nya di-jalankan oleh Majlis Bandaran Port Dickson. Tugas itu walau bagaimana pun telah di-ambil alih oleh Perbendaharaan Negeri mulai 1hb. Julai, 1966. Pihak Perbendaharaan Negeri mengambil alih tugas² ini sechara tangan yang berseh dan Majlis Bandaran Port Dickson ada-lah bertanggung-jawab untuk mendapat balek apa² tunggakan yang di-kumpulkan sa-belum 1hb Julai, 1966. Semenjak 1hb Julai, 1966 bil² ayer yang di-keluarkan oleh Perbendaharaan Negeri tidak menunjukkan sebarang tunggakan yang telah di-kumpulkan sa-belum 1hb Julai, 1966. Jadi nyata-lah di-sini bahawa pihak yang di-sebutkan oleh tuan itu tidak menyatakan atau tidak menunjukkan jumlah tunggakan yang telah di-tanggoh

oleh sa-saorang pengguna itu. Untuk mendapat balek tunggakan yang telah di-kumpulkan sa-belum 1hb Julai, 1966 pemberitahu pemotongan bekalan ayer telah pun di-keluarkan oleh Majlis Bandaran Port Dickson kepada pengguna² yang mengikut pada daftar Majlis Bandaran yang maseh tidak menyelesaikan bil² ayer yang di-bekalkan sa-belum 1hb Julai, 1966. J.K.R. Port Dickson telah di-minta menolong membuat potongan bekalan ayer pengguna² yang tidak menyelesaikan tunggakan mereka. Nasehat dan arahan untuk pemotongan bekalan ayer bagi Enche' Abdul Hamid bin Shafie telah di-terima oleh J.K.R. Port Dickson pada 21-5-1971 oleh kerana beliau tidak menyelesaikan tunggakan sebanyak \$138.50 yang telah terkumpul sa-belum 1hb Julai, 1966. Bekalan ayer telah di-potong pada 18hb Ogos, 1971 dan pada 14hb Februari, 1972 telah di-pasang semula apabila ia membayar tunggakan yang di-sebutkan di-atas tadi.

- (b) Saperti yang saya terangkan di-atas tadi tunggakan yang telah terkumpul sa-belum 1hb Julai, 1966 tidak di-nyatakan di-dalam bil² ayer yang di-keluarkan oleh pehak Perbendaharaan Negeri, tetapi bil² ayer itu ada di-nyatakan di-dalam buku daftar Majlis Bandaran.
- (c) Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pehak J.K.R. telah di-arahkan oleh Perbendaharaan Negeri untuk memotong bekalan ayer kepada sa-tiap pengguna yang telah tidak menyelesaikan bil bekalan ayer dalam masa 26 hari dari tarikh di-keluarkan bil tersebut. Jika Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui dengan sa-lanjut-nya boleh berurus dengan Majlis Bandaran Port Dickson atas perkara ini.

WAKIL² RA'AYAT DI-BERI TANAH— SENARAI

42. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberikan senarai nama² Ahli² Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telah di-beri tanah oleh Kerajaan dari tahun 1959 hingga tahun 1971 dengan menyatakan:

- (a) nombor² lot;
- (b) luas tanah itu mengikut ekar; dan

- (c) tempat² atau kawasan² di-mana tanah itu terletak.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Perkara² itu ada-lah di-bawah urusan Kerajaan Negeri.

SEMINAR RAMALAN BANJIR— KEJAYAAN

43. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) sa-jauh mana-kah kejayaan yang terchapai dalam seminar mengenai Ramalan Banjir yang di-anjorkan bersama oleh Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia dan Kementerian beliau dalam tahun 1971;
- (b) bila dan di-mana-kah seminar sa-umpama itu akan di-adakan dalam tahun 1972.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Seminar mengenai Meramal Banjir yang di-anjorkan bersama oleh Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia dan Bahagian Parit dan Taliayer Kementerian saya dalam tahun 1971, telah berjaya menchapai matlamat² sebagai berikut—
 - (i) Memberi peluang kepada kakitangan² teknikal dari kedua² Jabatan mengadakan perbincangan² teknikal berhubung dengan beberapa aspek mengenai meramal chuacha dan banjir, dan yang demikian menjadikan mereka lebeh chekap dan lengkap untuk menjalankan tugas² mereka.
 - (ii) Mengadakan peluang² untuk penyelarasan dan kerjasama yang lebeh baik antara kedua² Jabatan di-dalam bidang meramal banjir, dan yang demikian dapat meninggikan lagi kebolehan sistem meramal banjir.
 - (iii) Dapat menyatukan pengetahuan yang sedia ada mengenai meramal banjir dan untuk mencari kekurangan² yang ada dalam

chara² yang di-gunakan pada masa itu, dengan tujuan memperbaiki-nya.

Hasil yang sangat berfaedah yang di-perolehi dari Seminar tersebut ia-lah penubohan sa-buah Pusat Penerangan Banjir dalam Bahagian Parit dan Tali-ayer, di-mana peta² banjir dan sistem² meramal banjir di-beberapa buah Negeri di-pamerkan serta di-perbaharui.

- (b) Walau pun tidak ada tujuan untuk mengadakan satu Seminar yang sama pada tahun 1972, perbincangan² teknikal di-kalangan pegawai² Bahagian Parit dan Taliayer mengenai meramal banjir akan terus di-adakan bila dan apabila di-perlukan. Perbincangan² bersama di-antara pegawai² dari Bahagian Parit dan Taliayer dan Jabatan Kajichuacha akan di-adakan dari semasa ka-semasa.

BANTUAN PERKAKAS MENANGKAP IKAN

44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) jenis perkakas² menangkap ikan tambahan yang akan di-bahagikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan kepada nelayan² pantai melalui Persatuan² Nelayan;
- (b) bagaimana-kah bantuan perkakas itu di-hulorkan dan nyatakan apa-kah syarat² untuk mendapat pemberian bantuan itu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) Lembaga Kemajuan Ikan tidak akan membahagikan apa² jenis perkakas menangkap ikan tambahan kepada nelayan² melalui Persatuan² Nelayan.
- (b) Tiada berbangkit.

PUSAT PROJEK DAGING-SUSU—BEHRANG

45. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Pusat Projek Daging-Susu di-Behrang dan Tanjong Malim akan siap dalam jangka yang di-tentukan dan nyatakan sa-jauh mana-kah kerja² permulaan di-jalankan pada masa sekarang.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Projek Daging-Susu yang di-ranchangkan ia-lah di-Behrang Ulu dan bukan-nya di-Behrang dan di-Tanjong Malim. Projek ini di-harap akan siap di-dalam masa yang di-tetapkan sa-belum pertengahan tahun 1974. Bagi tahun 1972, kerja yang di-jalankan ia-lah untuk membersehhkan lebeh kurang 1,500 ekar untuk di-tanam dengan rumput² ragut (fodder pasture) mengikut berapa banyak benih boleh di-dapati. Pagar dan jalan² akan juga di-bena pada tahun ini.

ANG QUEE LAN—PENAHANAN WARGANEGARA SINGAPURA

46. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-nya Puan Ang Quee Lan, sa-orang Warganegara Singapura maseh lagi di-tahan di-Penjara Pudu dan tidak di-hantar balek ka-Singapura.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Saperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Puan Ang Quee Lan ada-lah sa-orang warganegara Singapura tetapi Kerajaan Singapura menafikan taraf kewarganegaraan beliau dan enggan menerima-nya balek ka-Singapura. Kementerian saya telah menasihatkan penguambela² Puan Ang Quee Lan "to file a Writ and Statement of Claim in the Singapore High Court for a Declaration that she is a citizen of Singapore". Perkara ini ada-lah di-dalam tangan peguambela² Puan Ang Quee Lan ia-itu Enche' R. Rajasingam & Company dan Enche' Daim & Gamany. Sabjek sekarang ini di-tahan di-penjara sementara menunggu hasil tindakan peguambela beliau.

P.C. 25001 ABDUL AZIZ BIN YUSOF—LAPORAN MEMUKUL

47. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa suatu laporan telah di-buat ka-atas P.C. No. 25001, Abdul Aziz bin Yusof, yang bertugas di-Sungai Suloh, Batu Pahat kerana memukul sa-orang kampung pada 13-3-1972 dan menyatakan apa-kah tindakan² yang telah di-ambil oleh pehak yang berkuasa terhadap perkara ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ya, ada satu laporan resmi bernombor 857/72 telah di-buat oleh sa-orang bernama Low Tai ka-atas

P.C. No. 25001, Abdul Aziz bin Yusof yang bertugas di-Sungai Suloh, Batu Pahat pada 13-3-1972. Repot kesalahan ini ia-lah di-bawah Sekshen 14 Undang² Kesalahan Kechil No. 3/55 dan kuasa menyiasat perkara itu telah pun di-minta daripada Timbalan Penda'awa Raya, Johor di-bawah Sekshen 108 (11) Kanun Achara Jenayah. Perkara ini ada-lah di-dalam siasatan. Apabila siasatan telah di-selesaikan, maka Kertas Siasatan itu akan di-edarkan kepada Timbalan Penda'awa Raya untuk apa² tindakan yang di-fikirkan perlu oleh beliau.

PENGHARAMAN TARIAN SINGA

48. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada benar sekarang telah menjadi dasar Kementerian-nya tidak membenarkan lagi di-adakan tarian² singa di-Kuala Lumpur dan Selangor, dan jika ya, beri sebab²-nya; dan
- (ii) jumlah kejadian² di-mana tarian² singa telah di-adakan tanpa mendapat kebenaran dari pihak polis dan apa-kah tindakan² yang telah di-ambil oleh pihak Polis terhadap tiap² kejadian.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (i) Tidak benar.
- (ii) Tiada.

MESHUARAT MCA TANPA KEBENARAN POLIS

49. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa-kah langkah² atau tindakan² yang telah di-ambil oleh pihak Polis terhadap meshuarat MCA yang tidak mendapat kebenaran polis, yang di-adakan di-dalam Sekolah Rendah China Peng Min, 4½ mls, Jalan Minyak Beku, Batu Pahat pada 14-2-72.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Perjumpaan tersebut ia-lah satu perjumpaan sosial bagi menyambut Tahun Baharu China dan tidak memerlukan apa² Permit di-bawah Akta Polis tahun 1967. Oleh yang demikian tidak ada apa² tindakan selanjut-nya di-ambil.

TANAH² BEKAS LOMBONG UNTUK PROJEK PERUMAHAN

50. Tuan Seah Teng Ngiah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ia-itu memandang bahawa salah satu rintangan yang besar dalam usaha untuk menyediakan lebih banyak rumah² murah di-kawasan² bandar ia-lah kerana ketiadaan tanah, maka sama ada Kerajaan Pusat akan melaraskan dengan Kerajaan² Negeri untuk memperhebatkan penggunaan tanah² bekas lombong yang tidak di-gunakan lagi itu khas-nya untuk mendirikan rumah² murah dan bagi maksud perindustrian.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Penggunaan tanah ada-lah di-tentukan oleh Kerajaan² Negeri dan ini ada-lah bergantung kepada ada-nya tanah untuk berbagai kegunaan. Dalam membuat penentuan ini Kerajaan Negeri tentu-lah akan menimbangkan penggunaan segala tanah² lombong tinggal di-kawasan² bandar untuk perumahan dan tapak perusahaan dengan syarat kegunaan yang demikian itu menguntungkan. Berhubung dengan shor supaya Kerajaan² Negeri menghebatkan lagi penggunaan tanah² lombong tinggal, khas-nya untuk rumah² murah dan tapak² perindustrian, Kementerian ini akan membawa perkara ini kepada perhatian Kerajaan² Negeri melalui Majlis Perundingan Negara bagi Perumahan. Untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat, beberapa ranchangan² perumahan awam telah pun di-dirikan di atas tanah² lombong tinggal.

SENGKETA PAKISTAN/BANGLADESH—PERANAN MALAYSIA

51. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia berchadang hendak menjadi pendamai di-dalam sengketa sekarang antara Pakistan dan Bangladesh.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, Malaysia telah mengambil daya utama di-dalam pembentukan Surohanjaya Keamanan 6 negara di-Persidangan Menteri² Luar Negara² Islam di-Jeddah baru² ini, Malaysia telah dilantik sebagai salah satu ahli-nya yang bertujuan untuk merapatkan perhubungan kedua pihak. Walau bagaimana pun oleh kerana Kerajaan Bangladesh tidak mahu menerima ahli² Surohanjaya itu, selain daripada ahli² dari negara² yang telah mengiktirafkan

negara-nya, maka Surohanjaya itu tidak-lah dapat meneruskan kerja-nya. Ada-lah di-anggapkan bahawa untuk masa ini Surohanjaya itu mesti bekerja sa-bagai satu badan yang berdiri daripada semua ahli² yang di-pileh.

LIM FOOK VOON—PENAHANAN DI-HEATHROW

52. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah beliau sedar, seperti yang di-laporkan dalam Straits Times pada 17-3-72 bahawa sa-orang penuntut Malaysia bernama Lim Fook Voon telah di-tahan sa-lama lapan hari di-Lapangan Terbang Heathrow, sungguh pun dia mempunyai visa penuntut untuk belajar di-England, dan jika sedar, apa-kah tindakan Kerajaan berchadang hendak ambil dalam perkara ini.

Perdana Menteri: Bagi maalam Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penuntut Malaysia telah di-beritahu tentang penahanan Enche' Lim Fook Voon 5 hari sa-lepas kejadian tersebut. Enche' Lim sendiri tidak menghubongi Jabatan Penuntut² Malaysia atau pun Surohanjaya Tinggi kita di-London. Walau bagaimana pun Jabatan Penuntut² Malaysia telah membuat segala apa yang patut untuk menolong Enche' Lim Fook Voon tetapi oleh kerana beberapa dokumen yang ada pada-nya Kerajaan British mengshakki atas niat kedatangan beliau ka-London. Kerajaan Malaysia telah chuba menolong Enche' Lim dengan seberapa daya yang patut tetapi keputusan muktamad dalam hal itu ada-lah di-tangan British.

ORANG² ISLAM DI-COTABATO DAN DI-THAILAND—MASAALAH

53. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar tegas Kerajaan terhadap masaalah² yang di-hadapi oleh orang² Islam di-Cotabato, Filipina dan juga orang² Islam keturunan Melayu di-Thailand.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom, dasar kita terhadap masaalah orang Islam di-Cotabato, Filipina dan orang Islam berketurunan Melayu di-Thailand ada-lah sangat jelas. Sa-bagai sa-buah Negara yang merdeka kita

tiada boleh champor tangan dalam masaalah dalam negeri lain. Masaalah² ini ada-lah hal ehwal dalam negara Filipina dan Thailand. Oleh itu kita tiada berhak untuk champor tangan. Tetapi mengenai laporan pembunuhan orang² Islam di-Filipina, Malaysia memandang berat dari segi peri kemanusiaan dan kita telah menyatakan pendirian kita dalam perbincangan antara bangsa. Kita juga telah mengadakan pertukaran fikiran dengan pemimpin² Filipina mengenai perkara ini.

PERJANJIAN PERTAHANAN NEGARA² TENGGARA ASIA— MARCOS

54. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Presiden Marcos telah membuat chadangan kepada Malaysia supaya di-tubuhkan satu perjanjian pertahanan antara negara² di-Tenggara Asia dan jika benar, apa-kah sikap Malaysia terhadap chadangan itu.

Perdana Menteri: Kita tidak menerima apa² chadangan dari President Marcos mengenai penubuhan perjanjian Pertahanan antara negara² Asia Tenggara.

PENGUNDI² BAHARU—ANGGARAN

55. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa-kah Pesuruhjaya Pilehanraya hanya menganggar lebeh kurang 200,000 pengundi² baru pada tahun 1971, pada hal sa-benar-nya terdapat lebeh dari 700,000 pengundi² baru yang di-daftarkan pada tahun 1971; dan
- (b) sama ada perbedzaan besar ini disebabkan oleh—
 - (i) anggaran yang salah tentang pengundi² baru tahun 1971 oleh Surohanjaya Pilehanraya;
 - (ii) kakitangan dan wang yang tidak mencukupi untuk mendaftarkan pengundi² baru; dan
 - (iii) Kekurangan ma'alumat utama tentang pengundi² baru bagi tahun 1971.

Perdana Menteri:

- (a) Sa-benar-nya jumlah 705,471 pengundi baru yang telah di-daftarkan dalam

tahun 1971 itu ia-lah bagi tiga tahun (Tahun 69/70, 70/71 dan 71/72). Dengan demikian untuk satu tahun tambahan pengundi baharu ada-lah lebih kurang 200,000.

- (b) (i) Anggaran yang di-buat oleh Surohanjaya Pilehanraya itu ada-lah betul.
- (ii) Masaalah kekurangan wang dan kakitangan tidak timbul.
- (iii) Surohanjaya Pilehanraya mempunyai ma'alumat² yang cukup.

PENGUNDI² BAHARU—SENARAI

56. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa-kah Surohanjaya Pilehanraya tidak memberi senarai² pengundi baru kepada semua partai politik seperti yang di-lakukan dahulu; dan
- (b) sama ada ini di-sebabkan oleh—
- (i) penchetakan set² yang terhad dan tidak pun menchukopi untuk kegunaan mereka sendiri;
- (ii) tidak cukup masa untuk menyusun senarai² baru;
- (iii) kakitangan yang tidak menchukopi untuk menyusun senarai² baru ini.

Perdana Menteri: Pada masa ini senarai pengundi² di-sediakan dengan menggunakan komputer dan hanya 8 master set sahaja boleh di-sediakan bagi tiap² Negeri. Oleh kerana itu senarai pengundi² itu tidak dapat di-bahagikan kepada parti² politik.

Soal sama ada Surohanjaya Pilehanraya mempunyai masa dan kaki-tangan yang cukup untuk menyusun senarai² itu tidak timbul sama sa-kali.

PENGUNDI² BAHARU—PEMEREKSAAN AWAM

57. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah set² senarai pengundi yang baru yang di-chetak untuk pemeriksaan awam untuk 1971;
- (b) berapa set-kah yang telah di-beri kepada tiap² surohanjaya pilehanraya negeri; dan

(c) berapa set-kah yang telah di-beri kepada satu² kawasan Parlimen.

Perdana Menteri: Saperti yang telah saya nyatakan di-dalam jawapan saya kepada soalan Ahli² Yang Berhormat tadi, terdapat 8 set senarai pengundi² yang baru bagi tiap² Negeri. 3 set di-sediakan untuk Penyelia² Pilehanraya Negeri daripada mana satu satu set ia-lah untuk Pegawai Pendaftaran dan satu set lagi di-sediakan untuk pemeriksaan awam di-kawasan² Parlimen negeri itu. Baki-nya di-gunakan oleh Ibu Pejabat Surohanjaya Pilehanraya.

USUL

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:-

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak shukor dan terima kaseh Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang ketiga.” (16hb Mei, 1972)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk menjawab beberapa pandangan dan tegoran² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat dari pihak pembangkang dalam perbahathan menyebarkan ucapan terima kaseh terhadap titah di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu, sebagai Ketua Pembangkang, nampak-nya, tidak dapat mengemukakan apa² chadangan yang membena atau positif untuk di-timbangkan oleh Kerajaan. Saya nampak Ahli

Yang Berhormat itu dengan sengaja telah menyalah-tafsirkan apa yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kedua itu.

Kerajaan Perikatan sebagai Kerajaan yang bertanggung-jawab, yang praktik dan realist, hanya suka menyebut sesuatu yang di-fikirkan menasabah dan boleh di-jayakan. Kita membuat anggaran 30% daripada aktiviti² perdagangan dan perusahaan di-pegang oleh orang² Melayu dan lain² Bumiputra dalam masa 20 tahun ia-lah kerana ini angka yang menasabah. Kita telah menyatakan ini ada-lah sekurang²-nya yang kita chadangkan. Kalau kita boleh buat lebih dari itu, sangatlah elok. Kita berkehendakkan angka 30% ini untuk memberi gambaran yang jelas kepada orang² Melayu dan ahli bumiputra supaya mereka itu ada mempunyai bahagian yang berpatutan dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun kita katakan tujuan kita menjalankan dasar ini ia-lah untuk mencapai perpaduan akan tetapi ini tidak berm^ana kita terpaksa menunggu sehingga rancangan ini telah sempurna baru-lah perpaduan ra'ayat akan tercapai. Yang kita maksudkan ia-lah rancangan ini berjalan beransor² dari sa-tahun ka-satahun dan sambil rancangan² itu berjalan, kita harap perasaan ra'ayat akan berubah dan perasaan persafahaman dan saling mengerti bertumbuh meresap antara satu dengan lain.

Kita hendak-lah faham bahawa tiap² satu benda yang wujud di-dunia ini mesti-lah ada "element of growth" atau proses tumbuh—dari kecil menjadi sederhana dan seterusnya menjadi besar. Bagitu juga-lah perpaduan di-kalangan ra'ayat—bermula sedikit², kemudian bertambah kuat sehingga ia sa-benar² menjadi tegoh dan erat dan kita dapat tubuhkan satu bangsa yang kuat dan bersatu padu.

Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada apa² chadangan bagaimana chara yang patut kita jalankan untuk hendak menguatkan atau hendak menyegerakan lagi tercapai-nya perpaduan di-kalangan ra'ayat. Kalau beliau fikir dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan itu tidak betul atau menepati, apa-kah rancangan atau programme yang lain yang di-fikirkan dapat

di-jalankan untuk mencapai matlamat perpaduan itu dengan chara yang lebih pantas dan berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa Kerajaan tidak tegas dalam usaha meninggikan Bahasa Malaysia dan penggunaan Bahasa Malaysia di-tengah² masyarakat. Beliau berkata kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia masih lagi menjadi tanda tanya ra'ayat.

Saya hairan kenapa Ahli Yang Berhormat itu begitu terkebelakang fikiran-nya. Tentu beliau masih ingat tahun 60/65 dahulu, pada masa itu kita belum lagi menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi yang tunggal. Sekarang Bahasa Malaysia telah menjadi Bahasa Rasmi yang tunggal dengan kuatkuasa undang² seperti yang di-terangkan dalam Perlembagaan kita. Jadi, masa'alah kedaulatan dan kedudukan Bahasa Malaysia itu tidak-lah lagi timbul.

Dalam majlis Dewan Ra'ayat ini pun, ahli² Yang Berhormat tidak boleh berchakap Bahasa Inggeris melainkan dengan izin Tuan Speaker. Jadi, Kerajaan telah memberi kedudukan kepada Bahasa Malaysia di-tempat yang sa-benar-nya dan memberi kedaulatan sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi yang tunggal di-negara kita. Saya tidak faham apa-kah lagi yang hendak di-laung²kan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya tidak faham apakah tujuan hendak di-adakan kempen Bulan Bahasa kerana apa yang di-chita² itu telah pun wujud dan ada terletak di-tempat yang sa-wajar-nya.

Perkara yang mustahak di-usahakan sekarang ia-lah memperkayakan Bahasa Kebangsaan kita itu supaya dapat di-gunakan dengan sepenoh-nya dalam semua lapangan perusahaan dan pelajaran. Begitu juga kita patut mengadakan buku² dengan lebih banyak lagi dalam Bahasa Kebangsaan supaya dengan itu lebih ramai lagi ra'ayat di-negara kita dapat mengetahui dengan mendalam dan menggunakan dengan sepenoh-nya Bahasa Kebangsaan kita itu. Saya fikir tidak ada perkara yang Kerajaan hendak tegaskan dalam perkara Bahasa Kebangsaan ini kerana kita telah tegaskan perkara ini dengan kuatkuasa undang² dan Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat itu ada menyebut berkenaan masaalah pelajaran dan kata-nya pelajaran tinggi dalam lapangan sains dan teknologi dan lain²-nya tidak memberi faedah jika tidak ada nilai yang sempurna. Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan supaya dasar pelajaran di-semak semula untuk diberi penilaian.

Di-sini pun, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tujuan kita mengadakan kemudahan² pelajaran ia-lah kerana kita hendak memberikan latihan kepada anak² muda kita supaya menjadi warganegara yang berguna yang boleh menjalankan tanggung-jawab mereka dengan sempurna.

Beliau juga menyebut berkenaan dengan Universiti Islam. Saya suka menegaskan di-sini, Kerajaan tidak menolak chadangan menubuhkan Universiti Islam ini bahkan Kerajaan telah menerima dasar bagi mengadakan pelajaran dalam lapangan agama sa-hingga ka-peringkat Universiti. Dengan sebab itu, Kolej Islam telah di-jadikan Fakulti Pengajian Islam di-Universiti Kebangsaan. Ini berma'ana mahasiswa² yang suka hendak menumpukan pelajaran dalam lapangan agama boleh mendapat kelulusan atau ijazah dalam lapangan agama yang sama taraf dan mutu-nya dengan ijazah² yang lain.

Akan tetapi, masaalah yang di-hadapi oleh Kerajaan ia-lah keutamaan atau priority bagi memenohi kehendak² kebangsaan kita. Kita tidak mempunyai kelengkapan termasuk orang² yang berkelayakan bagi menjadi professor dan juga pensharah serta pentadbir² di-Universiti ada-lah terhad.

Kerajaan suka hendak mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah sa-benar-nya di-kehendaki dari Universiti Islam itu? Ada-kah Universiti Islam itu hendak memberi pelajaran dalam lapangan agama sa-mata² atau ada-kah Universiti Islam itu hendak mengajar juga ilmu² seperti Sains, Teknologi dan Sastera dan juga pelajaran² yang lain seperti Universiti Azhar di-Cairo dan juga Universiti² lain di-negara² Islam? Kalau maksud-nya hendak di-adakan sa-buah Universiti seperti Universiti Azhar di-Cairo itu, tidak-kah Universiti Kebangsaan boleh memenohi kehendak² itu?

Kerajaan berpendapat, mustahak dan perlu di-beri didekan dalam lapangan agama kepada anak² kita dari mula mereka

itu masuk sekolah sa-hingga ka-sekolah menengah dan ka-sekolah tinggi dan terus ka-Universiti. Dengan sebab itu, Kerajaan telah menjadikan Kolej Islam itu sa-bagai bahagian dari Fakulti Pengajian Islam dalam Universiti Kebangsaan.

Akan tetapi, sambil mempelajari hal² agama, anak² kita hendak-lah di-beri pelajaran dalam lapangan² lain supaya mereka itu boleh menjadi ra'ayat yang berguna, yang boleh menjalankan kehidupan mereka bukan sahaja untuk menyediakan bekalan bagi akhirat.

Pada pandangan Kerajaan, untuk sementara ini, dengan ada-nya Fakulti Pengajian Islam di-Universiti Kebangsaan, dan juga Jabatan Pengajian Islam di-Universiti Malaya itu ada-lah memadai dengan kehendak kita pada masa ini, kerana di-Fakulti Pengajian Islam itu mahasiswa² yang hendak mengambil kelulusan dalam lapangan Theology atau agama boleh mengambil kelulusan itu, dan dengan itu boleh menepati kehendak² kita untuk mengadakan pensharah², ketua² agama, guru² agama dan lain² lagi yang mempunyai pelajaran tinggi dalam lapangan agama.

Di-samping itu, kita mesti-lah mengutamakan juga pelajaran dalam lapangan yang lain—lapangan kemajuan dunia supaya orang² Islam dapat mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negara-nya sendiri. Sambil itu mereka mempunyai ilmu pengetahuan dalam lapangan agama untuk bekalan mereka di-akhirat dan, seperti yang di-terangkan tadi, kalau mereka hendak specialise dalam lapangan agama, mereka boleh-lah mengambil ijazah dalam lapangan agama.

Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan terpaksa menentukan priority atau keutamaan. Kita sekarang terpaksa melengkapkan Universiti Kebangsaan dengan mengadakan pensharah², guru², professor² yang cukup. Jadi, perkara ini pun belum kita sempurnakan dengan memuaskan hati. Kalau kita hendak adakan satu lagi Universiti yang mempunyai tujuan yang sama, tentu-lah perkara ini tidak dapat kita sempurnakan pada masa ini.

Akan tetapi, kalau tujuan-nya hendak mengadakan Universiti Islam itu sa-mata² untuk mengajar hal² agama, dan tidak hal ilmu pengetahuan yang lain, ini-lah masaalah

yang baru. Kerajaan berpendapat perkara yang penting sekarang ia-lah kita mesti melaksanakan kehendak² kebangsaan ra'ayat kita ia-itu memberi pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan dalam ilmu² yang di-kehendaki untuk mereka itu menjadi ra'ayat yang maju dan moden sambil menjunjung tinggi ilmu pengetahuan dalam lapangan ugama untuk membuat ibadat dan menjalankan kehendak² Tuhan. Universiti Kebangsaan ada-lah menepati kehendak ini dan tidak lama lagi saya harap Universiti Malaya, dengan menggunakan Bahasa Malaysia sa-penoh²-nya sa-bagai bahasa pengantar akan dapat juga menepati kehendak² ini.

Jadi, saya harap jangan-lah ra'ayat dikelirukan lagi tentang hal ini. Bila tiba masanya kita fikir perlu mengadakan satu Universiti khas untuk mempelajari hal² ugama, ini boleh-lah kita timbangkan, tetapi tidak ada satu negara Islam pun yang saya tahu mempunyai Universiti khas untuk memberi pelajaran dalam hal ugama sahaja, bahkan semua Universiti di-negara² Islam memberi pelajaran dalam berbagai chawangan ilmu termasuk-lah juga dalam lapangan ugama sa-bagai satu chawangan untuk di-pelajari oleh mahasiswa. Ini-lah chara yang kita jalankan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam menjalankan dasar Kerajaan, mustahak-lah kita mengetahui haluan yang kita hendak tuju dan jangan kita sa-mata² berchakap, main sentimen yang boleh mengelirukan ra'ayat dan memberi bayangan² sahaja kapada ra'ayat.

Kita berkehendakkan orang² Islam menjadi warganegara yang berguna, maju dan boleh berfikir serta boleh mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negara, sambil menjalankan hukum² Allah untuk bekalan akhirat. Ini-lah dasar Kerajaan Perikatan dan tujuan Kerajaan Perikatan. Kalau tujuan Parti PAS hendak memberi ilmu kapada ra'ayat sa-mata² untuk bekalan akhirat, itu saya kata ada-lah berlainan dan berbedza antara Kerajaan Perikatan dengan Kerajaan PAS dan ini bukan-lah menepati hasrat ra'ayat yang sa-benar-nya dan tidak menepati ajaran² Islam yang sa-benar.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menudoh bahawa "ra'ayat bukan Bumiputra di-bedzakan dalam peluang² pekerjaan dengan Kerajaan dan juga pehak swasta. Beliau

menchadangkan oleh kerana ra'ayat bukan Bumiputra terdiri dari 43.2% dari jumlah penduduk negara ini, peluang² pekerjaan dengan Kerajaan dan pehak swasta hendaklah sa-boleh²-nya mengikut peratus ra'ayat bukan Bumiputra itu.

Tudohan Ahli Yang Berhormat itu sangatlah berat Tuan Yang di-Pertua, dan tidak berasas. Tidak ada perbedzaan sama sa-kali dalam, mengambil pekerja² untuk perkhidmatan awam. Tiap² sa-orang ra'ayat Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan kechuali dalam beberapa perkhidmatan yang di-kenakan quota. Sa-benar-nya, kalau dilihat perangkaan untuk seluruh perkhidmatan awam, kita dapati bahawa kedudukan orang² Melayu ada-lah sa-balek-nya dari apa yang di-tuduhkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dalam pembahagian tenaga ra'ayat terlateh bagi perkhidmatan Bahagian Satu Kerajaan, jelas di-dapati keadaan tidak saimbang di-antara pegawai² keturunan Melayu dengan pegawai² bukan Melayu.

Pada tahun 1969, daripada 3,741 jawatan yang di-penohi, pegawai² Melayu memenohi 1,442 jawatan, ia-itu 38.53% sahaja manakala 2,801 jawatan atau 61.47% di-isi oleh pegawai² yang berketurunan bukan Melayu.

Keadaan tidak saimbang ini agak lebeh burok lagi bagi perkhidmatan² teknikal dan professional. Kedudukan pegawai² keturunan Melayu dalam perkhidmatan jenis ini sangat-lah menyedehkan seperti dalam perkhidmatan perubatan 6.4% sahaja, peragian 11.7%, ahli kimia ubat 16.9%, akauntan 11.8%, haiwan 28.1%, pertanian 32.8%, jurutera mekanik 16.3%, jurutera awam 9.4%, jurutera letrik 16.4%, kajibumi 4.8%, laut 10%, hasil dalam negeri 15.5% dan perangkaan 4.8%. Di-satengah² perkhidmatan pula, seperti kajichuacha, kimia mufis, amanah raya, penerbangan awam, tidak terdapat langsung pegawai² keturunan Melayu.

Di-mana quota tidak di-adakan, ada kalanya pegawai² Melayu tidak ada langsung dan di-mana quota² di-kenakan, bilangan pegawai² Melayu, bukan saja tidak menchukupi, tetapi lebeh rendah bilangan-nya jika di-bandingkan dengan pegawai² bukan Melayu.

Keadaan tidak saimbang juga di-dapati di-kalangan guru² berijazah kepujian dan am, yang boleh mengajar mata² pelajaran sains dan hisab di-sekolah² aliran Melayu dan aliran Inggeris.

Daripada 260 guru² berijazah kepujian yang boleh mengajar mata² pelajaran sains dan hisab, hanya 47 orang sahaja di-tempatkan di-sekolah² aliran Melayu sahaja manakala sa-ramai 213 lagi di-tempatkan di-sekolah² aliran Inggeris. Ini sa-chara langsung mengakibatkan perbedzaan tekanan mata pelajaran di-antara kedua² aliran itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-lapangan swasta, ternyata sa-kali kurang pekerja² Melayu yang mahir. Dasar Kerajaan mengenai pekerjaan ini ia-lah supaya mencherminakan keadaan penduduk² yang berbilang bangsa di-negara kita pada sa-tiap tingkatan kemahiran dan juga dalam semua sektor ekonomi negara.

Pada am-nya, dasar ini hendak-lah di-jalankan oleh sa-tengah² industri dalam mana Kerajaan memberikan bantuan atau pun yang terpaksa mendapat kebenaran daripada Kerajaan, umpama-nya menerusi galakan taraf perintis atau pun Employment Restrictions Acts dan Immigration Act. Dalam pada itu pun, banyak kelonggaran yang di-berikan dalam melaksanakan undang² tersebut.

Dalam industri taraf perintis, keadaan ta' saimbang pada tingkatan professional, managerial dan teknikal, maseh luas. Dalam lain² sektor ekonomi saperti pembenaan dan perlombongan, amalan yang berlaku sekarang ini saperti mana Ahli Yang Berhormat itu sendiri ma'alum, maseh berupa "closed-shops".

Sa-terus-nya dalam industri yang bukan bertaraf perintis, Kerajaan tidak-lah ada kuasa undang² untuk mengawal atau menguatkuasakan dasar pekerjaan Kerajaan kechuali dengan chara pujok atau pun desakan halus. Pada am-nya aliran semua sektor ekonomi menunjukkan bahawa semakin kechil sa-suatu perusahaan itu sa-makin nyata-lah hakikat personal ownership perusahaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat membuat tuduhan antara lain² bahawa peluang pekerjaan dalam Jawatan Kerajaan tidak di-ukor pada kechekapan sa-saorang tetapi menurut dasar

perkauman. Beliau juga menudoh kechekapan perkhidmatan awam merosot serta ada-nya perbuatan memeras kakitangan Kerajaan dan melakukan kenaikan pangkat menurut sentimen perkauman dan pandang bulu atau pun nepotism.

Saya ingin menegaskan dalam Dewan ini bahawa peluang pekerjaan ada-lah terbuka kepada semua ra'ayat Malaysia. Dalam perkhidmatan awam, pengambilan pegawai dan kakitangan ada-lah mengikut sharat² dan peratoran perkhidmatan serta di-kendalikan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang bebas yang tidak bertanggung-jawab kepada Kerajaan. Terdahulu dari itu saya telah menyebut orang² bukan Melayu/Bumiputra amat tinggi dalam urban sektor dan tidak saimbang dengan bilangan penduduk² urban Melayu. Lagi pula, saya ada bukti bahawa ramai belia² Melayu yang tamat latehan dari sekolah² vocational dan sebagai-nya tidak mendapat pekerjaan sa-bagaimana patut. Oleh itu, Kerajaan merasa perlu mengadakan langkah² khas menyelaraskan usaha² supaya menjaminkan belia² yang di-beri latehan itu mendapat pekerjaan di-bidang swasta.

Saya telah berkali² menegaskan bahawa kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam berdasarkan kelayakan dan kechekapan. Hanya apabila kedua² chalun di-dapati sama² layak dan chekap maka keputusan di-beri pada yang lebeh kanan.

Saya anggap tuduhan Ahli Yang Berhormat daripada Dato Keramat tentang ada-nya sentimen perkauman dan nepotism itu amat-lah keterlaluan dan tidak berasas sama sekali. Bahkan kata² saperti itu adalah bahaya dan saya suka mengingatkan Ahli itu supaya berhati² di-masa hadapan.

Tuan Yang di-pertua, mengenai tegoran beliau bahawa sidang Parlimen hanya berupa "window dressing" untuk Kerajaan Perikatan, saya suka menyatakan bahawa Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang suka benar berchakap saperti ini oleh kerana mereka tidak dapat memaksakan pendapat mereka kepada Dewan ini dan tidak mendapat sokongan dari ra'ayat. Bila mereka mendapat kuasa menerusi proses demokrasi, mereka sa-balek-nya merosakkan demokrasi kerana sa-benar-nya mereka hanya perchaya pada prinsip² demokrasi di-bibir mulut

sahaja, dan bila mereka berkuasa saya perchaya mereka itu akan hanchorkan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya tentang tindakan² yang di-ambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama dari kakitangan²-nya. Beliau menda'awa tidak ada jalan keluar untuk mencapai penyelesaian yang adil dan memuaskan serta menudoh yang Kerajaan tidak mahu merundingkan fantastic anomalies yang di-timbulkan oleh Surohanjaya Suffian.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan baru saja mengkaji sa-mula jentera perundingan untuk seluroh kakitangan perkhidmatan Kerajaan. Kita semua tahu bahawa Majlis Whitley di-masa lepas tidak berjalan dengan memuaskan bahkan pada hemat saya boleh mengancham industrial peace dalam negara kita. Masa itu tidak ada dasar yang tegas mengenai upah dan kerana itu-lah sa-tiap tuntutan yang di-kemukakan semata² untuk menaikkan gaji. Perundingan² berjalan berlarut²an dan oleh kerana pertimbangan mengenai tuntutan gaji untuk sa-suatu perkhidmatan di-buat sechara *ad hoc* maka ini menimbulkan anomalies dalam perkhidmatan lain yang berkaitan.

Pada lazim-nya, perwakilan staff side di-monopoli oleh Kesatuan yang besar² sahaja yang bergabung dengan CUEPACS.

Dari pengalaman masa lalu, hanya tuntutan Union besar² saja-lah yang sampai kapada Majlis Whitley Kebangsaan dan biasa-nya berjaya. Sedangkan tuntutan union yang kecil tidak berpeluang mendapatkan pertimbangan Whitley Council.

Oleh itu, sa-bagai langkah menyelesaikan kesulitan² ini, Kerajaan telah pun menchadangkan satu chara procedure yang adil dan saya fikir memuaskan semua pihak, yang membolehkan pertimbangan pada bila² masa mustahak untuk menyemak tingkatan gaji dan juga sharat² serta peratoran perkhidmatan dalam Kerajaan dan badan² ber-kunan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telah menchabar Kerajaan supaya membuat kenyataan tegas bagi membetulkan keadaan yang tidak sa-imbang di-mana orang² bukan Melayu juga merasa terbahagi berpelang² menurut jenis peker-

jaan ia-itu menjadi penjaja², pekedai², pedagang² kechil dan pengarah bank. Ahli Yang Berhormat itu meminta sa-kurang²-nya 30% dari pembangunan tanah di-beri kapada orang² bukan Melayu untuk menolak sangkaan bahawa orang China dan India hanya terdapat di-bandar dan ladang² getah saja.

Kerajaan telah menyatakan dengan jelas dalam Ranchangan Malaysia Kedua hasrat-nya hendak menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira bangsa dan menyusun sa-mula masharakat bagi mengatasi keadaan berpelang² menurut pekerjaan dan juga tempat tinggal masing². Bagi mencapai matlamat yang saya kata serampang dua mata ini, Kerajaan sudah pun mengator langkah² strateji menurut keutamaan yang di-tentukan.

Pada masa ini bandingan jumlah orang² Melayu dan Bumiputra dalam traditional rural sector amat tinggi ia-itu 74%. Di-sini terdapat-lah ra'ayat yang miskin dan dha'if dengan pendapatan yang amat rendah berbanding dengan pekerja² urban sector. Lebeh kurang 43% orang² bukan Melayu berada dalam urban sector berbanding dengan 16% orang Melayu, sedangkan pendapatan moden urban level pukul rata \$4,885 ia-itu 400 kali ganda pendapatan traditional rural sector.

Bukan-lah menjadi dasar Kerajaan menyusun sa-mula masharakat semata² menurut suka hati bahkan dengan tujuan dan matlamat yang tertentu.

Maka itu-lah apa yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya di-buat inter-sectoral change ada-lah satu langkah yang mundur yang di-fikirkan tidak mungkin diterima oleh ra'ayat yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana chadangan ini berma'ana akan menurunkan pendapatan orang² bukan Melayu. Sa-balek-nya, dasar Kerajaan ia-lah menempatkan sa-mula ra'ayat kedua² sektor ini supaya menjamin pembahagian pendapatan yang lebeh adil dan saksama.

Mengenai dasar pembukaan tanah, saya ingin menegaskan tidak ada perbedzaan menurut bangsa. Pelaksanaan dasar ini dapat di-buktikan dengan statistik yang jelas menunjukkan kedudukan hak milek yang tidak sa-imbang terutama mengenai perusahaan tanaman ladang saperti getah, kelapa sawit, kelapa dan juga teh. Sa-bagai chontoh, dari jumlah keluasan ladang getah (estate), tidak termasuk kebun² kechil (smallholdings) dan

ladang² milek asing (foreign-owned estates), orang² Melayu/Bumiputra memileki 14,081 ekar sahaja ia-itu (1%) berbanding dengan 726,770 ekar (48%) milek bukan Melayu. Bagaimana pun, untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, daripada jumlah lebih kurang 2.6 juta ekar kebun² kecil getah (smallholdings) di-negara ini, hanya 50% di-mileki oleh orang² Melayu dan Bumiputra, dan ini termasuk-lah kira² 148,000 ekar yang di-usahakan oleh LKTP.

Berpegang pada hakikat ini-lah Kerajaan memandangkan mustahak menjalankan ranchangan besar²an di-bawah FLDA, FELCRA dan sa-bagaimana yang saya terangkan tadi keadaan yang tidak sa-imbang itu dapat di-atasi dengan cara yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padawan membangkitkan masalah kekurangan pegawai² yang berpengalaman dan pembangunan yang tidak sa-imbang di-antara Negeri² di-Malaysia serta meminta Kerajaan Persekutuan membantu bagi membaiki keadaan tidak sa-imbang itu dengan mengadakan kemudahan² perhubungan serta punca² bekalan yang baik seperti yang dinikmati oleh ra'ayat di-Malaysia Barat.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok juga memberi pandangan seperti itu. Saya suka menjelaskan bahawa kekurangan pegawai² yang terlatih ada-lah masalah seluruh negara sedangkan penyediaan tenaga pelatoh biasa-nya memakan masa yang agak panjang. Di-Malaysia Barat sa-kali pun, Yunit² Peranchang dan juga Perbadanan² Kemajuan Negeri sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga pegawai² yang mahir.

Memandangkan kepada kekurangan tenaga pegawai² di-Malaysia Timor, maka Kerajaan baharu² ini telah pun melonggarkan syarat kelayakan masuk bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk calon² dari Malaysia Timor hingga bagi tempoh akhir tahun 1973.

Mengikut perlonggaran syarat kelayakan masuk ini, maka kelayakan masuk ka-PTD ada-lah di-longgarkan kepada kelulusan Ijazah 'Am dari Universiti Malaya atau lain² Universiti yang di-iktiraf, menjadikan salah satu kelayakan yang paling rendah untuk lantikan terus kepada perkhidmatan itu.

Kerajaan juga berharap bahawa Kerajaan² Negeri di-Malaysia Timor, memandangkan kepada kekurangan pegawai²-nya sendiri,

akan lebih bersedia menerima pegawai² dari Malaysia Barat berkhidmat di-sana bagi mengisi kekosongan² mereka buat sementara waktu dan juga membimbing atau melatuhkan pegawai² tempatan dalam menjalankan tugas² pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga tidak membezakan usaha memajukan ranchangan² kawasan mengikut fahaman politik. Banyak ranchangan² yang telah di-taja dengan tujuan membangunkan Malaysia Timor. FIDA telah pun menjalankan penyiasatan² yang khas untuk menyelideki "the potentials of economic development" bagi Negeri Sarawak. UNDP telah juga menjalankan siasatan di atas "forestry resources" di-Malaysia Timor. Migration Fund Board telah pun lama tertuboh dengan tujuan menghantar tenaga² pekerja ka-Malaysia Timor. "Infrastructure facilities" seperti memperbaiki lapangan² terbang dan pelabuhan² sedang giat di-laksanakan sekarang ini.

Pendek kata, pembahagian peruntukan wang sa-bagaimana yang di-peruntukkan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua, dan juga dengan penyertaan wakil² Kerajaan Negeri Malaysia Timor dalam Jawatankuasa Peranchang Pembangunan Negara merupakan bukti² yang nyata bahawa Kerajaan Pusat tidak berniat hendak membelakangkan kemajuan Malaysia Timor. Bahkan Kerajaan Pusat ada-lah mengutamakan kemajuan di-Malaysia Timor.

Saya rasa perlu menegaskan bahawa matlamat Kerajaan ia-lah hendak memajukan pembangunan kawasan² yang belum lagi dibuka supaya sejajar dengan aliran perkembangan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka berpaling kepada dasar luar negeri. Di-sini saya mohon izin untuk berchakap dalam Bahasa Inggeris kerana masalah ini penting bukan sahaja bagi penduduk² di-negara kita bahkan lebih penting lagi bagi dunia luar. Dengan sebab itu, saya suka perkara yang saya hendak terangkan ini dapat di-fahami oleh pemberita² luar negeri dengan jelas dan tidak-lah timbul silap faham atas perkara ini.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, from the questions and statements regarding the Straits of Malacca which have been made in this House, in particular by the Honourable Member for Bungsar and the Honourable

Member for Batu, it appears that certain Members of the Opposition regard our assertion of our sovereign rights in the Straits as provocative, making too much fuss and indulging in cold war issues.

It is said that everything has been fine and we are only making difficulties for ourselves. I must say that I am surprised at this attitude. The Honourable Member for Batu last Friday even asserted that it is internationally recognised that "one can claim three miles"—an assertion which I am afraid serves only to reveal his ignorance of the current state of international law and practice in this region. Indeed, I am surprised to hear this and other assertions from certain Members on the opposite Benches, which one would expect from representatives of the great maritime powers rather than those of developing countries which are asserting their sovereign rights over their territorial waters. Sir, I would ask Honourable Members of the Opposition to think of the interest of our country, of our sovereignty and our rights rather than to think of the interest of maritime powers or big powers (*Tepok*). Now, Sir, be that as it may, it is a fact that following from the Emergency (Territorial Waters) Ordinance 1969, Malaysia has extended her territorial waters to 12 miles.

Now, certain consequences have followed as a result of this, specifically in relation to the Straits of Malacca and certain Honourable Members on the opposite Bench seem to have got unnecessarily excited. As a result of our own law, the portion of the Straits of Malacca which falls within the 12 mile limit or the agreed median line with Indonesia (in parts of the Straits of Malacca which are less than 24 miles because Indonesia also has extended her territorial seas to 12 miles) is Malaysian territorial waters, over which we must maintain sovereignty and jurisdiction.

In this connection, I have stated repeatedly that while we cannot accept the internationalisation of the Straits of Malacca, because this is an infringement of our sovereignty, Malaysia recognises and guarantees that the Straits will be open to international shipping without discrimination in accordance with the principles of innocent passage.

We are in consultation with Indonesia, as the other littoral State on the Straits of Malacca, on this question with a view to reaching agreement on the question of safety

and control of the Straits. In particular, we are concerned about the passage of tankers of more than 200,000 tons as they constitute a danger, particularly through the more shallow parts of the Straits. The dangers of pollution of the waters of the Straits and of any collision are very serious problems for us as they affect the livelihood of large numbers of our people including the supply of fish which is an important element in the diet especially for those in the lower income group.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka beraleh pula kapada peperangan di-Vietnam. Perkara ini pun sangat merunsingkan kita dan saya suka-lah menegaskan kedudukan kita di-sini.

Sir, the war in Vietnam is probably the most bitter and harrowing in the whole history of human conflict and our heartfelt sympathies go to the people of Vietnam who have had to endure so much suffering for so long. The current situation in Vietnam with intensified fighting in the South and the US air and naval action in the North is extremely serious and one fraught with dangerous and incalculable consequences. We are deeply concerned with these developments but this is a war and, as such, in our view, it would be fruitless to condemn or to support any particular action which does not take into account the totality of the conflict and which does not assist in resolving the conflict but which can only prejudice any future role which we may be capable of playing.

Over the years, the Malaysian Government has expressed our belief that there can be no military solution to the conflict, and that there must be negotiations for a peaceful settlement with the objective of ensuring that the people of Vietnam will be free to decide their own future for themselves without any external interference and that they will be able to live at peace with their neighbours in Indo-China and with all other States.

In the current situation, when so much attention has been focussed on the American military action which was announced by President Nixon in his statement of 8th May, it is easy to lose sight of the proposals contained in the same statement regarding a ceasefire, the release of prisoners of war and the withdrawal of US troops from Vietnam. I am not suggesting that the solution in to the Vietnam conflict lies specifically in these proposals. I am aware, from the public

statements of the North Vietnamese authorities, of their difficulties with regard to these proposals. In any event, anyone who has followed the long history of the negotiations in Paris will be aware of the difficulties and objections which each proposal has raised, whether it is the earlier US 8-Point or Hanoi 7-Point or the PRG 9-Point. No one, therefore, can be sanguine about the prospects for any particular proposals. But, I believe that in the extremely dangerous situation which now exists, every ray of hope must be further explored and it is important therefore, that these suggestions for a negotiated settlement indicated in President Nixon's speech, and also the proposals which have been put at the Conference Table in Paris, should be explored further with all care and urgency.

The situation in Vietnam today, in which there is every possibility of a confrontation of the super-powers, underlines once more that our policy of neutralisation to ensure the sovereignty and territorial integrity of all States in the area, is both correct and timely. It is my earnest hope that, as the dust of conflict finally settles in Indo-China, there will emerge in Indo-China as in the rest of South East Asia an era of true peace and neutrality in which we may pursue our policies for the betterment and welfare of our peoples in fruitful co-operation with our neighbours and all other States.

In working for the realisation of our objectives, Malaysia will steadfastly follow a neutral foreign policy that looks to the future to which we aspire while at the same time safeguarding our security and integrity in the situation as it obtains today.

Sir, I turn next to our policy of neutralization, about which the Honourable Member for Bungsar spoke in a statement which was more remarkable for its length than for its clarity.

The Honourable Member and the Party he represents must in my view, really decide where they stand on this issue. In his statement, the Honourable Member asks rhetorically whether neutralization would ensure our security and he then answers himself with great flourish in the negative. But, lest this represents too definite a statement of policy, he immediately qualifies himself and goes on to show his confusion further by saying that

Malaysia can expound any policy we want but it is the superpowers who call, and will continue to call, the tune.

Now, Sir, we should perhaps conclude from this defeatist attitude that he advocates that we should not bother to do anything at all. Really, the Honourable Member and his Party must do a little better than this. It is no use playing safe by trying to be on both sides of the issue at the same time and expect to be respected in international affairs. It is no use repeating ideas which this Government has stated for a long time already as if he is advocating any new thoughts and then expect to be taken seriously.

I have always stated that our neutralization policy is only possible in the context of domestic viability and strength, of regional peace and regional co-operation, in which ASEAN has a pivotal role to play. The Honourable Member for Bungsar must not expect us to be too impressed by his repetition of these ideas which have long been expressed by the Government as if he was bringing to us some new and fresh thoughts.

Now, the policy of neutralization which we have advocated for some time has made definite progress in the last year. Malaysia has shown that we are serious about it and that it is a practical and workable policy. We have shown also that we have thought this policy through and we are aware of the pitfalls and dangers ahead and the threats which face many countries in this area, and that we have some clear ideas of the steps which need to be taken to bring about the realisation of a peaceful and neutral South East Asia that is no longer the battle ground for the conflicts of the super-powers. We have made progress as the Kuala Lumpur Declaration of last November and the reaction of other countries in South East Asia as well as those elsewhere have shown.

We are also encouraged by current developments affecting the relation between super-powers where their actions and statements of late would appear to argue very strongly for a convergence of their interests in South East Asia which would make it conducive for neutralization to come about. The statement by China and the United States contained in the Shanghai Communique renouncing ambitions of a hegemony and the creation of spheres of influence is particularly pertinent in this respect. I can therefore say, Sir, that

we are making a fair measure of progress towards the realization of our objective of the neutralization of South East Asia.

I am afraid, Sir, that foreign policy requires more patience, more care and more adroitness than the Honourable Member for Bungsar and his Party seem to realise. We have to proceed with a sharp awareness both of our long-term objectives and of the immediate threats and dangers. Our foreign policy therefore must be such as to bring about the realisation of our objective of a neutral South East Asia and, at the same time, protect our immediate interests and safeguard our integrity and our sovereignty. We must, therefore, make our foreign policy decisions—and foreign policy, I need hardly add, consists of decisions on individual issues as and when they come up, not of generalised statements which we have heard in this House—within the broad framework of our long-term objectives and of our immediate interests and concerns. We have to see to it that our decisions facilitate the realisation of our objectives or at least not hinder them and also that they do not endanger our immediate safety and security. Malaysia will, therefore, steadily and steadfastly pursue a policy which looks to the future and which is at the same time firmly rooted in the realities of the present.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan-nya ia-lah dasar luar negeri kita ia-lah dasar yang bebas dan berkechuali, akan tetapi dalam menjalankan dasar itu, bukan sahaja mustahak kita memandangkan kepada matlamat² dan tujuan² kita yang muktamad dan bukan sahaja untuk hendak menyempurnakan tujuan yang muktamad itu, bahkan mustahak juga kita memandangkan keadaan yang ada pada hari ini, pada kepentingan kita pada masa sekarang. Jadi hanya-lah dengan chara yang sa-macham ini kita dapat maju ka-hadapan dari sa-tapak ka-satapak. Dan bagitu juga dalam dasar luar negeri, kita terpaksa membuat keputusan dari satu masa ka-satu masa di-atas beberapa perkara, tetapi mesti-lah kita berjaga² membuat keputusan dengan chermat, supaya apa juga keputusan yang kita buat itu tidak-lah menghalang kita daripada menchapai chita² kita dan matlamat kita untuk menjadikan wilayah Asia Tenggara ini wilayah yang aman, tenteram dan berkechuali.

Jadi dengan sebab itu-lah dalam dasar luar negeri kita ta' boleh bergantung kepada perchakapan yang umum, kita mesti-lah tegas, kita mesti berani menentukan sikap kita menerangkan matlamat² kita yang sa-benar-nya dan menuju haluan kita kepada matlamat yang kita tentukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan² ini, saya harap Ahli² Yang Berhormat faham kedudukan Malaysia pada masa ini dalam lapangan international politics, ia-itu kita menjalankan dasar yang tegas, bebas dan berkechuali. Kita suka-lah bersahabat dengan semua negeri yang hendak bersahabat dengan kita dan bagitu juga kita akan berusaha dengan sa-penoh²-nya untuk menjaminkan keamanan Tenggara Asia ini dan untuk menjaga kepentingan kita bersama² dengan negara² jiran kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja-lah pandangan² dan jawapan saya kepada pandangan² yang di- datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam perbahathan Titah di-Raja ini dan saya suka mengambil peluang ini sebelum saya dudok, menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan di-atas dasar Kerajaan dan juga memberi pandangan yang sempurna daripada chara² Kerajaan melaksanakan dasar Kerajaan itu. Dan saya berharap dengan sokongan daripada Ahli² Dewan ini, kita akan dapat meneruskan melaksanakan dasar ekonomi baharu kita dan juga Ranchangan Malaysia Kedua dengan lebeh pesat lagi pada tahun ini dan pada tahun² yang akan datang sa-hingga tujuan kita yang muktamad itu akan dapat di-chapai dengan sempurna-nya. Sekian sahaja. terima kaseh. (*Tepok*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ada-lah masa untuk Menteri² menjawab, tetapi dengan kebenaran Menteri² juga, saya dapati ada lagi Ahli² Yang Berhormat yang lain yang hendak beruchap dan saya rasa, dalam masa satu jam atau pun kurang, boleh-lah di-benarkan kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain beruchap. Sa-lepas itu, Menteri² akan menjawab dan menggulung segala perbahathan atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is about time that we ought to take a second look at

Now, lately there was a professional football team, a very famous team from England, who came to Kuala Lumpur. Well, this team was not allowed to go into a certain country. If we had the same policy against hippies, that team would not have played here. Can we call those eleven professional footballers hippies, although they conform to every description of the hippies that I have given and do we want to prevent such a football team from coming into Kuala Lumpur and playing against our team? Assuming that there is a group of tourists coming with long hair, dressed like most professors dress, right out of the ordinary, and also giving an order which conforms to the order of hippies, are we going to prevent them from going to Penang? This is a problem that is facing my Ministry. We find it and in fact we have given instructions. It is easier to get rid of hippies rather than from preventing hippies from coming into the country. For example, if, as the Honourable Member opposite says that hippies are misbehaving themselves, we can ask them to leave the country, but the difficulty is, as the Honourable Members wanted us in the Ministry to do, to take preventive measures and this is where we have to go deeply into the matter, because we do not want, while trying to get rid of the hippies, at the same time destroy the tourist trade in this country and I am sure those who come from Penang would not like this to happen.

Then also there is a suggestion that the Parliamentary Committee which is going to be set up should have among its terms of reference also a term of reference to go into the question of publications. Now, Sir, much as I would like to comply with that suggestion, but I think it is a Herculean task to go and

completely prevent these publications on sex from coming into the country. Just to illustrate the problem which my Ministry has to contend with, I will quote you, taking the Chinese publications alone, in the course of the year 1971, the Department in my Ministry had to go through almost 16 million publications, and publications other than Chinese, 250,000 a year. We have a law to prevent all these undesirable publications of every nature from coming into the country, but for the law to be effective, it cannot be done by the Officers alone, but it must have the co-operation of the public. If, for example, members of the public draw the attention of the officers of my Ministry by saying that such and such a publication is pornographic, and if it has escaped the attention of my Ministry, we will take action against that publication. But to have a total prohibition in fact is not possible.

Now, on this question of sex films, it will be dealt with by the Committee, but I would like the Committee to see the problem in all its aspects, especially the economic side of it. At the moment we do not allow sex films as such to be shown, but if any film that has anything at all, even a simple implication of sex, in to be banned in this country, then we will throw off completely the film industry in this country, kill it entirely, and there will be unemployment with all its attendant problems. I hope the Committee will go thoroughly into it. I have instructed the officers of my Ministry to make the Committee members see at least two films a day, censored and uncensored, so that they will be familiar with the subject that they are investigating into.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat dan Larut Selatan dalam ucapan² mereka telah menyeru Kerajaan supaya mengulang-kaji kes² orang yang telah di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saperti yang saya telah tegaskan dalam ucapan² saya beberapa kali dalam Dewan ini tiap² kes itu ada-lah di-ulang kaji oleh sa-buah Lembaga Penasehat. Lembaga ini ada-lah ditubuhkan mengikut Perkara 15 (2) Perlembagaan Persekutuan dan ada-lah sa-buah badan yang bebas. Untuk ma'alumat Ahli² Yang Berhormat, Pengerusi Lembaga tersebut ia-lah sa-orang bekas hakim. Beliau dan dua orang lagi Ahli² Lembaga tersebut itu dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-

lepas berunding dengan Ketua Hakim Negara. Ulang-kaji ini di-laksanakan mengikut peruntukan di-bawah seksyen 13 Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sunggoh pun Lembaga ini Lembaga Penasehat, dalam masa 10 tahun saya memegang jawatan ini di-dalam Kementerian Dalam Negeri, tidak-lah sa-kali pun saya mengenepikan recommendation yang di-perbuat oleh Lembaga itu. Ini saya suka hendak memberitahu kepada Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah membuat tuduhan bahawa layanan yang di-berikan kepada banduan² buangan negeri penjara ada-lah kurang daripada yang di-berikan kepada banduan yang lain. Sabagaimana Tuan Yang di-Pertua ketahui, perkara ini pun menjadi soalan pada masa soal-jawab dan di-ulangkan lagi juga dalam masa perbahathan. Ini-lah yang melewatkan mengambil masa Dewan ini bersidang. Jika-lau Ahli Yang Berhormat dari pehak Pembangkang membuat kerja masing² dengan betul dan bekerjasama dengan tidak mengulangkan lagi perkara yang telah menjadi soalan di-bawa dalam perbahathan, pekerjaan Dewan ini akan lebih kemas dan lebih lincih lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan telah menyebutkan nama Tan Chin Yoon sebagai salah sa-orang warganegara Malaysia yang maseh di-tahan kerana bersubahat dengan pehak musuh sa-masa konfrantasi dahulu. Yang Pertama, saya hendak memberitahu bahawa mereka ini bukan-nya di-tahan, tetapi mereka ini telah di-kenakan hukuman penjara. Saya hendak memberi keterangan yang jelas bahawa mereka ini adalah sa-ramai 13 orang yang maseh lagi menjalani hukuman penjara sa-umur hidup setelah mereka di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu. Tiada sa-orang pun yang berthabit di-bawah seksyen itu telah di-jatuhkan hukuman bunuh. Jadi ini tidak-lah betul kalau dia tidak kena hukuman daripada Mahkamah, itu bukan lagi di-katakan mereka itu di-tahan, tetapi mereka itu adalah di-penjarakan.

Perkara yang di-bangkitkan-nya lagi ia-lah berkenaan dengan kewarganegaraan. Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat membangkitkan juga, berkenaan dengan penolakan permohonan untuk menjadi warganegara daripada mereka yang telah memenohi syarat² Perlembagaan. Ini pun telah menjadi soalan dalam masa kita bersoal-jawab, tetapi

di-bawa-nya juga lagi di-dalam masa dia berbath. Jadi itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita kaji betul² hujah² yang datang daripada Ahli Yang Berhormat yang duduk di-kerusi Pembangkang, kalau kita kaji dengan sa-dalam²-nya tidak banyak perkara yang mereka bawa, mereka chuma memainkan piring rekod yang bernyanyi itu pada tiap² kali. Jadi, itu-lah yang memakan masa Dewan ini dan tentu-lah ramai di-antara Ahli² Yang Berhormat bersungut kerana tidak ada masa hendak beruchap. Dengan itu, saya tidak-lah hendak memanjangkan masa, nanti pula saya di-katakan juga bermain rekod yang lama. Terima kaseh.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Uchapan Terima Kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Uchapan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-perhatikan dalam Titah Uchapan Seri Paduka Baginda, perpaduan negara ada-lah satu perkara utama Kerajaan Sri Paduka Baginda. Untuk menchapai tujuan ini Kerajaan telah pun melahirkan Rancangan Malaysia Kedua sa-bagai langkah pertama untuk menghapuskan jurang ekonomi yang miskin yang memisahkan antara orang² Melayu dan bumiputra² yang lain daripada mereka yang bukan Melayu. Kita telah pun membahathkan rancangan ini di-Dewan ini. Kita telah membahathkan-nya beberapa lama dan akhir-nya rancangan itu telah di-perse-tujukan. Dengan persetujuan itu, kita telah menggariskan bahawa tujuan kita sa-bagaimana yang telah di-sebutkan dalam ayat pendahuluan rancangan itu, ia-itu "Perpaduan negara ada-lah objektif yang penting sa-kali bagi negara ini".

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I believe the weeks of debate devoted to the Plan would have served to clarify the intentions of Government. It was emphasised again and again that the Plan was not for the Malays alone but for all Malaysians. All men of goodwill accepted it. Yet what do we hear now? A deliberate attempt on the part of the DAP to mislead the people into thinking that the whole Plan is based on the objective of getting Malays to play a larger role in the industrial and commercial life of Malaysia only.

Let me quote the Honourable Member for Bungsar. He said, "To help poor Malays, the Government announced that at least 30% of the commercial and industrial activities of the country would be in Malay hands in 20 years". These are his words. He said, and I quote again, "To help poor Malays" end of quote, the Government is going to ensure greater participation of Malays in the industrial and commercial activities. This I must say is very clever. The Honourable Member has transposed two ideas and thereby hopes to confuse the minds of the people.

May I ask the Honourable Member to read the Second Malaysia Plan again, carefully, and try to understand it properly. Paragraph 2 of the Plan states, and I quote:

"The Plan incorporates a two-pronged New Economic Policy for development. The first prong is to reduce and eventually eradicate poverty by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysians, irrespective of race. The second prong aims at accelerating the process of restructuring Malaysian society to correct economic imbalance, so as to reduce and eventually eliminate the identification of race with economic function. This process involves the modernisation of rural life, a rapid and balanced growth of urban activities and the creation of a Malay commercial and industrial community in all categories and at all levels of operation, so that Malays and other indigenous people will become full partners in all aspects of the economic life of the nation".

Mr Speaker, Sir, it is plain, from what I have just quoted, that the 30% in 20 years objective is related to the second prong of the New Economic Policy, whereas the problems of the poor come within the ambit of the first prong. Here the Government has repeatedly stated that the eradication of poverty, i.e. solving the problems of the poor, will cut across racial lines. Yet, the Honourable Member for Bungsar has cleverly put the two together in a skillful attempt to cast doubts on the intention and purpose of the Second Malaysia Plan, which this very House has overwhelmingly endorsed. I would say this to the Honourable Member: disagree as much as you wish but do not try to twist and turn the words of others and thereby confuse the minds of the people.

Now, let me turn to the other Member of that tribe, the Honourable Member for Bandar Melaka. He contended that the Rukunegara had ceased to evoke any meaning or higher feelings. The reason was, he said, that the Rukunegara was not the product of the deliberation "by all sections and groups of people". It is obvious from his speech that the D.A.P. rejects the Rukunegara. Yet, it has been accepted by all others. The Rukunegara, may I remind the Honourable Member, is the product of long and arduous debate and deliberation by the National Consultative Council, and the Council itself had persons of great learning and minds, representing the professions, labour, religions, women, and the academic community. This Council also had representatives from all the political parties with representation in Parliament except, of course, the D.A.P.

Where were the D.A.P. men when the country needed their counsel? They preferred to flee and hide from the task of restoring the country to normal. They preferred to withhold their co-operation when the country needed it. Now that the people have accepted the work of the N.C.C., they go around bellyaching. There is nothing that the D.A.P. can do now that will make the people drop the Rukunegara. In fact, unless a party is prepared to conduct its affairs in accordance with the objectives and principles of the Rukunegara, it will definitely and surely be rejected by the people.

Now both this Honourable Member and his colleague from Bungsar tried to sow seeds of discord within the Alliance Party.

They have tried to discredit the leaders of M.C.A. and M.I.C. by asserting that these parties are dictated to by their partner, the UMNO. What is the purpose of the assertion? Is it not to try and divide the Alliance or UMNO, M.C.A. and M.I.C.? It is a definite fact that the getting together of these three parties not only brought about the capacity to work together all the races in the country, but the unity that the Alliance through its partners brought about, permitted in the first instance, freedom to be achieved.

The important thing in the Alliance is that they have been able to achieve this very significant land-mark in our history. This is signified by the fact that the speeches of all

three parties have a common factor and that is to stress the importance of unity amongst all the races. On the other hand, is it not a fact that the speeches of the D.A.P. have communal over-tones and under-tones? The very fact that they try to speak of differences in power structure within the Alliance, is a significant pointer to the communal outlook of the D.A.P. The UMNO, M.C.A. and M.I.C. are here to bring about closer co-operation amongst the people and to get everyone to look at it in a national manner.

The Second Malaysia Plan spells this out clearly when it says that it is devoted to the eradication of poverty irrespective of all races and that National Unity shall be the over-riding factor in our methods. This is the performance of our thinking, but unfortunately the D.A.P. cannot but go on nibbling each and every partner within the Alliance. The objective is very clear. It is to sow the seeds of communal suspicion amongst the people.

It may be germane to quote further extracts from the S.M.P. and, with your permission, Sir, I quote—in his foreword, this is what our Prime Minister says:

"We are entering a new era of development, fully committed to meeting the challenges of our time and forging a strong, united Malaysian nation with continued progress and prosperity. A new approach to development which reflects these commitments, and the policies and programmes associated with it, are embodied in the Second Malaysia Plan.

The objectives, priorities and strategies of the Plan have all been shaped by the over-riding need to promote national unity."

In the Introduction to the Plan, it is stated:

"National unity is the over-riding objective of the country. A stage has been reached in the nation's economic and social development where greater emphasis must be placed on social integration and more equitable distribution of income and opportunities for national unity and progress. This direction towards national unity is fundamental to the New Economic Policy. The Second Malaysia Plan, based on this Policy is designed to facilitate the achievement of the national objective. It marks a new phase in the economic and

social development of Malaysia. It represents an important stage in the series of development plans designed to eradicate poverty among all Malaysians, irrespective of race, and to restructure Malaysian society in order to correct racial economic imbalance, in the context of an expanding economy, leading towards the creation of a dynamic and just society."

"The Plan incorporates a two-pronged New Economic Policy for development. The first prong is to reduce and eventually eradicate poverty, by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysians, irrespective of race." Here, again, we have the same emphasis. "The second prong aims at accelerating the process of restructuring Malaysian society to correct economic imbalance, so as to reduce and eventually eliminate the identification of race with economic function. This process involves the modernisation of rural life, a rapid and balanced growth of urban activities and the creation of a Malay commercial and industrial community in all categories and at all levels of operation, so that Malays and other indigenous people will become full partners in all aspects of the economic life of the nation." But is this exclusive of the other races?

"The New Economic Policy is based upon a rapidly expanding economic which offers increasing opportunities for all Malaysians as well as additional resources for development. Thus in the implementation of this Policy, the Government will ensure that no particular group will experience any loss or feel any sense of deprivation."

There is no question of robbing Peter to pay Paul. Again, the introduction says:

"Economic policies and development will be considered in their relationship to social development in general and the overriding need for national unity in particular."

"The two prongs of the New Economic Policy are not mutually exclusive. They are, in many respects, inter-dependent and mutually reinforcing."

"National unity cannot be fostered if vast sections of the population remain poor

and if sufficient productive employment opportunities are not created for the expanding labour force."

"While there must be no delusion that national unity can be achieved by purely economic means the eradication of poverty and the restructuring of the society and economy are necessary conditions for national unity. The Second Malaysia Plan, and Plans which succeed it, incorporate policies and programmes to deal with the two important objectives of the New Economic Policy."

"Since poverty can disrupt national unity, the eradication of poverty, irrespective of race, constitutes an important objective of the New Economic Policy."

"Poverty is associated with those who are unemployed, underemployed and those engaged in activities where productivity is so low that living standards are well below the national average. The eradication of poverty will remove a major barrier to the creation of a united and just society."

"The second prong of the New Economic Policy is aimed at restructuring the society so that the present identification of race with particular forms of economic activity will eventually be eliminated. The Plan outlines policies and programmes to modernise rural life, encourage a rapid and balanced growth of urban activities, provide improved education and training programmes at all levels, and above all, ensure the creation of a Malay commercial and industrial community in all categories and at all levels of operation, in order that within one generation Malays and other indigenous people can be full partners in the economic life of the nation. These policies and programmes will be implemented in such a manner that no one will be deprived of his rights, privileges, income or job opportunity."

And in the final paragraph this is what it says:

"The specific policies and programmes described in later Chapters are concerned primarily with development over the five years. However, what comes after 1975 is equally of great importance. Economic and social development is a continuing process and, to a very great extent, the fundamental objective of the New

Economic Policy is to create the institutions and processes by which Malaysia will have enduring national harmony and unity and by which all Malaysians will share in the progress and prosperity of the nation."

These are cogent and clear words in the S.M.P. There is no attempt at robbing Peter to pay Paul. It says clearly over and over again the multi-racial approach of the Alliance Government, but the D.A.P. refuses to see these facts.

The D.A.P. may have a few Malays and Indians in its ranks, but the activities, pronouncements and shoutings of the D.A.P. are not only racial but racist, appealing to racial sentiments of a particular group. This is how they got into Parliament by embarking on whispering campaigns, capitalising on the fears of the people. But the people have learnt their lessons. Next time they will know how to treat the D.A.P.

Mr Speaker Sir, we now have the Rukunegara and we have already launched the Second Malaysia Plan. We are on our way to establishing a united Malaysian nation, a democratic and just nation, liberal in its outlook and progressive in its approach. We will move towards this objective guided by the principles of the Rukunegara. Everybody is agreed on this, everybody that is except the D.A.P. If I may be allowed to quote a Russian proverb, "The dogs may bark but the caravan goes on."

Now let me say a few words about the work of the Ministry of which I am the head. As Honourable Members are aware, this Ministry was created in order to give greater emphasis to the objective of national unity. These are the words of no less a person than our Prime Minister. While the Ministry is new the work is not. Prior to this, there was the Department of National Unity and this Department was responsible for important policy formulations which are now part and parcel of the policies of the various Ministries.

In fact, this is how we work. We work with and through other Ministries and Departments. We see to it that the policies and programmes of these Ministries and Departments conform to the requirements of national unity. We collaborate with the EPU, Ministry of Education, for instance, and produce policies designed to achieve the objective of

national unity. We sit on Budget Appropriations Committees in order to ensure that the work of the various departments advances the interests of national unity.

You cannot judge the work of this Ministry as you would judge others. You can, for instance, measure the work of a building department by looking at the edifice it is constructing and after a relatively short period of time the edifice is completed. National unity on the other hand is a long process, and it covers all aspects of life. That is why the Ministry has to work with and through others. Thus national unity is not the responsibility of the Ministry alone but the responsibility of the entire Government. In fact, the task of establishing unity is not confined to the Government alone, but must be shouldered also by the people. Here, instead of sitting back and criticising as though that is their primary function, the D.A.P. would do well by joining in the noble efforts with which we are now engaged.

In the past few months I have been having dialogue with leaders of political parties, professional groups and academicians and the youth. We will continue to do this because by so doing we get a first hand knowledge of the problems that confront us. I call upon the top leadership of the D.A.P. to condescend to accept my invitation to talk and discuss with me the problems of national unity. My previous attempts have met with limited success because the top echelon of the D.A.P. have refused to see me. If you do not want to have tea with me you can still come and talk. Let us have a dialogue. I will not insist on your having tea.

Finally, Mr Speaker, I wish to refer to the suggestion by my friend, the Honourable Member for Segamat Utara, who suggested that the Ministry should study the problem of integration of East Malaysia with West Malaysia. I thank him for this suggestion. My Ministry is seriously considering various schemes which have an impact on the unity of the people in this region. Thank you, Sir.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun akan mengambil bahagian dalam perbahathan yang di-chadangkan dalam Titah Uchapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dan akan memberi jawapan kepada sa-tengah² Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan² di-bawah Kementerian saya.

Pertama sa-kali, saya mengambil peluang menguchapakan sa-tinggi² terima kaseh kepada pehak Yang Berhormat yang telah memberi pandangan² dan saya ada mengambil ingatan dan kita jalankan sa-berapa daya yang mana ada kewangan-nya dan ada rancangan² yang di-segerakan supaya dapat menghubungkan kepada seluroh ra'ayat, terutama sa-kali perhubungan² surat, perhubungan talipon dan lain² lagi kenderaan². Saya harap Yang Berhormat itu memberi sokongan yang penoh kepada pegawai² saya sama ada di-Malaysia Barat atau pun di-Malaysia Timor juga.

Yang pertama, saya suka memberi jawapan kepada ucapan Yang Berhormat dari Dato' Kramat. Yang sa-benar-nya dia telah pun menanyakan soalan² fasal naik pangkat dalam Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, yang selalu di-katakan ada pileh kaseh dan di-dalam ucapan-nya dia mengatakan orang yang sudah memangku jawatan, tetapi tidak di-sahkan mengikut daripada rekemendeshen Suffian yang telah berjalan kuat-kuasa-nya. Saya harap pada Yang Berhormat itu kira-nya ada perkara² yang chukop terang dan jelas, ada asas², tolong-lah Yang Berhormat itu jangan berchakap sa-chara umum, beliau boleh-lah menulis terus kepada saya, kerana kenaikan pangkat atau memangku pangkat² dalam Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini di-jalankan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi yang bebas. Dan sa-kira-nya ada alasan² yang menunjokkan ada pileh kaseh, tidak betul dan begitu bagini, kalau dihantar surat itu kepada saya, saya akan menyampaikan kepada pehak² yang berkenaan supaya di-siasat. Sa-kira-nya tidak betul tentu-lah kita akan betulkan, sa-bagai Kerajaan Perikatan, Kerajaan yang berdasarkan kepada keadilan. Walau pun ini satu Surohanjaya Perkhidmatan Bebas, tetapi tentu dia ada dasar²-nya yang tidak ada menjalankan pileh kaseh, sebab itu di-adakan Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi ini.

Maka begitu-lah hal-nya pehak² Pembangkang yang tidak bertanggung-jawab. Apabila dia bangun, dia buka mulut, dia berchakap sa-chara umum. Ini di-katakan cheap publicity. Saya minta kerjasama daripada pehak Pembangkang kerana mahu

mendapatkan menafa'at kepada mereka², yang mereka itu hendak membela-nya. Saya tidak hendak memanjang²kan lagi berkenaan dengan Perkhidmatan Keretapi ini.

Sekarang saya akan juga menjelaskan atas soal yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Tengah. Beliau telah membawa perkara supaya Kerajaan Persekutuan atau Pusat membena sa-buah pelabohan di-Kemaman atau di-lain² tempat di-Trengganu kerana ini di-fikirkan perlu bagi kemudahan pengangkutan hasil² perdagangan di-negeri Trengganu. Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah timbul, sebab rancangan membena sa-buah pelabohan atau pun jambatan yang hendak membawa minyak kelapa sawit ini daripada Kemaman, yang di-buat di-Tanjong Berhala dahulu, tetapi apabila pelabohan yang ada di-Kuantan telah pun di-majukan, dekat dengan Kemaman, ia-itu di-Tanjong Gelang, yang jauh-nya 15 batu ka-utara Kuantan dan jarak Tanjong Gelang dengan Tanjong Berhala di-Kemaman itu lebih kurang 20 batu. Apabila soal pelabohan ini terlampau rapat, boleh jadi kedua² pelabohan tidak akan mendapat barang² yang chukop. Dengan sebab itu pakar² telah menyiasat balek mengenai perkara ini, tetapi apabila saya memegang jawatan Menteri Perhubungan sekarang ini, saya hendakkan perhubungan yang baik antara penduduk² di-Trengganu kerana Negeri Trengganu berkehendakkan pelabohan-nya sendiri. Kalau tidak boleh di-Kemaman, di-mana² juga pun yang di-fikirkan patut. Sebab itu, saya telah berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Setia Usaha Kerajaan-nya dan Kerajaan Negeri Trengganu dan dengan serta-merta telah di-persetujukan sa-buah Jawatan-kuasa Penasehat Pelabohan yang istimewa di-Trengganu telah di-tubuhkan, yang mana Pesurohjaya Tanah dan juga Pegawai Kanan Pembangunan yang mahir berkenaan dengan pelabohan di-dalam tanggung-jawab-nya di-jadikan Timbalan Pengerusi-nya dan Ketua Setiausaha, Kementerian Perhubungan saya menjadi Pengerusi, supaya dapat mengadakan meshuarat dengan orang² yang berkenaan, yang faham berkenaan dengan kedudukan di-Trengganu ini, di-mana hendak di-bena pelabohan atau jambatan yang di-suka² oleh orang ramai supaya kita tidak membena sa-suatu benaan dengan memakan

belanja berjuta² ringgit, kemudian nanti di-tuduh kita tidak mendengar atau berunding dengan mereka lebih dahulu.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dan Ahli² Yang Berhormat dari Trengganu seluruh-nya, kira-nya mereka juga setuju, saya dengan sukachita-nya mempelawa mereka duduk di-dalam Jawatan-kuasa Penasehat Pelabohan supaya memuaskan dan di-adakan dengan statistics dan segala²-nya, kerana kalau kita berbelanja berjuta² ringgit, akhir-nya pelabohan pun tidak dapat cargo, tidak boleh hendak hidup. Ini akan membazirkan wang ra'ayat dengan percuma sahaja. Saya harap Ahli Yang Berhormat akan dapat memanjangkan ka-Kuala Berang, kawasan beliau, yang mana saya baharu pulang dari kawasan itu dan sudah pun diberi sa-buah Pejabat Pos yang beroda empat dan tidak lama lagi insha' Allah kita akan bangunkan sa-buah Pejabat Pos yang baharu. Kita tidak lupa tempat² yang di-luar bandar khas-nya di-Pantai Timor itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah membangkitkan perkara bumiputra hanya ada 3,000 lori, dan yang bukan bumiputra mempunyai 40,000 lori, tetapi kalau di-adakan peratus-nya terlampau kechil barangkali. Yang sa-benar-nya bumiputra—bilangan lori-nya, lori kechil² boleh jadi juga, tetapi bilangan-nya 16%. Sebab itu dasar Kerajaan yang baharu, Dasar Ekonomi Baharu-nya dari segi pengangkutan telah pun di-luluskan undang²-nya dalam Dewan Ra'ayat ini dan telah pun di-persetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, keutamaan ada-lah di-beri kepada bumiputra untuk memohon permit² pengangkutan berat, ia-itu lori² jenis A yang jauh², tetapi dengan chara bersharikat, beramai² supaya modal-nya besar supaya dapat bekerjasama. Kalau untong lebih, apabila di-bahagi, ramai yang akan merasa-nya, mengechap nikmat kemerdekaan, nikmat yang kita hendak menjayakan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dari segi ekonomi baharu-nya dalam bahagian pengangkutan. Bahkan Kementerian saya telah mengeluarkan 120 permit kepada MARA, yang MARA meminta di-lanjutkan ka-tiap² buah negeri supaya bumiputra akan menggerakkan langkah-nya di-dalam perkhidmatan lori sa-chara jauh. Begitu juga Bumirel yang hari ini di-jalankan oleh Perkhidmatan Keretapi dengan MARA akan di-serahkan kepada

MARA supaya bumiputra mendapat keuntungan lebih lagi. Itu pun telah ada 52 buah permit A di-seluruh Malaysia Barat ini.

Saya harap dapat di-organaiskan supaya dapat menguntungkan bumiputra. Dan sa-lain daripada itu, bagi pehak peladang² muda menerusi Kementerian Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan telah bersetuju, mana² peladang muda menerusi Kementerian ini, mana yang di-akukan, kita boleh benarkan lori² kerana mengangkut hasil-mahsul yang mereka telah dikeluarkan daripada kawasan² masing². Sa-lama ini daripada sa-belah Johor sudah ada memohon 10 buah permit—sudah pun di-bahagikan. Di-mana² kawasan yang memohon menerusi Kementerian Pertanian dan Perikanan akan di-bahagikan. Ini-lah Dasar Kerajaan Perikatan, Dasar Ekonomi Baharu dari segi pengangkutan chara yang berat, chara yang jauh, sa-chara hendak memajukan bumiputra. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ini, bahagian bumiputra di-Seberang Utara sana pun memang baik, teksis² atau sharikat²-nya dan ada juga chadangan hendak memohon lori² dan juga bas² express, tetapi saya tidak bersetuju sa-kira-nya ada sa-orang yang hendak meminta, begitu juga kaum ibu dan pemuda-nya. Ini tidak terator. Jadi, sharikat yang tertentu, yang saya hendak nasehatkan the Operational Manager, ini yang mustahak, Pengurus yang melaksanakan chara lori-nya, bas-nya, dan teksis, chara 20-30 buah. Ini hendak-lah di-jalankan dengan betul dan lichin. Kalau tidak, habis di-tengah jalan sahaja.

Saya uchapkan sebanyak terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberi kerjasama yang penoh. Di-sabelah utara, saya harap akan dapat bekerja lebih rapat dengan Kementerian saya dan pejabat² saya yang ada di-sabelah sana.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara, saya uchapkan sebanyak terima kaseh. Yang sa-benar-nya beliau bersama² saya pergi ka-Pejabat Pos Kluang. Sa-masa saya memegang jawatan Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, 14 tahun yang lampau pun saya sudah hendak buatkan Pejabat Pos yang baharu, tetapi tidak ada tapak. Sekarang tapak sudah dapat. Tidak berapa lama lagi kita akan mendirikan sa-buah Pejabat Pos yang baharu yang tersergam. Dan begitu juga berkenaan keretapi. Lalu lintas ini ada

jambatan keretapi di-tengah² jalan, di-tengah² bandar. Ini pun sedang di-uruskan dengan Majlis Bandaran Kluang dan kita harap akan di-perbaiki kerana ini berhabit dengan soal kewangan. Saya harap Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Pusat, akan bekerjasama kerana jalan itu ia-lah Jalan Federal, tentu-lah akan di-biaya² oleh Kerajaan Pusat dan saya bagi pehak Perkhidmatan Keretapi akan bekerjasama dengan sa-bberapa segera untuk mendapatkan viaduct atau pun jambatan yang sesuai supaya kereta di-bandar Kluang itu tidak tertahan sampai sa-tengah jam kadang² kalau dua atau tiga buah gerabak keretapi yang memuatkan cargo lalu-lalang di-situ.

Yang akhir sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Sabah yang telah membawa soal Pegawai² Talikom. Sunggoh pun dia memangku jawatan Controller dan yang lain² lagi, tetapi dia tidak dapat elaun, tidak dapat acting allowance dan tidak dapat gaji penuh.

Yang sa-benar-nya pegawai² itu telah pun menulis dan telah pun merayu kepada Pejabat Perjawatan Persekutuan (Federation Establishment Office) di-Kota Kinabalu dan telah pun di-jawab menerusi Pengarah Talikom yang ada di-Kota Kinabalu, Sabah. Mereka sunggoh pun memangku, mereka memang-lah qualified sa-bagai Telecom Engineer. Tetapi mengikut Perkhidmatan Civil Service tiap² sa-orang jurutera ini mesti-lah ada pengesahan (confirmation) sama ada dua tahun atau tiga tahun. Kalau belum di-sahkan, walau pun dia memangku, dia tidak dapat elaun memangku (acting allowance) dan yang lain². Walau macham mana pun, Kementerian saya yang saya sa-bagai Menteri Perhubungan-nya, saya akan siasat apa sebab benda ini kalau betul-lah chukop dua atau tiga tahun tidak di-sahkan (no confirmation) saya akan mengambil tindakan supaya mereka akan lebeh bekerja, lebeh kuat dan lebeh senang hati. Bagitu-lah hendak-nya pegawai² muda terutama sa-kali pegawai² teknikal sangat-lah di-kehendaki memberi seluroh tenaga kepada memajukan Ranchangan Malaysia Yang Kedua, terutama sa-kali di-Sabah dan di-Sarawak (Malaysia Timor) ini.

Dan saya menguchapkan berbanyak terima kasih kepada mereka² yang telah membawa chadangan² yang baik ini dan saya insha' Allah akan bekerjasama sa-penoh²-nya. Terima kasih.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyen-toh sa-chara ringkas mengenai dua tiga perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa perbahathan di-atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda kapada Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menyebut sambil lalu dalam ucapan-nya yang panjang, tentang masalaah setinggan² di-Kuala Lumpur, dan menyeru Kementerian saya supaya menjamin bahawa sa-barang pembersehan kawasan sesak (slum areas) dan setinggan² haram hendak-lah di-buat dengan chara yang saksama dan perikemanusiaan. Beliau menchadangkan ia-itu di-mana yang boleh setinggan² itu hendak-lah di-beri tanah supaya mereka dapat membuat rumah sendiri (a roof over their own head). Atau jika ini tidak mungkin mereka hendak-lah di-beri tempat di-perumahan murah yang sewa-nya itu di-mampui oleh mereka dan di-mana yang boleh apabila setinggan² itu di-kehendaki pindah, mereka hendak-lah di-beri masa yang chukop untuk bersiap menghadapi pemindahan itu.

Sa-bagai menjawab Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa pembersehan setinggan² ada-lah di-jalankan dengan chara yang habis saksama dan perikemanusiaan yang dapat. Saya kata bagini ia-lah kerana bilangan yang mesti di-hadapi sangat besar jumlah-nya. Kajian mengenai masalaah setinggan² menunjukkan ada-nya sa-banyak 26,000 keluarga tinggal di-pondok², atau rumah² haram di-tanah private, atau tanah Kerajaan. Sejak beberapa tahun yang lalu, pehak Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri Selangor telah mendirikan rumah² pangsa dengan banyak-nya dan maseh meneruskan usaha itu untuk menempatkan setinggan² yang terpaksa di-pindahkan kerana kawasan yang mereka diami itu di-kehendaki untuk ranchangan pembangunan. Di-sini saya suka ma'alomkan bilangan rumah² pangsa yang telah di-bangunkan oleh Dewan Bandaraya berjumlah 6,745 dan 4,677 akan di-bangunkan lagi di-dalam masa hadapan. Dalam melaksanakan pembersehan setinggan sa-tiap pertolongan ada-lah di-berikan. Mereka di-beri pertolongan memindahkan perkakas² dan barang² kepunyaan mereka, dengan di-sediakan pengangkutan (transport). Setinggan² yang pindah ka-rumah pangsa Bandaraya, tidak di-kenakan bayaran sewa

rumah² itu sa-lama 3 bulan dan sa-lepas itu sewa-nya di-kenakan sa-paroh sahaja untuk sa-lama 21 bulan. Sewa bagi rumah pangsa yang paling rendah (dua bilek) ia-lah \$36 sahaja sa-bulan. Sewa ini tidak dapat diturunkan lagi, kerana rumah² pangsa itu telah di-bena dengan wang pinjaman yang di-kenakan bayaran bunga (interest) dan pinjaman itu mesti di-selesaikan bayaran balek dalam tempoh yang tertentu. Oleh kerana itu, Dewan Bandaraya tidak dapatlah membantu (subsidi) dengan menurunkan sewa rumah² pangsa itu. Sa-benar-nya, Dewan Bandaraya telah berdaya melaksanakan ranchangan perumahan itu kerana adanya kerjasama dari Kerajaan Negeri Selangor yang telah menolong mendapatkan tanah tapak untuk ranchangan² itu. Mesti-lah di-sedari bahawa tanah sangat kekurangan di-dalam kawasan kota Kuala Lumpur, dan dengan kerana itu tidak-lah dapat di-penuhi kehendak² mereka yang mahukan rumah sa-buah² dengan tanah halaman di-sekeliling-nya untuk berchuchok tanam barang² makanan bagi menampung pendapatan mereka. Jika mereka berhajat demikian, mereka mesti-lah pindah jauh dari kota. Ini ia-lah suatu masalaah sosial yang mesti di-atasi dalam masa jangka panjang menerusi usaha ka-arrah perindustrian (industrialisation) yang akan memberi peluang bekerja yang lebih banyak dan meninggikan taraf hidup am-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, dalam ucapan-nya yang panjang, telah menyebut tentang Ibu Kota Kuala Lumpur dengan kata² yang merendahkan. Beliau mengaku sa-bagai sa-orang Malaysia yang setia, tetapi dari apa² yang dikatakan-nya tentang Ibu Kota, nampak-lah sa-banyak mana rasa "civic pride" yang ada pada-nya sa-bagai sa-orang warganegara yang mewakili sa-bahagian dari penduduk Kuala Lumpur di-Dewan ini.

Banyak orang² asing yang telah datang ka-negara ini bukan sahaja untuk melanchong, tetapi juga untuk tinggal di-negara ini, tidak bersetuju dengan pandangan beliau. Mereka itu berpendapat bahawa Kuala Lumpur ia-lah sa-buah kota yang indah dan selesa (pleasant) untuk tempat kediaman. Saperti kota² besar lain di-dunia ini, yang telah berkembang dengan chepat, kota Kuala Lumpur kita ada masalaah kesesakan lalu lintas, kekotoran (pollution) dan juga kawasan² sesak (slum areas). Kita tidak buta

mata kapada masalaah ini. Pembangunan kita yang chepat telah menimbulkan banyak masalaah. Jika Kuala Lumpur ini chuma sa-buah "sleepy hollow" sahaja masalaah² saperti ini tidak-lah timbul dan kerja ahli² perancang tentu-lah senang sahaja. Masalaah² ini sedang di-kaji dengan rapi dari segi jangka pendek dan jangka panjang. Pada masa ini, pakar perunding (Consultants) sedang mengkaji ranchangan memperbaiki keadaan Federal Highway, dan penyaloran lalu lintas di-dalam kawasan Kuala Lumpur. Suatu kajian meliputi Lembah Kelang (Klang Valley) keselurohan-nya, juga sedang di-jalankan oleh satu pasukan pakar². Semuanya ini akan mengambil masa untuk di-siap dan di-laksanakan.

Sa-bagai sa-orang akitek, Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu tahu bahawa perancangan bandar bukan sahaja suatu proses jangka panjang, tetapi juga bersambongan. Tentu-lah senang untuk memperelokkan sa-buah bandar tua saperti Kuala Lumpur ini jika bangunan² kedai yang lama itu semuanya boleh di-runtohan begitu sahaja dan di-ranchangkan sa-mula tapak yang kosong. Jika di-buat begitu tentu-lah akan timbul kachau bilau (riot) Bangunan² yang terlibat oleh ranchangan pembangunan mesti-lah kena sentoh. Pengambilan (acquisition) bangunan² saperti itu bukan sahaja mahal belanja-nya, tetapi juga suatu proses yang terok dan terpaksa mengambil masa yang bertahun. Yang menjadi masalaah ia-lah Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-orang muda yang marah² dan mahu chepat² saperti an angry young man in a hurry dan tidak berfikir betul² sa-belum membuka mulut-nya. Sekian.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab atau pun memberi penjelasan sedikit atas beberapa perkara mengenai Kementerian saya yang telah di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli² Yang Berhormat ketika membahaskan Uchapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan yang mulia ini.

Pertama sa-kali, berhubung dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim sukachita-lah saya menerangkan bahawa Kementerian saya adalah mengambil perhatian terhadap apa yang telah beliau kemukakan itu. Kementerian saya di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua

ini sedang dan akan melaksanakan beberapa projek jalanraya yang menelan belanja berjuta² ringgit.

Dalam melaksanakan projek² yang telah saya sebutkan di-atas tadi, pertimbangan sudah tentu di-buat untuk membena satu jalanraya yang tinggi mutu-nya sesuai dengan sistem pengangkutan yang moden. Jadi adalah wajar jambatan konkrit juga di-bena untuk menyesuaikan dengan taraf Lebohaya yang moden dan juga menggantikan jambatan² kayu yang telah tidak sesuai dengan chorak pengangkutan yang kita punyai dan kita hadapi pada masa akan datang. Tetapi oleh sebab banyak lagi projek² lain yang harus di-beri keutamaan, maka tidak-lah dapat Kementerian saya mengganti semua jambatan² kayu seperti mana yang di-chadangkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu dengan sertamerta. Saya suka-lah memberi jaminan bahawa Kementerian saya walau bagaimana pun akan menchuba menggantikan semua jambatan² kayu dengan sa-chara beransor² di-mana yang di-fikirkan menasabah.

Kapada ahli Yang Berhormat dari Ipoh, suka-lah saya menyatakan bahawa pada masa ini kerja² merekabentok (detailed engineering design) Jalan Rawang/Tanjong Malim sedang di-lakukan oleh sa-buah firma Jurutera Perunding. Ada-lah di-jangkakan tawaran akan di-buat pada bulan Disember, 1972 ini.

Mengenai Jalan Ipoh ka-Cameron Highlands pula, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa sa-buah firma Perunding dari Australia sedang menjalankan kajian² awal Jalan Gopeng/Cameron Highlands ini. Rekabentok jalan ini akan dimulakan dalam masa kira² empat bulan lagi.

Mengenai perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan, suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa sa-buah Jawatan-kuasa Ad-hoc telah pun di-bentok oleh Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1970 untuk mengkaji sebab² kenaikan harga pembenaan dalam Sektor Awam dan Swasta. Jawatan-kuasa telah mendapati di-antara sebab² kenaikan harga pembenaan ada-lah kerana bertambah-nya harga barang² pembenaan, harga tenaga buroh, pengangkutan dan alat² kelengkapan. Mengenai perbandingan antara perbelanjaan membena bangunan dalam Sektor Awam dan Swasta, Jawatan-kuasa Ad-hoc tersebut telah menyelidik data² yang telah di-sampaikan

oleh beberapa badan dari Sektor Awam dan Swasta. Data yang terdapat daripada tahun 1966 hingga tahun 1970 menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang besar mengenai harga pembenaan projek yang sama yang di-kerjakan bagi di-dalam Sektor Awam atau pun Sektor Swasta. Ada-lah menjadi kenyataan perbezaan harga "concrete, reinforcing steel bar dan brickwork" menunjukkan bahawa projek² yang di-kerjakan oleh J.K.R. ada-lah murah sedikit daripada yang di-kerjakan oleh Sektor Swasta.

Bangunan² awam boleh jadi berharga mahal sedikit dari yang di-bena oleh Sektor Swasta, tetapi ini ada-lah kerana perkara² yang berikut:

- (i) Syarat² Kontrekter yang ketat, misalnya jangka masa "defect liability" telah di-jadikan 12 bulan untuk konterek yang bernilai lebih dari \$1 juta. Dahulu-nya hanya 6 bulan.
- (ii) "Site supervision" dan kawalan taraf bangunan yang ketat. Oleh kerana faktor² ini Kontrekter terpaksa memberi peruntukan bagi pekerjaan dan juga kualiti bahan² pembenaan yang lebih baik.

Anggaran perbelanjaan pembenaan yang di-di-sediakan oleh JKR ada-lah selalu-nya realistik. Ada terdapat kejadian² bila mana tawaran² yang di-terima melebihi anggaran yang telah di-buat oleh Jabatan itu. Di-dalam hal ini tender² kadangkala di-panggil semula, sa-balek-nya jika di-dapati tender² itu terlalu rendah dari apa yang di-anggarkan oleh Jabatan itu, maka tender² akan di-kaji dan di-pereksa semula dan kontrekter di-beri peluang untuk mengkaji tender² mereka.

Kerajaan ada-lah sedar mengenai perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Dari sa-masa ka-samasa pehak Kerajaan menubuhkan Jawatan-kuasa² untuk mengkaji segala perkembangan yang berkaitan dengan perkara² yang telah di-sebutkan tadi dan sa-umpama-nya. Pehak Bahagian Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri ada-lah senantiasa mengawasi tentang organisasi Kementerian² dan Jabatan² Kerajaan yang lain termasuk-lah juga Jabatan Kerja Raya. Sa-lain daripada itu pehak Kementerian saya juga dari sa-masa ka-samasa meneliti dan mengambil tindakan untuk memperbaiki segala kelemahan yang terdapat yang mana boleh mengganggu kecekapan perjalanan Jabatan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa Kementerian saya mempunyai ranchangan² membena Bangunan² Pejabat² Kerajaan diseluruh Malaysia. Kerajaan ada-lah sedar tentang apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan sa-bagai contoh-nya Kerajaan telah pun menyediakan sa-buah kawasan di-Jalan Duta untuk membena Bangunan² Pejabat Kerajaan yang baharu. Demikian juga di-tiap² bandar besar di-negara kita ini di-mana yang di-fikirkan perlu. Saya berharap pada satu hari nanti Kerajaan tidak-lah payah lagi menyewa bangunan² swasta untuk di-gunakan sa-bagai pejabat².

Mengenai perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar, di-sini Kerajaan belum-lah menimbang untuk menjadikan wang chagaran pengguna² bekalan api letrik sa-bagai saham dalam lembaga. Satu perkara yang perlu di-terangkan di-sini ia-lah bahawa Lembaga Letrik Negara bukan-lah satu badan yang benar² bertaraf swasta seperti perusahaan² yang lain. Di-sini saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat itu yang mana dia mengatakan bahawa beliau susah nati bila pekerja² L.L.N. memotong bekalan api, bila bil² tidak di-bayar oleh pelanggan²-nya. Tetapi saya pula di-sini ingin memberitahu yang saya lebih susah hati jikalau L.L.N. di-tutup kerana banyak hutang daripada pengguna² yang tidak berbayar. Terima Kaseh.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Pemangku Menteri Kesihatan, saya ingin memberi sedikit jawapan atas perkara yang telah di-timbulkan berkenaan dengan Kementerian Kesihatan.

Berikutan dengan ucapan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim yang menyatakan doktor² dan jururawat² di-hospital² ta' suka di-satu² tempat terpencil, jika di-tinggalkan lama kerana tidak dapat melihat wayang gambar dan sa-bagai-nya dan pertukaran mereka itu menyebabkan perjalanan pentadbiran di-hospital² kadang² kurang baik, suka-lah saya memberitahu ia-itu ada-lah menjadi dasar Kementerian Kesihatan ini bahawa doktor² atau jururawat² yang di-tempatkan di-kawasan² yang terpencil atau di-luar bandar di-tukarkan ka-tempat² yang lain sa-lepas dua tahun perkhidmatan-nya di-tempat itu, apabila mereka itu memohon pertukaran.

Pertukaran doktor² atau jururawat² itu tidak akan merosakkan perjalanan pentadbiran hospital, kerana doktor² atau pun jururawat² tersebut yang menggantikan-nya itu ada-lah juga terdiri dari mereka² yang berkelayakan yang sama dan juga mahir dalam tugas²-nya itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baram telah menimbulkan perkara hospital di-Marudi yang kata-nya terlampau kecil, kerana hanya mempunyai 24 katil pada hal penduduk² di-kawasan itu berjumlah lebih kurang 40,000 orang dan sa-bagai-nya. Untuk menjawab soalan ini, saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu, pehak Kementerian Kesihatan telah pun mempunyai satu ranchangan untuk membuat atau pun memperbesarkan out-patient Department dan Pejabat Perubatan di-Marudi, dan bagitu juga pehak Kementerian Kesihatan akan membena Wad Bersalin 8 katil dalam tahun 1973; ketiga, akan membena wad am untuk 17 katil dan ma'amal. Ketiga² projek yang tersebut tadi itu anggaran belanja-nya ia-lah \$192,000. Dan kita juga akan membesarkan tempat simpanan mayat pada tahun 1973 berharga \$20,000.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta menimbulkan soal berkenaan dengan rumah² Kerajaan untuk kaki-tangan Hospital Bahagian, Ulu Kinta. Di-sini suka-lah saya mema'alomkan ia-itu pehak Kerajaan telah mengadakan hostel yang baharu bagi jururawat² di-situ. Untuk kaki-tangan² yang rendah pula seperti atendan dan sa-bagai-nya Kementerian Kesihatan, Sharikat Perumahan Kerajaan dan Kerajaan Negeri Perak telah mengadakan perbinchangan untuk menyerahkan sa-bahagian daripada tanah resev bagi Hospital di-bahagi kepada Sharikat Perumahan Kerajaan supaya rumah² dapat dibena untuk kaki-tangan² itu membeli-nya sa-chara pinjaman. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim membangkitkan perkara kekurangan pegawai² belia di-peringkat daerah, dalam mana kata

beliau sa-orang sahaja pegawai di-tugaskan menjaga dua atau pun tiga daerah yang luas atau pun yang besar.

Kementerian saya tidak menafikan adanya keadaan sa-macam ini, bukan sahaja di-peringkat kawasan Ahli Yang Berhormat, bahkan di-lain² tempat juga Kementerian sedar akan kekurangan ini dan sa-bagaimana yang di-serukan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa perlu di-adakan banyak perhubungan atau pun repot antara pehak Kerajaan mengenai pergerakan² belia serta ahli²-nya, perlu Kerajaan melalui Pegawai² Kebudayaan, Belia dan Sokan mengikuti ranchangan, kegiatan² belia terutama-nya di-bidang pembangunan, perniagaan, ranchangan², projek² umpamanya ranchangan tanah dan memberi segala bimbingan, panduan, pimpinan malahan bantuan yang berpatutan kepada mereka. Kementerian juga sedar bahawa ada bagi 15 orang pegawai sahaja yang menjaga 85 daerah di-Malaysia Barat dengan bilangan pergerakan belia sekarang ini berjumlah 2,660 dengan ahli-nya yang berjumlah sekarang ini 176,040 orang, berbanding dengan 110 buah kelab dan 96,000 ahli sahaja pada tahun 1967, ada-lah tidak dapat membolehkan Kementerian ini menjalankan tugas² tersebut dengan begitu penoh berkesan. Tetapi dalam pada itu, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan telah menambahkan bilangan pegawai bukan sahaja di-peringkat Kementerian, bahkan juga di-peringkat Negeri² dan baharu² ini 12 orang Penolong Pegawai Daerah telah di-persetujui di-lantek dan permohonan juga telah di-buat supaya di-adakan tambahan 23 orang Pegawai Daerah dan 14 penolong-nya, bagi tahun yang akan datang dan timbangan ada-lah sedang di-buat da-atas permohonan tambahan pegawai² di-peringkat daerah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara mengeshorkan supaya di-adakan di-negeri² di-mana pusat² latehan seperti yang di-adakan di-Dusun Tua. Ada negeri² seperti Pahang, Trengganu yang telah mengadakan pusat² latehan sendiri dan ada negeri yang telah merayu kerjasama daripada pehak Kerajaan Pusat supaya di-adakan pusat latehan seperti yang kita adakan di-Dusun Tua di-negeri² yang berkenaan. Kementerian saya telah membuat kajian terhadap perkara ini dan berpendapat bahawa ada faedah-nya bagi kita mengadakan pusat² latehan ini, sa-bagaimana yang di-adakan di-Dusun Tua di-peringkat Negeri sa-bagai tempat di-mana

belia² dapat di-beri latehan di-bidang latehan kemahiran, latehan jasmani dan rohani, maka perlu pula rasa saya, kajian di-buat untuk peluang² pekerjaan bagi pelateh² yang di-lateh di-pusat² tersebut sa-telah tamat latehan mereka di-pusat² yang telah di-dirikan. Ini supaya jangan berbangkit keadaan dalam mana sa-jumlah besar daripada belia² yang di-lateh tidak mempunyai peluang pekerjaan apabila telah tamat latehan mereka.

Kementerian saya berpendapat bahawa lebih baik di-adakan bengkel latehan kemahiran di-peringkat daerah² di-mana Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Pusat boleh menganjorkan bengkel² latehan yang kecil bagi belia² yang sesuai untuk latehan ini dengan keperluan kawasan di-situ, supaya boleh memperlakutkan belia² di-tempat itu dengan latehan² yang membolehkan mereka menjalankan pekerjaan persendirian di-bidang pertanian, perniagaan, jikalau ta' dapat mereka memperolehi pekerjaan dengan Kerajaan atau pun bidang swasta. Kementerian ada berhubung dengan sa-buah Kerajaan Negeri untuk memulakan satu pilot projek dan ini, jika berjaya, projek ini akan di-perluaskan ka-negeri² yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyeru supaya pertimbangan di-buat supaya peluang di-beri juga kepada belia-wanis mengikuti kursus lain seperti yang di-adakan di-Pusat Latehan Dusun Tua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar di-atas hasrat beliawanis² untuk mendapatkan latehan sa-bagaimana yang di-jalankan di-Dusun Tua, akan tetapi sebelum satu² ranchangan untuk beliawanis ini dapat di-jalankan, maka mustahak, rasa saya, kita mempertimbangkan. Dengan ada-nya timbal-balek di-atas usaha² yang di-jalankan oleh pehak Kementerian² yang lain seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain²-nya di-jalankan oleh badan² yang lain seperti MARA.

Ahli Yang Berhormat harus ma'alom bahawa sa-belum satu² latehan itu di-jalankan, maka Kementerian saya juga mengkaji dengan sa-dalam²-nya di-atas peluang² pekerjaan yang mungkin boleh di-berikan kepada beliawanis² ini, dan dengan yang demikian ranchangan melateh beliawanis seperti yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum dapat di-jalankan pada masa ini. Walau bagaimana pun, Kementerian ini ada menjalankan satu latehan

perchubaaan di-Pusat Latehan Belia Negara, Pertak bagi beliawanis² yang di-chalunkan oleh pehak² majikan. Kursus ini ia-lah sa-takat kursus jahit-menjahit sahaja dan belum dapat di-perkembangkan ka-jurusan² yang lain. Sekian-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya di-hadapan saya itu kosong daripada pehak parti² Pembangkang. Ini memang-lah chara ahli² parti Pembangkang sa-lepas melontarkan dadu²-nya ka-sabelah sini, maka mereka itu tidak hendak mendengar jawapan² yang akan di-datangkan bagi menjawab tudohan² mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah menyatakan ramai penuntut² tidak lulus peperiksaan MCE di-sebabkan kegagalan dalam bahasa Malaysia. Kata-nya mereka ini ada-lah menjadi mangsa dasar pelajaran yang tidak di-ranchangkan dengan betul menggunakan perkataan Inggeris ill-considered education policy. Ini ia-lah lagu² yang selalu di-mainkan oleh Parti DAP itu menggunakan bahasa Malaysia dengan jalan perbahathan² ini membangkitkan perasaan tidak puas hati-nya terhadap dasar bahasa itu. Walau bagaimana pun, sudah di-terangkan Kerajaan bahawa dasar bahasa itu ia-lah sudah tamat dan kita tidak hendak memba-hatkan lagi. Ini masaalah yang di-katakan mangsa dasar pelajaran ini ia-lah bukan-lah satu dasar yang baharu di-jalankan, bahkan telah di-susun beberapa tahun dahulu seluroh berkenaan dengan peperiksaan bahasa Malaysia ia-lah dalam tahun 1962 di-mana kita mulakan kelulusan dalam bahasa Malaysia di-wajibkan di-peringkat LCE 8 tahun dan 9 tahun dahulu. Ini bukan-lah ill-considered policy sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu mengata-kan penuntut² bumiputra yang tidak mempunyai kelulusan chukop untuk mengikuti kursus Tingkatan VI dan juga di-Fakulti Sains di-Universiti telah di-beri tempat dan ini saya berasa amat dukachita di-atas chakapan yang sa-umpama ini, ia-itu berma'ana bagi pehak Kementerian Pelajaran atau pun bagi pehak universiti menerima penuntut² Melayu dengan tidak chukop ke-layakan oleh kerana penuntut² ini daripada bangsa Melayu. Ini-lah perchakapan yang amat menyedehkan kita dan boleh di-tanya

ta'ada penuntut² Melayu di-masokkan di-dalam universiti atau Tingkatan VI, jika mereka ta'ada kelulusan dan kelayakan masok ka-Fakulti Sains atau pun ka-Tingkatan VI. Ini satu perkataan atau tudohan² yang akan menyentoh perasaan dan hati, terutama sa-kali penuntut² Melayu kita yang 'am-nya kapada orang Melayu.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut-kan ia-itu penuntut² bukan bumiputra pula telah dapat masok ka-universiti melalui pintu² belakang, ia-itu dengan menggunakan Fasal 47. Penuntut² ini kata-nya terdiri dari-pada mereka yang bukan baik dan mereka² ini penuntut² bukan bumiputra dapat masok belajar di-universiti², melalui sistem patron-age dan ini saya suka juga memberitahu kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa penuntut² yang dapat masok yang di-beri tempat di-universiti melalui Fasal 47 ia-lah kebanyakan penuntut² yang mendapat bantuan pinjaman atau pun biasiswa² (scholarship) daripada pehak² Kerajaan dan bagaimana dasar kita dan kita masokkan di-dalam Undang² Universiti dan juga di-Per-lembagaan Universiti Malaya dan juga universiti² yang lain, ia-itu universiti² ini sa-bagaimana yang kita semua ketahu² dan saya bachakan syarat-nya ia-itu:

"A student shall not be admitted to a University to a course of study for a degree unless he shall have satisfied such require-ments as may be prescribed by the Act: Provided that, except with the consent or with the agreement of the Minister, the students who have been awarded Federal or State Scholarships, loans or other similar financial assistance from public funds for university degree courses shall not be refused permission if they satisfied such requirements."

Fasal 74 ini di-dalam Undang² Universiti² ia-lah dengan tujuan memberi keutamaan kapada penuntut² yang di-beri scholarship, sama ada penuntut² ini daripada bumiputra atau pun daripada bukan bumiputra. Ahli Yang Berhormat ini membangkitkan pula, ia-itu bagi pehak Kementerian atau pun Kerajaan memberi memileh kaseh berkenaan dengan bukan bumiputra, ia-itu memberi scholarship² atau pun tempat² di-universiti ini dengan melalui sistem patronage. Saya tidak faham tudohan² yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Ulu telah mengatakan bahawa bahasa Malaysia sa-bagai alat perpaduan tidak disebutkan dengan jelas-nya dalam Titah Uchapan di-Raja dan Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca dengan teliti-nya Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan bahasa Malaysia dengan mendatangkan sa-bagai alat perpaduan. Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia itu, ia-itu di-sini Duli Yang Maha Mulia berkata:

“Untuk mencapai perpaduan ra'ayat, Kerajaan Beta berusaha menumpukan perhatian bukan sahaja dari segi ekonomi bahkan juga dari segi² sosial dan kebudayaan. Dalam usaha-nya untuk mencapai matlamat² ini, Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk meninggikan perkembangan dan kemajuan bahasa Malaysia, di-samping memupok dan memajukan hasil² sastera, kesenian, sokan dan kegiatan² belia”

Ini Ahli Yang Berhormat membangkitkan ia-itu Duli Yang Maha Mulia itu tidak menyebutkan berkenaan dengan bahasa Malaysia sa-bagai alat perpaduan.

Ahli Yang Berhormat itu ada juga membangkitkan berkenaan dengan akhlak dan memberikan hujah²-nya dengan tujuan membangkitkan masaalah Universiti Islam. Berkenaan dengan Universiti Islam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab-nya dan berkenaan dengan akhlak, selalu pehak Kementerian Pelajaran telah di-datangkan tuduhan², khusus-nya daripada parti Pembangkang, terutama-nya daripada Parti PAS bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengambil berat berkenaan dengan pelajaran agama. Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, unsor² pendidekan akhlak terdapat di-dalam mata² pelajaran tata-ra'ayat di-sekolah² kita. Sukatan pelajaran baharu tata-ra'ayat telah di-sediakan bagi Darjah IV hingga Tingkatan V dan begitu juga konsep berkenaan dengan tata-ra'ayat telah juga di-masokkan dalam sukatan pelajaran pengajian tempatan bagi Darjah I hingga Darjah III. Pengajian tempatan dan tata-ra'ayat ada-lah menjadi mata pelajaran yang wajib bagi semua murid dari Darjah I hingga Tingkatan V. Saya juga ingin menye-

butkan bahawa konsep Rukunegara ada-lah juga di-masokkan di-dalam sukatan pelajaran itu.

Berkenaan dengan masaalah akhlak ini, beliau menudoh Kementerian Pelajaran tidak memberi pelajaran² ini di-sekolah² kerana melalui agama. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu ketahui di-sekolah² kita di-wajibkan bagi murid² yang beragama Islam mempelajari agama, ini tidak payah saya memanjangkan penerangan saya bagaimana yang saya berjanji. Kementerian Pelajaran akan mengeluarkan risalah² menerangkan satu persatu-nya pelaksanaan pengajian agama di-sekolah² kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor mengatakan sistem pelajaran tidak sesuai, peranchangan² pelajaran telah melupakan Fasal 152 pada Perlembagaan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca dengan teliti dan dengan halus Fasal 152 dan kandungan² di-dalam Akta Pelajaran berkenaan dengan masaalah bahasa bangsa² lain. Fasal 152 telah menerangkan sendiri ia-itu berkenaan dengan pengajian pelajaran bahasa² lain ada-lah di-jaminkan di-dalam Perlembagaan kita dan saya suka memberi perhatian kepada Ahli Yang Berhormat itu di-dalam Akta Pelajaran kita ada terchetak di-situ, jika ada 15 orang atau lebih murid² yang hendak belajar bahasa China, bahasa Tamil, boleh di-adakan kelas² itu. Saya tidak faham tuduhan itu yang mengatakan peranchangan pelajaran telah melupakan Fasal 152 kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja perkara² yang saya fikir mustahak yang diberi jawapan yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat apabila membahathkan Titah Uchapan di-Raja. Terima kaseh.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pehak kedua² Kementerian sa-kali ya'ani Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara telah menyuarakan harapan-nya supaya Perbendaharaan lebih librel di-dalam membenarkan perbelanjaan² bagi pelajaran tinggi. Kerajaan terutama sa-kali Perbendaharaan menyedari

tentang mustahak-nya pelajaran tinggi. Sabenar-nya Perbendaharaan telah membenarkan pertambahan yang tidak kurang daripada 33% di-dalam peruntukan terhadap pelajaran tinggi bagi tahun 1972 berbanding dengan 1971, tambahan pula lebih 22% daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan Pusat telah di-khaskan untuk pelajaran. Ingin saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada dua ucapan yang baharu² ini yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri pada 6hb Mei dan satu lagi oleh Pro-Chancellor Universiti Malaya pada 12hb Mei. Kenyataan mereka memberikan begitu jelas tentang angka² dalam bidang pelajaran Malaysia sungguh menggalakkan terutama sa-kali kepada jumlah yang di-utamakan bagi pelajaran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah² Ahli Yang Berhormat menyebut lagi perkara Chukai Jualan. Saya tidak mahu mengambil masa Dewan ini dengan mengulangi jawapan Menteri Kewangan di-masa menggulung ucapan belanjawan 1972 dahulu, lagi pun Menteri Kewangan telah memberi jawapan yang panjang kepada soalan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat di-mana beliau telah menyebut bahawa ia-itu lebih kurang 300 kategori atau jenis barang² termasuk barang² makanan yang mustahak dan barang² yang utama yang di-gunakan oleh orang ramai dalam gulungan yang paling rendah telah di-kechualikan daripada Chukai Jualan. Satu senarai barang² yang di-kechualikan itu telah pun di-sebarkan melalui Jabatan Penerangan.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat dari Baram, saya suka menarek perhatian Dewan ini bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan pengechualian Chukai Jualan atas enjin sangkut ya'ani out-boat motors untuk nelayan² 3 bulan dahulu. Risalah² berkenaan dengan Chukai Jualan dan senarai barang² yang di-kechualikan boleh di-dapati oleh orang ramai daripada Pejabat² Penerangan di-seluruh Malaysia. Perkara Chukai Jualan telah berulang² kali di-terangkan bagi pehak Kerajaan. Jika Ahli² Yang Berhormat ada mempunyai bukti² di-dalam mengenai kenaikan harga barang² yang tidak termasuk dalam Chukai Jualan, perkara itu boleh di-siasat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tentang kedudukan harga barang² keperluan. Kenaikan harga² atas barang² keperluan

terutama sa-kali, kalau berlaku, ada-lah bukan kerana Chukai Jualan. Sebab Chukai Jualan tidak pun di-kenakan atas-nya. Saperti yang telah saya sebutkan tadi kalau berlaku juga kenaikan, maka itu di-sebabkan oleh faktor² di-luar kekuasaan Kerajaan, atau faktor² luar negeri. Saperti harga barang² mentah yang menjadi bahan² penting dan besar untuk di-proses oleh kilang² dalam negeri. Chara mengelakkan daripada bergantung kepada bekalan bahan mentah daripada luar negeri, dan dengan demikian mengelakkan daripada bergantung kepada belas ikhsan kenaikan harga barang² mentah daripada luar negeri ia-lah dengan mengeluarkan bahan² mentah itu sendiri. Mithal-nya dalam hal gula. Dengan berjalan-nya ranchangan ladang² gula di-dalam negeri kita, maka ada-lah di-harapkan di-dalam masa tidak berapa tahun lagi negara kita akan dapat bekalan gula yang chukop daripada dalam negeri sendiri, dengan demikian kita tidak-lah bergantung kepada belas ikhsan pasaran gula mentah antarabangsa atau di-luar negeri saperti yang berlaku sekarang. Walau pun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kilang² dalam negeri kita yang mendapat galakan atau perlindungan Kerajaan ada-lah tidak boleh menaikkan harga barang²-nya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan. Kerajaan hanya membenarkan kenaikan harga jika di-dapati ada sebab² yang menasabah dan patut. Patut-lah saya tegaskan lagi di-sini bahawa kebanyakan negeri² di-dunia sekarang ini sedang mengalami inflation yang sama ada sa-chara langsung atau tidak langsung, dan sama ada sa-chara banyak atau pun sedikit ada-lah berkesan kepada negeri kita ini dan juga kepada harga sa-tengah² barang yang di-proses dan di-kilang di-dalam negeri kita ini.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah berchakap tentang "kawalan harga oleh Kerajaan" (price control) yang saya khuatir, jika tidak di-perkatakan dengan hati², boleh mengelirukan orang ramai. Saya ingin menjelaskan ia-itu Kerajaan, dari segi istilah undang² yang ada, tidak-lah mengawal ya'ani mengkontrol harga bagi barang² keperluan hari². Saperti yang telah saya jelaskan di-dalam Dewan ini berkali², Kerajaan chuma dapat menjalankan pengawasan (supervision) ka-atas harga barang² pengguna (consumer's goods) terutama sekali barang² keperluan hari². Shor, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu supaya

Kerajaan memonopoli pembekalan barang² keperluan seperti gula pasir dan susu untuk menjamin harga barang² tersebut tidak akan naik, saya khuatir, jika di-laksanakan akan membawa akibat yang tidak di-ingini sahaja. Ada-lah tidak bijak untuk mengenakan kawalan (control) ka-atas harga barang² keperluan kerana langkah sa-umpama ini mungkin sa-kali akan menggalakkan timbulnya institusi pasaran gelap (black market) di-dalam perniagaan barang² tersebut. Kalau ini berlaku, maka ia akan lebih menyusahkan orang ramai jua.

Mengenai desakan Ahli Yang Berhormat dari Batu supaya Kerajaan segera menubuhkan Surohanjaya Harga (Price Commission) bagi mengawasi dengan lebih "effective" atau berkesan lagi harga barang² keperluan hari², saya sukachita menjelaskan ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebenar-nya sedang dalam proses mengulang kaji keperluan untuk menubuhkan Surohanjaya sa-umpama ini yang kelak mempunyai "terms of reference" dan tugas² yang lebih luas atau "comprehensive" berbanding dengan Jawatan-kuasa Penasehat mengenai Harga Barang² Keperluan yang ada sekarang yang telah di-tubuhkan di-bawah Sekshen 3 (iv), Ordinan Kawalan Harga, 1946. Bagaimana pun Kementerian berpendapat ia-itu chara yang paling berkesan sa-kali untuk mengawal harga ia-lah dengan mengadakan pertandingan (competition) yang chukup di-dalam perniagaan barang² tersebut.

Langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi mengawasi harga barang² keperluan telah pun di-bentangkan dengan panjang lebar ketika menjawab Soalan² Mulut Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Dungun pada 12hb Mei, 1972 dahulu.

Bagaimana pun untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan juga Ahli² Yang Berhormat dari Batu dan Seremban Timor biar-lah sa-kali lagi saya terangkan dengan ringkas-nya ia-itu sunggoh pun Kerajaan tidak berniat untuk memonopoli pembekalan barang² keperluan seperti gula pasir di-negeri ini, tetapi Kerajaan pada bila² masa boleh mengawasi sebarang kenaikan ka-atas harga barang² ini melalui langkah² pentadbiran (administrative measures). Pembuat barang² keperluan seperti gula pasir dan susu ada-lah di-kehen-

daki mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu sa-belum harga bagi barang² tersebut boleh di-naikkan.

Berkenaan dengan shor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor agar Kerajaan mengkaji kedudukan "stock" gula pasir di-negeri ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada-lah mengawasi bukan sahaja kedudukan stock bagi gula pasir tetapi juga champor tangan dalam mendapatkan bekalan bagi barang² tersebut apabila di-dapati simpanan gula bagi kegunaan negeri ini berkurangan. Pengilang² gula ada-lah di-kehendaki menyampaikan laporan minggu-minggu mengenai kedudukan stock gula mereka kepada Kementerian untuk membolehkan Kementerian mengkaji kedudukan simpanan barang tersebut bagi pasaran dalam negeri ini.

Mengenai chadangan Ahli Yang Berhormat dari Saratok, supaya Kerajaan mengambil langkah yang tertentu untuk menyamakan harga barang² keperluan seperti gula pasir di-antara Malaysia Timor dan Barat, saya ingin menjelaskan ia-itu kadang² perbezaan harga bagi barang² yang sama di-kedua² kawasan tersebut ada-lah tidak dapat di-elakkan. Ini ada-lah kerana faktor² tertentu seperti belanja² penyimpanan, pengangkutan, pembahagian, kemudahan kredit dan keadaan pasaran tempatan. Tetapi di-mana² yang boleh pengeluaran, pemborong dan peniaga² runchit ada-lah di-kehendaki mengenakan harga yang sa-kata bagi barang² yang sama sa-belum Kerajaan meluluskan pemberian lindongan tarif kepada pemasaran barang² tersebut. Jika ini tidak dapat di-lakukan atas sebab² tertentu seperti kedudukan yang berjauhan antara pengeluaran dan pemborong dengan peniaga² runchit, Kerajaan akan menggesa pengusaha² tersebut supaya tidak mengenakan harga bagi barang² mereka terlebih tinggi daripada harga bagi barang² yang serupa yang boleh di-impot dari luar.

Berkenaan dengan chadangan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tentang sumbangan yang telah di-berikan oleh orang² persaorangan atau pun badan² perniagaan bukan Melayu dalam menyahut seruan Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan orang² Melayu di-bidang perdagangan dan perindustrian, saya suka-lah menarek perhatian Ahli Yang

Berhormat itu kepada jawapan soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baram pada 10hb Mei, 1972 dahulu di-mana saya telah di-tegaskan ia-itu badan² perniagaan bukan bumiputra telah pun menyatakan kesanggupan ahli² mereka untuk bekerjasama bagi mencapai hasrat Kerajaan dalam menggalakkan penyertaan orang² Melayu dalam lapangan tersebut. Saya suka meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu ia-itu semangat kerjasama seperti ini akan terus di-pupok dan badan² perniagaan bukan bumiputra akan terus di-galakkan untuk membuka pintu mereka kepada orang² persaorangan atau pun sharikat² bumiputra sama ada sa-bagai rakan perniagaan yang aktif mahu pun sa-bagai pembahagi². Kapada pedagang² dan pengusaha² bukan bumiputra, saya suka menegaskan lagi bahawa oleh kerana Kerajaan memberikan berbagai² chara dan jenis² galakan dan perlindungan, maka sudah memang patut, bahkan mesti-lah bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan dasar Kerajaan. Erti-nya dalam hal ini pedagang² dan pengusaha² bukan bumiputra ada-lah patut sangat, bahkan mesti turut bersama² tolong menambahkan penyertaan orang² Melayu dan lain² bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menyentuh shor Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara supaya Kerajaan menggalakkan penubohan Dewan² Perniagaan untuk peniaga² Melayu di-peringkat² daerah dan negeri. Penubohan Dewan² Perniagaan Melayu sa-bagai yang di-shorkan itu ada-lah baik dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedia memberikan pertolongan dan galakan berbentuk nasehat atau lain² juga yang sesuai kapada mana² masyarakat perniagaan Melayu yang berkenaan. Dalam hubungan ini, saya telah di-fahamkan ia-itu Gabungan Dewan² Perniagaan Melayu sekarang ini sedang mengkaji sa-mula perlembagaan-nya dengan tujuan untuk membentok sa-buah pertubohan yang benar² aktif bagi mewakili kepentingan keseluruhan masyarakat perniagaan Melayu. Saya berharap langkah yang baik ini dapat di-laksanakan dengan sa-bberapa segera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dua tiga

perkara berthabit dengan Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh tentang sagu hati di-atas kematian sa-orang anggota tentera dalam pertemporan. Saya suka menyatakan di-sini bahawa sagu hati yang di-berikan itu bukan-nya sa-banyak \$1,000 tetapi sa-benar-nya \$2,000.

Tuan Yang di-Pertua, wang yang di-beri itu bukan-lah wang yang di-beri hak (obligation) daripada Kerajaan, tetapi ia-lah sagu hati ia-itu ex-gratia payment yang mana Tabong Pertahanan ini ada-lah di-kumpulkan daripada wang² yang di-beri oleh penderma². Sa-orang askar yang chedera akibat pertemporan ada-lah di-beri sagu hati sa-banyak \$1,000 atau \$300 jika askar itu di-rawat sa-bagai orang sakit luar (out-patient). Sagu² hati yang saya sebutkan itu ia-lah di-beri dari wang Tabong Pertahanan Negara, sama ada jumlah sagu hati itu dapat di-tambah lagi ada-lah bergantung kapada kedudukan kewangan tabong itu.

Saya perchaya jika semua ra'ayat terutama orang² kaya dalam negeri ini sadar dan berasa terhutang budi di-atas bakti dan pengorbanan anggota² tentera kita itu, maka sudah tentu-lah mereka tidak keberatan untuk menghulorkan derma lebeh banyak lagi kapada Tabong Pertahanan Negara itu dan dengan itu dapat-lah di-tambah jumlah sagu² hati itu. Walau bagaimana pun menurut sharat² perkhidmatan mereka anggota² Angkatan Tentera ada-lah berhak mendapat ganjaran penchen balu dan juga penchen anak². Ada-lah di-harap penyemakan semula gaji, elaun dan sharat² perkhidmatan anggota Angkatan Tentera yang baharu selesai itu yang mana laporan mengenai-nya sedang di-kaji oleh Kerajaan, maka anggota² Angkatan Tentera akan mendapat sharat² perkhidmatan dan faedah persaraan yang lebeh baik lagi.

Mengenai shor Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan mengadakan latehan peralehan yang lebeh baik dan berkesan kapada Anggota² Tentera yang akan bersara, sa-benar-nya perkara itu ada-lah sedang di-laksanakan. Perkara mengenai masalah yang di-hadapi oleh bekas² Anggota Tentera dan lain²-nya sedang dan akan di-jalankan untuk mengatasi masalah itu telah saya nyatakan dengan panjang lebar dalam jawapan² saya

pada Pertanyaan² Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu pada 9.5.72 dan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pada 10.5.1972. Oleh yang demikian tidak-lah perlu saya berchakap panjang mengenai perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pada 12hb Mei, 1972, telah membangkitkan soal penubohan Pasokan Tentera Wanita yang menurut beliau ada-lah berlawanan dengan ajaran Islam. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu telah lupa bahawa di-zaman Rasulullah dan di-zaman Khalifah² Yang Empat, wanita² Seri Kandi Islam turut berjuang di-medan perang berganding bahu dengan Shuhada² yang lain. Malah sejarah dunia telah membuktikan bahawa kaum wanita boleh mengangkat senjata berjuang di-medan² perang sama dengan kaum lelaki.

Ahli Yang Berhormat itu telah berkata juga ini ada-lah menjadi suatu kerugian yang besar jikalau perempuan² ini terkorban di-dalam peperangan itu, Dato' Yang di-Pertua. Dan saya rasa ini bukan-lah rugi dan tidak akan mengurangkan baka, oleh sebab kematian kaum perempuan, tetapi saya rasa juga jikalau lelaki pun mungkin kita tidak ada juga masalah baka ini. Jadi, dari segi zuriat, saya rasa jikalau lelaki pun terkorban mungkin-lah akan mengakibatkan keburokan yang sama. Jikalau perempuan terkorban pun ada-lah sama juga.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Untuk penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, masalah wanita bersama² berjuang dalam perjuangan Ugama Islam, menurut pendapat saya bahawa wanita tidak bersama dengan ashkar lelaki. Wanita hanya di-belakang, menghantar barang makanan dan merawat orang² yang chachat chedera zaman perjuangan Islam, tidak ada ashkar wanita kita yang ka-depan.

Yang kedua, saya kesal wanita² itu terkorban dengan sebab mereka jadi ashkar yang di-hadapan. Saya hendak bertanya adakah orang lelaki itu boleh mengeluarkan zuriat?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Dato' Yang di-Pertua, perkara zuriat ini jikalau perempuan terkorban, jikalau lelaki pun terkorban. Saya rasa masalah itu sama. Lelaki pun berhak juga. Kalau tidak ada lelaki, mungkin perempuan tidak berguna. (*Ketawa*). Jadi, perkara perempuan ini patut

di-belakang, saya rasa masalah depan-belakang sa-macam sahaja (*Ketawa*). Saya rasa, soal ini ada-lah sama dan ini ada-lah sesuai dengan keadaan sekarang ini, masa yang moden dan masa yang mana perempuan pun, saya rasa, tidak-lah begitu pada fikiran saya, oleh sebab mungkin jikalau perlu suatu fatwa di-ambil, mungkin kita akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya untuk beberapa fatwa yang mana di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah membangkitkan hal Tentera Wataniah, yang mana pemberian, pembayaran elaun dan sa-bagai-nya telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah begitu baik dan begitu wajar-nya di-beri dan patut-lah di-pertimbangkan supaya elaun ini di-berikan tambahan. Saya suka mengatakan, Dato' Yang di-Pertua, kapada Dewan ini, ia-itu elaun² yang di-beri ini bukan-lah untuk memberi penampungan kapada satu segi pendapatan bulanan kapada mereka ini. Elaun ini di-beri hanya sa-bagai pemberian elaun latehan, bukan-lah untuk memberikan suatu tambahan pendapatan bulanan kapada mereka² ini. Kerana mereka ini di-sifatkan telah ada pekerjaan yang lain, yang kekal. Hanya latehan sahaja untuk latehan elaun ini di-berikan kapada mereka ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa tidak-lah begitu, tidak puas hati kapada pehak yang berkenaan jikalau saya tidak menyentuhkan sedikit sa-banyak apa yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, dari segi di-mana Yang Berhormat dari Batu telah menyatakan dengan panjang lebar seperti yang terdengar dalam Dewan ini di-mana beliau telah mengatakan sifat² championing the cause of women di-dalam negara kita ini dan dalam dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah berkata dalam satu masalah dengan perempuan atau pun women yang non-Muslim. Saya rasa chadangan² yang mengatakan telah ada dictum-obiter dalam Mahkamah, di-dalam judgement Hakim², mengatakan patut ada resort to legislation supaya memindahkan kedudukan chara² perkawinan yang ada sekarang ini. Dato' Yang di-Pertua, saya suka mengatakan dari segi ini, hal ini Kerajaan telah menubuhkan satu Surohanjaya yang mana Ahli² Dewan ini

telah tahu, ia-itu laporan ini telah pun diserahkan dan jikalau perlu, bagi pihak Ahli Yang Berhormat dari Batu itu mengatakan satu pindaan legislation patut di-buat, perlulah Ahli Yang Berhormat itu membuatkan suatu, memberikan keterangan² di-atas keterangannya, ada dari segi perkahwinan non-Muslim yang ada dalam negara ini supaya keterangan itu di-buat pindaan, jika perlu dan pihak Kerajaan telah mengambil tindakan mengadakan pertubuhan, Jawatan-kuasa atau pun Commission, Surohanjaya dan saya rasa ini ada-lah sesuai dengan apa yang telah di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Dan Ahli Yang Berhormat telah mengatakan patut-lah kita memberikan emancipation. Emancipate the ladies sekarang ini. Izinkan saya mengatakan sedikit sa-banyak dalam bahasa Inggeris. Tetapi emancipation ini kita maseh berikan, Dato' Yang di-Pertua, mengikut kedudukan keadaan moden ini, tetapi kita mesti mengingatkan, Dato' Yang di-Pertua, ada orang mengatakan: Emancipation of women is enslavement of men.

Saya rasa kita mesti-lah beransor² menimbangkan kedudukan ini. Sunggoh pun saya bagi pihak untuk memberikan penerangan yang sama, sokongan yang sama untuk women, tetapi kita pun mesti-lah dengan kedudukan yang mana berlawanan dengan ugama jikalau ugama Islam, yang mana hak² kita mungkin ada sedikit sa-banyak berlawanan. Mungkin-lah kita akan mengkajikan kedudukan-nya dengan teliti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi "X" filem itu Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Ya, beliau tidak bersetuju. Itu dari segi "X" filem, Dato' Yang di-Pertua.

Dari segi perkahwinan dan percheriaan orang² Islam, saya rasa, ini bukan-lah Kerajaan yang mana perkara ini patut di-bincangkan kerana masalaah perkhawinan, percheriaan ada-lah satu hak Kerajaan Negeri, yang mana terchatet dalam Perlembagaan kita ada-lah ini patut di-rujukkan kepada Kerajaan Negeri dan juga Majlis Ugama tiap² Negeri yang ada kerana Ugama Islam ada-lah hak, seperti yang terchatet di-dalam Perlembagaan ada-lah hak Kerajaan Negeri dan hak Raja² Negeri² Melayu.

Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, dan saya suka-lah menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain yang telah berchakap atas hal ini. Terima kaseh.

Dr Lim Keng Yaik: Dato' Yang di-Pertua, Saya menyokong usul yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara dan di-sini saya minta izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris (*Dengan izin*) I would like to thank Honourable Members for raising questions in the debate on the Royal Address.

Mr Speaker, Sir, with due respect to the Honourable Member for Bandar Melaka for his fine rhetoric, I would like to point out to the Honourable Members of the House that the Honourable Member for Bandar Melaka failed to understand the spirit embodied in the Government's New Economic Policy which forms the basis of the Second Malaysia Plan. As the Royal Address categorically states, the New Economic Policy was formulated as a result of the Government's determination to bring about national unity through restructuring society and the eradication of poverty, among the people, irrespective of race. It is crystal clear that in this context the development of new villages will necessarily form part and parcel of the Second Malaysia Plan and they cannot and should not be treated as a separate entity. As such, the Government's policy is aimed at eradicating poverty in the entire rural sector, be they new villages or rural kampongs. In this respect, it is not necessary to mention specifically the plight of the new villagers.

With regard to agricultural land for the new villagers, many new villagers have been given land by the respective State Governments. Mr Speaker, Sir, I wish to remind the Honourable Member for Bandar Melaka that landless persons are not confined to new villages only. The accusation of the Honourable Member for Bandar Melaka that the new villagers have been completely neglected and that the new villagers are treated as second class citizens is completely and utterly untrue. It seems to me that the Honourable Member for Bandar Melaka is trying to make belief that all new villages have not been provided with any basic necessity such as water, electricity, roads or housing land. I would like to point out to the Honourable Member for Bandar

Melaka that nearly all the new villages have the basic necessities and only some in remote areas and those new villages that have been poorly administered face the problems of maintaining these amenities and not that they are lacking of these basic facilities. Besides many of the new villages are within Local Council areas and annually the State Government do give them balancing grants. In addition, the Ministry of Technology, Research and Local Government has been giving capital work grants to Local Councils.

New villages also have such facilities as public telephones, community halls, water, electricity, etc. Hence, to allege that the new villagers have been completely neglected and treated as second class citizens is, to say the least, misleading. The Government is determined to eradicate poverty among the people irrespective of race and regardless of the place where they live. Therefore, the question of sincerity and desire to uplift the standards of the new villagers does not arise and indeed to take new villages as a separate entity is contrary to the concept of the New Economic Policy.

As for the accusation of the Honourable Member for Bandar Melaka that I have not done a single thing for the new villages except making highly publicised tours and endless promises, I would like to point out to Honourable Members of this House, and in particular to the Honourable Member for Bandar Melaka, the development projects, whether they are in new villages or elsewhere, cannot just be implemented at random. A survey has to be conducted to consider the necessary projects and funds to implement them in the context of the Second Malaysia Plan.

Mr Speaker, Sir, the Government believes that in order to successfully implement the Second Malaysia Plan, resources must be utilised to its maximum, and whatever unnecessary wastage of funds owing to poor planning be avoided.

Mr Speaker, Sir, in the last few months, I have been travelling extensively to survey the overall conditions of the various new villages in various States with the purpose of getting first-hand knowledge of the problems of new villages so that I can carry out my duties effectively in co-ordinating development projects for new villages. In the course of my tours, I have also met Honourable Menteri²

Besar and Chief Ministers of the various States to discuss and to seek their co-operation, to give where possible agricultural land to new villagers to expedite the issue of leases and to give concession on land premium and rent to the new villages.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Bungsar does not seem to be aware that no Ministry of New Villages has been established. I have been appointed as a Minister with Special Functions with the responsibility of co-ordination of development in new villages responsible to the Right Honourable Prime Minister. To service me, a Division known as the Special Functions Division has been created in the Prime Minister's Department. My appointment and creation of the Special Functions Division are solely for the purposes of co-ordination of development in new villages. Co-ordination being my responsibility and since implementation of approved development projects will be undertaken by the respective Ministries and Departments or other Government agencies, I find that after a survey has been taken and if there are necessary projects required which are not programmed, then my Division could consider asking for funds to help in their implementation.

The allegation that even the Alliance State Governments have refused to co-operate is grossly misleading. On the contrary, the Honourable Menteri² Besar and Chief Ministers whom I have met and with whom discussed matters pertaining to new villages have given me their utmost co-operation.

Mr Speaker, Sir, I would like to point out very clearly to the Honourable Member for Bungsar that to visit new villages with the object of finding out personally the conditions there and to get a first hand knowledge of the problems and needs are my duty and such visit should not be construed as rousing up the expectations of new villagers on false pretences.

Mr Speaker, Sir, it is regretted that my statement in urging new villagers who are eligible to join the FLDA schemes has been misunderstood by the Honourable Member for Kampar. In advising them to join the schemes, I really meant that they should apply when applications were invited. I did so because I came to understand that in the past there were some new villagers who were

reluctant to join the FLDA schemes. In view of the above, I have not considered it necessary to consult the FLDA Chairman beforehand.

Development in new villages should not be treated as a separate entity but it is part and parcel of the overall development of the rural sector of our country. It is within this context that my Division of the Prime Minister's Department has been working at and that primarily our work is to co-ordinate and to recommend necessary projects for implementation by the various States and Ministerial Departments. Thank you.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan.

Bahawa suatu ucapan yang tidak sapertinya di-persembahkan kepada Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan ber-banyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketiga."

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, hari Khamis, 18hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.23 malam.